

OBOR BELIA

BUKU 24

JALAN YANG MANA' SATU?

(PERBANDINGAN AGAMA)



Penerbitan Kristian

OBOR BELIA

Penulis (Bahasa Inggeris): Goh Kim Guat

Kim Guat aktif dalam pelayanan belia dan kanak-kanak. Dia telah memperoleh B.A. (Hons) di Bryn Mawr College, U.S.A. dan M.Ed. di Harvard Graduate School of Education.

Penterjemah: Jacqueline Jose

Jacqueline adalah seorang Rungus dari Kudat yang menetap di Lahad Datu, Sabah. Merupakan pelajar ijazah perubatan di Monash University kampus Sunway, Jacqueline mula terlibat dalam penterjemahan melalui projek "101 Cerita-Cerita dari Alkitab" terbitan Wawasan Penabur.

Penulis & Penyunting: Randy Singkee

Randy banyak terlibat dalam penulisan dan penterjemahan sejak tahun 1993. Dia memperoleh B.A. (Hons) dari Universiti Malaya dan M.Sc. dalam bidang Geographical Information Systems (GIS) dari University of Edinburgh, UK.

Cetakan Pertama: March 2011

Cetakan Kedua : Januari 2012

Penerbit : Wawasan Penabur Sdn. Bhd.
wawasan.penabur@gmail.com

Kulit Buku : Randy Singkee

Artis Ilustrasi : Eugene Tan & Yee Weng Chiang

Petikan Alkitab diambil dari

Alkitab Berita Baik © 1996, Bible Society of Malaysia

Alkitab Terjemahan Baru © 1974, Lembaga Alkitab Indonesia

Hakcipta © 2011 Wawasan Penabur Sdn. Bhd.

Hak Cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Penerbit.

Isi Kandungan

1	Sebelum Anda Bermula
4	Mukadimah: Jalan Yang Mana Satu?

Lembar Kerja

6	Sesi 1: Antara Tokong Dan Dewa
12	Sesi 2: Tiada Tuhan Selain Allah
18	Sesi 3: Tuhan Satu Atau Banyak?
22	Sesi 4: Pemutarbelit Kebenaran
26	Sesi 5: Tahyul Dan Amalan Ghaib
30	Sesi 6: Makanan Persembahan Berhala
34	Sesi 7: Penyembahan Nenek Moyang
38	Sesi 8: Perayaan-Perayaan Bukan Kristian

Panduan Pembimbing

43	Sesi 1
50	Sesi 2
60	Sesi 3
66	Sesi 4
73	Sesi 5
79	Sesi 6
87	Sesi 7
96	Sesi 8

Sebelum Anda Bermula...

Memperkenalkan **OBOR BELIA**

OBOR BELIA dituliskan sebab:

- Para belia dan muda-mudi masih mencari program yang lebih berkesan dan yang dapat memenuhi keperluan mereka.
- Para belia dan muda-mudi masih kekurangan pembelajaran sistematik yang dapat meletakkan dasar iman teguh di tengah-tengah tekanan kehidupan moden ini.
- Kebanyakan buku pemuridan tidak dituliskan menurut konteks dan masalah-masalah yang dihadapi oleh belia dan muda-mudi yang hidup sebagai umat Tuhan di negara ini.

OBOR BELIA merupakan kurikulum yang memuat kaedah-kaedah kreatif dan praktikal agar Injil dapat disampaikan sesuai dengan keperluan para belia dan muda-mudi zaman sekarang. Kurikulum ini diolah untuk generasi muda Tubuh Kristus supaya mereka mengenal iman mereka secara mendalam dan hidup setia sebagai umat Tuhan di negara ini. Kurikulum ini akan memberi anda peluang untuk berbincang, bertukaran pendapat, berdoa bersama, belajar daripada satu sama lain, dan berseronok bersama. Setelah mempelajari kurikulum ini, anda akan mengetahui bahawa menjadi seorang Kristian memang relevan, mencabar, teruja dan anda akan menemui apa yang anda kehendaki untuk kehidupan anda.

Cara Menggunakan **OBOR BELIA**

OBOR BELIA dicorakkan untuk pertemuan mingguan yang boleh digunakan di persekutuan di sekolah, rumah atau gereja. Anda juga boleh mengubahsuainya untuk kelompok kecil anda.

Siri buku ini mempunyai dua bahagian besar: Lembar Kerja dan Panduan Pembimbing yang memberi panduan dan aktiviti-aktiviti kreatif untuk topik-topik buku ini.

Panduan Pelajar terdiri daripada Kata-Kata Mutiara, Ayat Mas Alkitab, Aktiviti Bersama, Renungan Firman Tuhan, Renungan Peribadi dan Doa. Panduan Pembimbing pula mempunyai tiga aspek tambahan iaitu Objektif-Objektif Sesi, Aktiviti Pencetus Minat, Jawapan Firman

Tuhan serta kaedah ajaran yang boleh digunakan.

Pembimbing atau pemimpin kelompok harus membaca Lembar Kerja dan Panduan Pembimbing untuk memahami seluruh pelajaran ini dan cara menyelenggarakannya.

Dalam Siri Buku **OBOR BELIA** ini, anda akan menemui yang berikut:



Ayat Mas Alkitab

Ayat ini merupakan ayat yang penting dan perlu direnungi bersama kelompok anda.



Kata-Kata Mutiara

Baca bersama ahli-ahli kumpulan anda dan jelaskannya secara singkat.



Aktiviti Bersama

Bahagian ini memperkenalkan tema utama sesi ini dengan menggunakan pelbagai permainan, lakonan, kertas kerja atau cara yang menarik untuk mencetus minat para peserta.



Renungan Firman Tuhan

Bahagian di mana Firman Tuhan akan dibentang dan dibincangkan. Pelbagai aktiviti dirancang agar mereka dapat melibatkan diri dalam Firman Tuhan.



Renungan Peribadi

Bahagian ini menggabungkan cara-cara kreatif dan praktikal untuk menggalakkan mereka merenungi pelajaran hari itu serta menerapkan kebenaran yang telah dipelajari untuk kehidupan mereka, dan bukan sekadar mengetahuinya sahaja.




Doa

Pembimbing dan peserta digalakkan menutup setiap sesi dengan doa.

Untuk Pemimpin/Pembimbing

Panduan untuk memimpin dan membimbing sesi disediakan di bahagian akhir buku ini. Anda akan dibekalkan dengan nota-nota tambahan untuk setiap bahagian dalam sesi di Lembar Kerja.



Objektif-Objektif Sesi

Bahagian ini menjelaskan dengan terperinci objektif-objektif sesi. Pembimbing mesti membaca objektif-objektif ini sebelum memulakan pelajaran.



Pencetus Minat

Mencadangkan beberapa teknik pemanasan dan pencetus minat para pelajar dengan menggunakan permainan, lakonan, dan sebagainya.



Aktiviti Tambahan

Aktiviti atau pelajaran tambahan yang diolah untuk memperkuatkan lagi pengajaran Alkitab atau satu pernyataan.

Beberapa Panduan Berguna

*** Baca**

Baca bahagian Lembar Kerja dan Panduan Pembimbing jika anda sedang membimbing satu kelompok supaya anda boleh berfikir dan menyiapkan diri dengan mantap.

*** Doa**

Berdoa agar Tuhan memberi anda kebijaksanaan sewaktu mengendalikan topik dalam perbincangan. Jangan lupa berdoa agar Tuhan menyentuh dan mengubah kehidupan ahli-ahli kumpulan anda.

*** Persiapan**

Bahagian Renungan Firman Tuhan memerlukan paling banyak bimbingan dan ajaran daripada anda. Renungkan contoh-contoh yang dapat menolong anda menjelaskan ajaran anda dalam bahagian lain.

*** Santai & Ketawa**

Jangan terlalu serius dan kalau boleh berjenakalah sekali-sekala. Biar proses pembelajaran itu lebih berinteraksi, partisipasi dan santai.

Buku 24 : Jalan Yang Mana Satu?

Mukadimah

Kita hidup dalam satu masyarakat yang berbilang kaum, kebudayaan dan agama. Sebagai rakyat Malaysia yang bertanggungjawab, kita harus saling memahami antara satu sama lain agar kita dapat hidup bersama dalam suasana yang aman dan harmoni.

Walau bagaimanapun, kita mempunyai tanggungjawab tambahan sebagai seorang Kristian. Ada dua alasan kita harus memahami agama dan kepercayaan lain yang ada di sekeliling kita: agar kita dapat berkongsi tentang kepercayaan kita dengan mereka, dan mempertahankan iman kepercayaan kita apabila dipertikaikan. Paulus berkata bahawa dia menjadi segala-galanya bagi semua orang agar dia berkesempatan untuk menyelamatkan beberapa di antara mereka (1 Korintus 9:22). Sekiranya kita mahu menjadi seperti Paulus, kita perlu mengambil tahu untuk mengetahui dan memahami pandangan dunia serta keperluan orang-orang dalam masyarakat kita. Maka kita akan berada dalam posisi yang lebih baik untuk menjaga kepercayaan kita dan juga pada masa yang sama dapat berkongsi tentangnya dengan orang di sekeliling kita.

Buku ini merupakan satu langkah kecil untuk menuju ke arah tersebut. Sesi 1-5 bertujuan untuk membantu para belia Kristian memahami asas kepercayaan utama dan amalan agama yang popular di negara ini. Ia juga meliputi kultus (*cults*) dan amalan ilmu ghaib (*occults*). Memandangkan terdapat banyak ajaran palsu yang kadang-kadang menyusup masuk ke dalam gereja, kita harus menyediakan belia kita untuk tahu bagaimana menggunakan Alkitab sebagai kayu pengukur kebenaran mereka

Pada masa yang sama, kehidupan sebagai seorang Kristian dalam konteks orang Asia juga bukanlah mudah, lebih-lebih lagi jika dia adalah satu-satunya orang Kristian dalam keluarga yang belum percaya. Dalam konteks orang Asia, agama bukan kepercayaan perseorangan. Ia adalah satu kepercayaan keluarga bersama yang sudah berbelit erat dengan budaya dan tradisi yang kadang-kadang sangat sukar untuk diketahui di mana agama bermula atau di mana budaya itu berakhir.

Sebab itulah ia sering menjadi satu dilema untuk orang-orang Kristian dari Asia. Tidak hairan kalau kita dikritik sebagai memeluk agama dan budaya asing. Ramai orang Kristian yang mahu kekal benar pada kepercayaan mereka, telah menolak banyak amalan budaya mereka kerana unsur agama yang tersembunyi di dalamnya. Persoalan yang kita hadapi sekarang ialah adakah semua amalan keagamaan mempunyai unsur-unsur sosial dan kebudayaan yang tidak seharusnya ditolak? Kita juga harus sedar bahawa terdapat banyak amalan dan perayaan yang pada luarannya kelihatan berunsur kebudayaan tetapi sebenarnya bersifat keagamaan. Jadi, bagaimana orang Kristian harus memberikan respon?

Sesi 6-8 akan menjadi satu permulaan baik untuk membantu para belia Kristian lebih memikirkan kepercayaan mereka berdasarkan Alkitab dalam konteks warisan Asia mereka. Mereka akan belajar untuk menjalani satu kehidupan yang menyenangkan TUHAN tanpa kompromi, dan pada masa yang sama tidak menolak unsur-unsur baik dalam budaya suku bangsa mereka, serta budaya-budaya lain yang terdapat di sekeliling mereka.

Semoga buku ini dapat membangun satu kesedaran dan pemahaman di kalangan belia Kristian mengenai amalan agama orang-orang di sekeliling mereka. Dan semoga melalui buku ini, mereka juga belajar untuk berdiri teguh dalam iman kepercayaan mereka sendiri, tahu bagaimana untuk menilai apa yang betul daripada apa yang salah dan apa yang benar daripada apa yang palsu. Semoga mereka belajar prinsip-prinsip Alkitabiah sebagai pembimbing untuk membantu mereka mengetahui sendiri bagaimana untuk sebaik mungkin menjalani kehidupan yang menghormati TUHAN.

Yesus berkata: "Jikalau kamu tetap dalam firman-Ku, kamu benar-benar adalah murid-Ku dan kamu akan mengetahui kebenaran, dan kebenaran itu akan memerdekakan kamu." (Yohanes 8:31-32)



Antara Tokong Dan Dewa





Ayat Mas Alkitab

“TUHAN yang menjadikan langit, Dialah Allah! Dia membentuk dan menjadikan bumi, Dia menjadikan bumi tempat kediaman manusia, bukan suatu tempat yang lengang. Dialah yang berfirman, “Akulah TUHAN, dan tidak ada yang lain.” (Yesaya 45:18)



Kata-kata Mutiara

Agama dan kepercayaan orang Cina sebenarnya merupakan campuran tiga kepercayaan: Konfusius, Taoisme dan Buddha.



Aktiviti Bersama

Soalan Sukar Dari Teman Cina

Dalam kumpulan 3-4 orang, bincangkan bagaimana anda menjawab soalan-soalan yang diajukan oleh teman-teman Cina anda yang bukan beragama Kristian. *(Jawapan-jawapan kepada soalan-soalan ini akan dibincangkan bersama semasa pembimbing anda membimbing **Renungan Firman Tuhan** nanti)*

1. Di samping menyembah dewa-dewa Cina, saya juga berdoa kepada Yesus. Bukankah semua tuhan yang ada itu sama?
2. Ibu bapa saya akan bersembahyang dan memberi persembahan kepada dewa untuk mendapat bantuan atau mendapat kekayaan dan kesihatan. Apa yang kamu perlu lakukan supaya Yesus menolong kamu?
3. Sebagai seorang penganut Buddha, saya cuba melakukan kerja-kerja baik mengikut ajaran Buddha. Ada kalanya, saya juga bersembahyang di tokong. Bukankah penganut Kristian juga melakukan perkara-perkara yang sama?

- Adalah penting bagi kami untuk terus menghormati nenek moyang walaupun mereka telah meninggal dunia. Kami menyembah dan menjaga roh mereka dengan memberi makanan dan lain-lain. Dengan ini, nenek moyang akan hidup dengan selesa dan tidak akan datang mengganggu kami. Bukankah kamu sebagai penganut Kristian juga perlu menghormati nenek moyang kamu?



Renungan Firman Tuhan

- Agama Buddha menitik-beratkan penganutnya supaya mempunyai satu kehidupan yang bermoral baik, dan mengelakkan melakukan perbuatan jahat. Bandingkan ajaran-ajaran Buddha dengan Sepuluh Hukum (Keluaran 20:2-17) dan beberapa ajaran Kristian yang lain.

Lapan Jalan Agama Buddha	Kekudusan Dalam Kristian
Pengertian yang benar melalui akal manusia (iaitu manusia yang menentukan, bukan dewa atau tuhan). Bahawa penderitaan itu ada di man-mana, tetapi dapat disembuhkan kalau mengikut ajaran Lapan Jalan Buddha.	Hukum 1 & 2 (Keluaran 20: 2-4)
Kehendak yang benar. Percaya pada diri sendiri. Pusatkan tenaga untuk mengatasi masalah penderitaan.	Hukum 1 & 2 (Keluaran 20: 2-4)
Perkataan yang benar. Jangan bohong, memaki, fitnah dan beri kesaksian palsu.	Hukum 9 (Keluaran 20: 16)
Perilaku yang baik. Jangan membunuh, mencuri, serakah, berbohong dan salah gunakan alkohol dan dadah.	Hukum 6 -10. (Keluaran 20: 13-17)
Penghidupan dan pekerjaan yang baik (harus bekerja).	2 Tesalonika 3:10

Lapan Jalan Agama Buddha	Kekudusan Dalam Kristian
Usaha yang baik. Mendorong pemikiran positif dan membuang pemikiran negatif.	Filipi 2:3-5
Fikiran yang benar. Seluruh hidup kita adalah hasil dari apa yang kita fikirkan.	Matius 15:18-19
Renungan yang benar (meditansi dan yoga)	Yosua 1:8

2. Agama Cina (Buddha, Taoist atau Penyembahan Nenek Moyang) adalah agama yang menitikberatkan usaha (perbuatan) dan moral, sedangkan kepercayaan Kristian adalah berasaskan rahmat Allah. Tuliskan apa yang diajar Alkitab tentang yang berikut:

Agama Cina	Agama Kristian
Dunia ini hanya sementara. Manusia akan dilahirkan semula apabila sudah mati.	Yesaya 51:6
Penderitaan tidak berkesudahan (<i>Dhukha</i> dan <i>Hukum Karma</i>). <i>Karma</i> yang jahat (kejahatan di kehidupan sebelumnya)lah yang menyebabkan penderitaan.	Roma 3:23-24
Penyelamatan dari <i>samsara</i> (putaran reinkarnasi) adalah berbuat baik untuk menuju <i>nirvana</i> (perlepasan daripada dilahirkan semula/ reinkarnasi)	Yohanes 3:15-18
Harus bekerja untuk mendapatkan pembebasan dari penderitaan.	Efesus 2:8-10


Agama Cina	Agama Kristian
Reinkarnasi. Anda akan dilahirkan semula bergantung kepada karma.	Ibrani 9:27
Roh orang mati akan berada di salah satu daripada 3 tempat ini: syurga, alam lain atau di nisan kayu di altar keluarga.	Roma 14:9; Filipi 1:23



Renungan Peribadi

Berdoa Syafaat untuk Teman-teman Cina Anda

Ingat dan tuliskan nama-nama teman Cina anda yang belum mengenal Kristus. Luangkan sedikit masa untuk berdoa bagi mereka.



Santapan Minda

“Tidak ada yang diselamatkan dengan kekuatannya sendiri, tetapi dia diselamatkan oleh kasih kurnia dan rahmat Allah.”

~ St. Siprianus



Doa

Dalam kumpulan yang sama, doakan sesama sendiri agar ada peluang dan keberanian untuk menginjil rakan-rakan Cina anda pada minggu ini. Doakan bagi rakan-rakan yang beragama Buddha, Taoisme atau Konfusiunisme agar mereka ada peluang untuk mengenali Yesus.



Tiada Tuhan Selain Allah





Ayat Mas Alkitab

“Dengarlah, hai orang Israel: TUHAN itu Allah kita, TUHAN itu esa! Kasihilah TUHAN, Allahmu, dengan segenap hatimu dan dengan segenap jiwamu dan dengan segenap kekuatanmu.” (Ulangan 6:4-5)



Kata-kata Mutiara

Islam adalah agama kedua terbesar di dunia dengan pengikut lebih daripada 1 billion orang. ‘Islam’ sebenarnya bererti ‘berserah kepada Allah’. Oleh itu, seorang Muslim adalah orang yang berusaha untuk tunduk kepada Allah.



Aktiviti Bersama

Pertanyaan Sukar Dari Teman Islam

Dalam kumpulan 3-4 orang, bincangkan bagaimana anda menjawab soalan-soalan yang diajukan oleh teman-teman Muslim anda. *(Jawapan-jawapan kepada soalan-soalan ini akan dibincangkan bersama semasa pembimbing anda membimbing **Renungan Firman Tuhan** nanti)*

1. Kami percaya kepada Allah Yang Esa (satu). Tetapi kamu orang Kristian mempercayai dan menyembah tiga Tuhan.
2. Allah tidak mempunyai anak. Kenapa kamu menyebut Yesus sebagai Anak Allah? Bagi Islam, dia hanyalah seorang nabi.
3. Yesus tidak mati disalibkan. Al-Quran mengatakan orang lain yang disalib.



4. Alkitab sudah diubah. Kamu telah membaca Injil yang telah dipalsukan.



Renungan Firman Tuhan

Sama seperti agama Kristian dan Yahudi, Islam adalah agama *monotheist* (agama Tauhid. Percaya kepada Tuhan yang satu). Namun begitu, ada banyak perbezaan dalam pengertian kedua-dua agama tersebut. Bandingkan beberapa konsep dan ajaran yang terdapat dalam Islam dengan Kristian.

Ajaran Islam Tentang....	Ajaran Kristian Mengatakan...
Alkitab – adalah kata-kata para nabi. Tetapi sudah diubah dan tidak boleh dipercayai lagi.	2 Timotius 3:16
Allah – Tuhan Yang Esa, Pencipta alam semesta dan berkuasa ke atasnya.	1 Timotius 2:15 dan Matius 28:19
Dosa Asal – Tidak ada dosa asal. Manusia dilahirkan tanpa dosa sehinggalah mereka mengingkari Allah.	Roma 5:12-23
Iblis – Jin yang dicipta dari api dan telah berdosa. Dia enggan sujud kepada Adam semasa Adam diciptakan Allah.	Yesaya 14:12-15
Manusia – tidak diciptakan dalam imej Allah, tetapi dari debu tanah. Kemudian Allah menghembuskan nafas kepadanya.	Kejadian 1:26

Ajaran Islam tentang....	Ajaran Kristian mengatakan...
Penebusan – tidak ada penebusan dalam Islam. Dosa harus diakui, benar-benar bertaubat dan harus memohon pengampunan dari Allah. Kemudian Allah akan memilih untuk mengampuni atau tidak.	1 Petrus 2:24
Penyaliban – Yesus tidak disalib, tetapi diangkat terus ke syurga oleh Allah. Yang disalib adalah Yudas.	Kisah Para Rasul 2:22-23
Penyelamatan – adalah melalui ketaatan kepada Allah. Allah akan menimbang perbuatan baik dan buruk untuk menentukan adakah seseorang ke syurga atau neraka.	Efesus 2:8-9
Roh Kudus – adalah Malaikat Jibril yang menyampaikan Al-Quran kepada Muhamad.	Yohanes 14:16-17
Yesus – seorang nabi yang baik dan tidak berdosa. Dilahirkan oleh seorang perawan. Bukan Anak Allah. Tidak mati disalib. Akan datang kedua kali untuk menghakimi dunia.	Yohanes 1:1,14; 1 Timotius 2:5,6



Renungan Peribadi

Usaha Pengislaman Ke Atas Suku Bumiputera Sabah & Sarawak

Pelbagai usaha pengislaman sedang giat dijalankan ke atas suku-suku Bumiputera Sabah & Sarawak, terutamanya yang secara tradisional adalah suku Kristian. Ia giat dijalankan di sekolah bermula dari tadika hinggalah ke peringkat yang lebih tinggi. Media massa juga digunakan secara meluas terutamanya dari segi rancangan TV dan siaran khas Dakwah. Ini termasuk juga penyekatan penyebaran buku-buku Kristian dan Alkitab, larangan mencetak buku-buku Kristian dan Alkitab, dan juga larangan penggunaan perkataan seperti 'Allah'.

- ❶ Bincangkan cara-cara bagaimana usaha pengislaman ini dijalankan.
- ❷ Bagaimana kita boleh membantu menyedarkan orang-orang Kristian (baik di sekolah ataupun gereja) tentang usaha pengislaman ini dan cara untuk mencegahnya?

Santapan Minda

Kalimat “Allah” – Apa Yang Perlu Kita Ketahui

Baru-baru ini banyak kebingungan timbul ekoran dari kontravensi penggunaan kalimat Allah, termasuklah di kalangan umat Kristian sendiri. Bahkan ada yang mencadangkan agar kita berhenti menggunakan kata “Allah” dan menggantikannya dengan “Tuhan” sahaja untuk menyenangkan Kerajaan, supaya dapat mengelakkan masalah.

Satu organisasi Kristian telah menggugurkan semua perkataan Allah daripada bahan penginjilan versi bahasa mereka. Bahkan apabila mengutip dari Alkitab, dengan sengaja mereka ubah kalimat “Allah” kepada “Tuhan” bila kata itu muncul. Yang lain pula telah menukar doa dan lagu-lagu untuk cuba tidak menyebut kalimat tersebut, tanpa mengambil kira izin daripada penulis atau penerbit.

Malangnya, mereka yang mengelakkan menggunakan kata Allah melakukannya kerana takut atau jahil. Majoriti daripada mereka adalah dari golongan bukan penutur Bahasa Malaysia atau bukan pengguna Alkitab Bahasa Malaysia/Indonesia.

Mengapa orang Kristian harus menentang pihak berkuasa hanya kerana satu perkataan itu? Itu adalah soalan yang salah. Seharusnya kita bertanya: Kenapa pihak berkuasa tidak boleh membenarkan orang Kristian untuk mengamalkan iman mereka tanpa gangguan yang tidak masuk akal, dan yang tidak mencampuri urusan sehingga mengeluarkan perintah kata-kata yang tidak boleh kita gunakan?

Isu ini lebih daripada sekadar kata. Biarkan satu hal menjadi jelas. Alasan mengapa kata itu digunakan oleh Bumiputra dan umat Kristian

berbahasa Melayu dan dalam Alkitab serta bahan penerbitan Kristian dalam Bahasa Malaysia adalah kerana ini adalah istilah yang benar dalam semua aspek - etimologi, teologi, liturgi, undang-undang, fakta dan sejarah.

Dalam kes *Herald vs Kerajaan*, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur memutuskan bahawa *The Catholic Weekly* boleh menggunakan kalimat Allah. Keputusan kerajaan untuk menghentikan daripada penggunaan kata ini adalah “tidak berlandaskan undang-undang, tidak berperlembagaan, tidak rasional, tidak masuk akal dan batal dari segi perundangan.”

Dari segi undang-undang, keputusan mahkamah mengatakan: “Setiap larangan penggunaan kata ini (Allah) adalah pelanggaran serius terhadap hak-hak berperlembagaan *The Herald*.”

Dari segi Fakta: “.. tidak ada bukti-bukti pertimbangan yang dibangkitkan dan ditentang oleh Menteri (Dalam Negeri) sebagai fakta yang benar ...”

Dari segi etimologi, teologi, liturgi dan sejarah: ... “perkataan ‘Allah’ adalah kata dalam Bahasa Malaysia yang tepat untuk ‘God’ ... dan ‘Lord’ diterjemahkan sebagai ‘Tuhan’... Kata ‘Allah’ telah digunakan secara berterusan dalam edisi cetak Injil Matius (sejak) 1629 ...”

Dari segi tuntutan kerajaan bahawa penggunaan kata merupakan ancaman terhadap keselamatan negara: “Tidak pernah ada insiden yang tak diingini yang timbul dari penggunaan kata ‘Allah’ selama 14 tahun *The Herald* menggunakan kata tersebut.”

Jadi apa yang terjadi jika keputusan Mahkamah Tinggi dibatalkan oleh Mahkamah Rayuan atau Mahkamah Persekutuan? Kita tidak dapat meramalkan apa yang akan atau boleh Perundangan lakukan. Satu hal yang kita tahu: Kewenangan terakhir adalah kebenaran. Firman Allah adalah jelas: “kebenaran akan membebaskanmu.” (Yohanes 8:32).

Pemilihan istilah untuk orang Kristian berbahasa Melayu (BM) adalah sangat jelas. Jika kita semua boleh memahami hal ini, maka tidak akan ada kebingungan atas penggunaan kata Allah.


~ Bob Teoh, Berita Rakan Penabur



Doa

Berdoalah supaya gereja lebih sedia menghadapi ancaman pengislaman ke atas jemaatnya. Berdoa agar Bumiputera Kristian Sabah dan Sarawak akan teguh dalam iman mereka.

Tuhan Satu Atau Banyak?





Ayat Mas Alkitab

“Tetapi Allah, Penyelamat kita menunjukkan kasih dan kebaikan hati-Nya kepada kita. Dia menyelamatkan kita, bukan kerana perbuatan baik kita, tetapi kerana belas kasihan-Nya. Allah menyelamatkan kita melalui Roh-Nya, yang mengurniai kita kelahiran baru dan hidup baru dengan membasuh kita.”
(Titus 3:4-5)



Kata-kata Mutiara

Agama Hindu adalah agama orang India, meliputi kepelbagaian yang luas tentang kepercayaan keagamaan yang terhasil daripada campuran budaya lama, kepercayaan animisme, sistem falsafah yang berbeza dan epik lagenda tentang dewa, perwira dan orang bijaksana.



Aktiviti Bersama

Apa yang Anda Tahu?

Dalam kumpulan 4-5 orang, bincangkan yang berikut:

1. Siapakah pengasas agama Hindu?
2. Kepada siapakah atau kepada apakah mereka bersembahyang?
3. Apakah yang dipercayai oleh agama Hindu?
4. Adakah mereka percaya kepada hanya satu tuhan? Jika tidak, ada berapa yang mereka percaya?



Renungan Firman Tuhan

Ada banyak persamaan antara agama Buddha dengan Hindu (kerana ajaran Buddha banyak dipengaruhi oleh agama Hindu dan Jain). Tapi

ada banyak juga perbezaan di antara mereka. Bandingkan beberapa ajaran Hindu dengan apa yang orang Kristian percaya:

Penganut Hindu Percaya...	Orang Kristian Percaya...
Ada berjuta-juta dewa dan dewi dalam Hindu. Tetapi dewa yang tertinggi adalah Brahman, yang menciptakan semua yang ada.	1 Korintus 8:6
Tujuan kehidupan adalah untuk memahami kebenaran supaya kita mengerti siapa kita dan siapa Tuhan. Ini akan membolehkan kita mengakhiri pusingan reinkarnasi, dgn itu menyatukan kita dgn realiti spiritual yang kekal, iaitu Tuhan.	Yohanes 14:6
Semua manusia terperangkap dalam <i>samsara</i> (putaran reinkarnasi). Tidak ada kehidupan yang kekal. Roh akan dilahirkan semula ke dalam bentuk yang lain.	Yohanes 5:24
Penyelamatan dari <i>samsara</i> (putaran reinkarnasi) ialah mencapai <i>moksha</i> (pelepasan dari <i>samsara</i>). Ini dapat dilakukan melalui pekerjaan baik, meditasi, pengulangan mantra, <i>poja</i> dan <i>bhakti</i> (penyembahan dan persembahan) kepada dewa-dewa.	Efesus 2:8-10
Reinkarnasi. Anda akan dilahirkan semula bergantung kepada karma.	Ibrani 9:27
Tidak ada dosa dalam manusia. Semua ditentukan oleh karma.	Titus 3:4-7
Dewa-dewa datang dalam pelbagai bentuk, tetapi tidak berminat dengan kebajikan manusia. Manusia harus melakukan <i>poja</i> dan <i>bhakti</i> kepada dewa-dewa ini supaya kehidupan mereka tidak terganggu.	Yohanes 3:16

Penganut Hindu percaya...	Orang Kristian percaya...
Penyembahan (<i>poja</i> dan <i>bhakti</i>) kepada dewa-dewa akan menjamin keselamatan. Kadang-kadang kita harus melakukan sesuatu (seperti membayar nazar, angkat kavadi) untuk mendapat restu dan berkat dari dewa-dewa.	Mazmur 116:1-6
Imej dan patung penting dalam pemujaan Hindu. Semua dewa-dewa adalah jelmaan daripada satu Dewa Agung, seperti yang disebutkan dalam kitab-kitab suci Hindu.	Ulangan 5:6-10



Renungan Peribadi

Ingat dan tuliskan nama-nama teman anda yang berketurunan India yang belum mengenal Kristus. Luangkan sedikit masa untuk berdoa bagi mereka.



Cari peluang untuk bertanya kepada rakan-rakan Hindu anda tentang apa yang mereka percaya sebagai penganut Hindu. Gunakan peluang tersebut untuk mengetahui lebih banyak tentang agama Hindu dan apabila peluang muncul, berkongsilah tentang kepercayaan anda dengan mereka.



Doa

Berdoa agar Allah akan memberi anda peluang untuk mengetahui lebih banyak tentang agama Hindu supaya anda dapat lebih dilengkapi untuk berkongsi dengan rakan-rakan anda tentang Yesus. Berdoa agar Allah memberikan anda kebijaksanaan dan keberanian ketika berbicara dengan rakan-rakan anda minggu ini.

Pemutarbelit Kebenaran





Ayat Mas Alkitab

“Fikiran orang di situ lebih terbuka daripada fikiran orang di Tesalonika. Mereka suka sekali mendengar perkhabaran tentang Yesus, dan tiap-tiap hari mereka mengkaji Alkitab untuk mengetahui sama ada ajaran Paulus itu benar.”
(Kisah Para Rasul 17:11)



Kata-kata Mutiara

Kita harus mengetahui ajaran-ajaran tentang kepercayaan kita dengan baik agar kita dapat menggunakannya sebagai kayu pengukur untuk membezakan antara ajaran yang benar dengan ajaran yang salah.



Aktiviti Bersama

Tahukah Anda Doktrin Kristian?



Untuk mengetahui apa yang salah dan apa yang benar, pertama sekali kita harus mengetahui apa yang benar, bukan? Kerana kebanyakan palsu dan terpesong adalah tentang TUHAN Allah, jadi sejauh manakah anda mengetahui ajaran dan doktrin yang benar tentang Dia?

Dalam kumpulan 4-5 orang, tuliskan apa yang anda tahu tentang Doktrin Allah Tritunggal:

Allah Bapa

Allah Putera (Yesus Kristus)

Allah Roh Kudus



Renungan Firman Tuhan

Apakah beberapa asas kepercayaan dan doktrin yang benar tentang Tuhan yang anda perlu tahu? Semak ayat-ayat di bawah ini dan tuliskan doktrin yang diajar oleh Alkitab:

1. Wewenang Alkitab

Ayat Alkitab	Doktrin/Ajaran
2 Timotius 3:16	
2 Petrus 1:20-21	

2. KeTuhanan Yesus

Ayat Alkitab	Doktrin/Ajaran
Yohanes 1:14	
Filipi 2:6-8	

3. Allah Tritunggal

Ayat Alkitab	Doktrin/Ajaran
Ulangan 6:4	
1 Korintus 2:10-11	
Filipi 2:5-6	
Filipi 2:11b	

4. Pekerjaan Penyelamatan Yesus di Kayu Salib

Ayat Alkitab	Doktrin/Ajaran
Roma 5:8	
Efesus 2:8-9	
Yohanes 19:30	

5. Kedatangan Yesus yang Kedua Kali

Ayat Alkitab	Doktrin/Ajaran
Matius 24:36	
Kisah Para Rasul 1:7	
Matius 24:30-31	

**Renungan Peribadi**

1. Ingatlah bahwa tidak sedikit kultus di sekeliling anda! Ada yang mungkin tidak jelas untuk dilabelkan sebagai kultus tetapi adalah ajaran yang menyimpang daripada apa yang diajarkan Alkitab. Oleh itu, penting bagi anda untuk belajar membezakan sendiri antara yang benar dan salah. Anda tidak boleh selalu bergantung kepada orang lain untuk mengajar anda.
2. Satu-satunya cara anda boleh mengetahui dan membezakan ajaran yang benar daripada ajaran yang salah adalah dengan mengetahui Alkitab anda sebaik-baiknya. Bagaimana anda boleh mengetahui lebih banyak tentang Alkitab anda?
3. Berapa kerap anda membaca Alkitab anda?
4. Bagaimana anda membaca Alkitab anda?
 - ☐ Mempunyai waktu teduh yang khusus setiap hari
 - ☐ Menggunakan pedoman harian
 - ☐ Membaca dari buku ke buku (Kejadian hingga Wahyu)
 - ☐ Tidak membaca langsung
 - ☐ Hanya mendengar sekali dalam seminggu melalui khutbah
 - ☐ Lain-lain _____



Tahyul Dan Amalan Ghaib





Ayat Mas Alkitab

“Jangan persembahkan anak-anak kamu sebagai korban yang dibakar di atas mazbah. Jangan biar sesiapa pun di kalangan kamu menjadi tukang tenung, atau mencari petanda, atau menggunakan jampi atau ilmu sihir, atau mengadakan hubungan dengan roh orang mati. TUHAN, Allah kamu membenci orang yang melakukan perbuatan keji itu.”

(Ulangan 18:10-12)



Kata-kata Mutiara

Alkitab mengingatkan kita untuk menjauhi amalan-amalan ilmu ghaib kerana ia dikutuk TUHAN.



Aktiviti Bersama

Tahyul

Dalam kumpulan 3-5 orang, bincangkan:



1. Adakah anda seorang yang percaya kepada tahyul? Bulatkan jawapan anda.

Ya

Kadang-kadang

Tidak

2. Jika anda memilih dua jawapan yang pertama, tuliskan beberapa perkara tahyul yang anda percaya. (Contohnya, tidak boleh bersiul malam, percaya apa yang dikatakan horoskop harian, kalau kena penyapu harus meludahinya dsbnya).
3. Pada pendapat anda, apa yang akan terjadi sekiranya anda 'terlanggar' beberapa perkara-perkara yang anda telah sebutkan?



Renungan Firman Tuhan

1. Semak ayat-ayat Alkitab di bawah ini dan catatkan apa jenis amalan serta akibat daripada amalan-amalan tersebut:

Ayat	Amalan	Akibat
Imamat 19:26b		
Imamat 19:31		
Ulangan 18:9-14		
Yesaya 2:6		
Yesaya 47:12-13		

2. Apakah hukuman Allah terhadap mereka yang terlibat dalam amalan ilmu ghaib? (Keluaran 22:18 dan Imamat 20:27)
3. Salah satu sebab mengapa orang terlibat dalam amalan ghaib adalah ketakutan. Mengapa kita tidak perlu takut dengan Iblis atau apa yang boleh dilakukannya terhadap kita anak-anak Allah? (Kolose 2:13-15)
4. Apa janji Tuhan kepada kita yang mempunyai Roh Kudus dalam kehidupan kita? (1 Yohanes 4:4)





Renungan Peribadi

Masa untuk 'Pembersihan Rumah'!



Jika anda pernah terlibat dalam amalan dan hal-hal ghaib, inilah masanya untuk anda 'membersihkan rumah' anda!

1. Di bawah ini adalah beberapa amalan ilmu ghaib yang biasa kita temui. Tandakan apa yang anda pernah terlibat:

- | | |
|---|---|
| ☐ Menilik tapak tangan | ☐ Permainan "spirit of the coin" |
| ☐ Membaca horoskop | ☐ Berjumpa bomoh |
| ☐ Meramal nasib | ☐ Memiliki tangkal & azimat |
| ☐ Magik | ☐ Ilmu sihir |
| ☐ Ilmu guna-guna | ☐ Feng Shui |
| ☐ Berdoa pada roh-roh | ☐ lain-lain: _____ |

Jika anda serius mahu menjadi anak Tuhan, semua ini harus dibuang! Anda tidak boleh hidup suatu kehidupan yang menyenangkan Allah jika anda terlibat dalam hal-hal yang dikutuk oleh-Nya.

2. Bagaimana pula dengan hal-hal yang tidak terlibat secara langsung dengan ilmu ghaib, tetapi mempunyai banyak elemen-elemen ghaib seperti iblis dan hantu, ilmu sihir, tukang sihir dan sebagainya? Anda boleh dapati semua unsur ini dalam filem, TV, buku, permainan video dan komputer, dan sebagainya.

Adakah anda menonton, membaca atau bermain dengan hal-hal seperti itu? Jujurlah, dan tandakan jawapan anda.

- ☐ Ya ☐ Kadang-kadang ☐ Tidak Pernah

Jika jawapan anda adalah **Ya** atau **Kadang-kadang**, apakah yang Tuhan katakan kepada anda tentang penglibatan seperti ini?



Doa



Minta bantuan Tuhan untuk melepaskan diri anda daripada amalan-amalan ghaib yang banyak terdapat dalam kehidupan kita. Minta Dia memenuhi anda dengan Roh Kudus-Nya dan menguasai fikiran serta kehidupan anda supaya kudus dan menyenangkan-Nya.

Makanan Persembahan Berhala





Ayat Mas Alkitab

"Tetapi tidak semua orang mengetahui hal itu. Ada orang yang dahulu biasa menyembah berhala, sehingga apabila sekarang mereka makan makanan yang sudah dipersembahkan kepada berhala, mereka masih berfikir bahawa makanan itu makanan berhala. Mereka merasa berdosa ketika makan makanan itu, kerana keyakinan mereka tidak teguh. Sebenarnya makanan tidak dapat membuat hubungan kita dengan Allah menjadi lebih baik. Kita tidak akan rugi apa-apa jika kita tidak makan makanan itu dan kita pun tidak akan untung apa-apa jika kita memakannya." (1 Korintus 8:7-8)



Kata-kata Mutiara

Paulus menulis kepada gereja di Korintus untuk membantu mereka menangani isu tentang pemakanan makanan yang telah dipersembahkan kepada berhala kerana ia adalah masalah utama yang dihadapi oleh orang-orang Korintus.



Aktiviti Bersama

Apa Harus Dia Lakukan?



Dalam kumpulan 5-6 orang, bincangkan senario berikut:

Annie datang dari keluarga bukan Kristian. Walaupun ibu bapanya tidak melarangnya untuk mengikuti perjumpaan belia, dia tahu mereka pasti akan kecewa jika mereka tahu bahawa dia telah menjadi seorang Kristian. Dia telah membaca dalam Alkitab bahawa adalah salah untuk memakan makanan yang telah dipersembahkan kepada berhala. Tahun Baru Cina akan menjelang tiba. Dia tahu kebanyakan makanan untuk makan besar malam Tahun Baru Cina akan dipersembahkan terlebih dahulu kepada dewa-dewa di dalam rumahnya. Adakah salah untuknya memakan makanan yang telah dipersembahkan itu? Pada pendapat anda, apakah yang harus dia lakukan?

Senaraikan pelbagai upacara dan perayaan di mana orang-orang Kristian (terutamanya yang berasal daripada keluarga bukan Kristian) akan berdepan dengan dilema sama ada untuk memakan makanan yang telah dipersembahkan atau tidak.



Renungan Firman Tuhan

Paulus menggariskan 3 prinsip untuk kita ikuti dalam menghadapi situasi makanan yang mungkin telah dipersembahkan kepada berhala:

1. Apakah **Prinsip Pertama** yang diberi oleh Paulus? (1 Korintus 8:1-13)
2. Adakah kita boleh menggunakan kebebasan kita dengan sesuka hati? (1 Korintus 8:9-11)
3. Apa implikasi jika kita tetap melakukan itu? (1 Korintus 8:12)
4. Apa yang Paulus lakukan supaya tidak membuat orang lain tersandung? (1 Korintus 8:13)
5. Apakah **Prinsip Kedua** yang diberi oleh Paulus? (1 Korintus 10:14-22)
6. Apa nasihat Paulus jika kita tahu jamuan makan itu bermotifkan keagamaan? (1 Korintus 10:14)
7. Apakah **Prinsip Ketiga** yang diberi oleh Paulus? (1 Korintus 10:23-33)

8. Apa yang harus kita lakukan jika orang mengatakan makanan tersebut mungkin telah dipersembahkan kepada berhala? Kenapa? (1 Korintus 10:28-29)



Renungan Peribadi

Ringkasan prinsip-prinsip yang telah anda pelajari hari ini:

Keadaan	Soalan	Jawapan
# 1 Konteks Keagamaan	Adakah makan membawa erti penyertaan dalam penyembahan berhala?	Jika Ya , seseorang tidak seharusnya makan. Sebab-sebab: 1. Makan adalah penyembahan berhala. 2. Seseorang sedang mengambil bahagian dalam penyembahan roh-roh di sebalik dewa-dewa. 3. Allah akan menghakimi.
# 2 Konteks Berkecuali (tidak pasti dgn sifat makanan tersebut) (Tahap 1)	Adakah makan akan membuatkan orang lain tersandung?	Jika Ya , seseorang tidak seharusnya makan. Sebab-sebab: 1. Orang Kristian yang lemah akan tersandung. 2. Orang belum percaya akan keliru.
# 3 Konteks Berkecuali (Tahap 2)	Adakah makan bertentangan dengan hati nurani seseorang? (Ini adalah untuk soalan dalam Tahap 1 dijawab dengan ' Tidak ')	Jika Ya , seseorang tidak boleh makan. Sebab-sebab: 1. Makan akan mencemari hati nurani seseorang. Jika Tidak , seseorang berhak untuk mengambil keputusan sama ada untuk makan atau tidak. Dia harus mempertimbangkan 4 perkara: 1. Harus memastikan bahawa apa yang dilakukannya adalah untuk memuliakan Allah dan bukannya melagakkan kebebasannya. 2. Harus mengutamakan kebajikan dan penyelamatan orang lain dan tidak menyinggung perasaan orang belum percaya. 3. Dia boleh menahan diri daripada memakan kerana memakan ataupun tidak, ia tidak akan menjejaskan perhubungannya dengan Tuhan. 4. Jangan menghakimi orang lain jika seseorang memutuskan untuk menahan diri, sementara yang lain memilih untuk makan.

Penyembahan Nenek Moyang





Ayat Mas Alkitab

“Jangan buat patung bagi diri kamu, patung yang menyerupai apa-apa pun yang ada di langit, di bumi, atau di dalam air di bawah bumi. Jangan sujud atau sembah kepada patung apa pun, kerana Akulah TUHAN, Allah kamu, dan Aku tidak mahu disamakan dengan apa-apa pun. Aku menghukum orang yang membenci Aku. Aku juga menghukum keturunan mereka sehingga generasi yang ketiga dan keempat. Tetapi Aku menunjukkan kasih-Ku kepada beribu-ribu keturunan orang yang mengenali Aku dan taat kepada hukum-Ku.” (Keluaran 20:4-6)



Kata-kata Mutiara

Oleh kerana amalan penyembahan nenek moyang adalah inti kepercayaan dan budaya keagamaan orang Cina (dan beberapa suku Bumiputera di Sabah & Sarawak), sebagai orang Kristian kita perlu memiliki asas Alkitabiah yang jelas untuk menilai asas-asas kepercayaan yang terkandung di dalamnya dan untuk membimbing kita dalam memberikan respon terhadapnya.



Aktiviti Bersama

Kata-kata Terakhir dan Wasiat Saya

Dalam kumpulan empat atau lima orang, kongsi yang berikut:

Harapan Sebelum Saya Mati

1. Pada pendapat anda, bagaimanakah cara kematian yang anda harapkan?

Mengapa anda berpendapat sedemikian?

2. Sekiranya anda akan mati pada pukul 12 tengah malam ini, siapa yang paling anda ingin jumpa sebelum anda mati? (Pilih 2)

- | | | |
|--|---|---|
| ☐ Ibu bapa | ☐ Abang/adik lelaki | ☐ Kakak/adik perempuan |
| ☐ Datuk/nenek | ☐ Rakan baik | ☐ Pastor |
| ☐ Kumpulan Pop idola anda | ☐ Kaunselor Belia anda | |
| ☐ Jiran | ☐ Artis idola | ☐ Lain-lain _____ |

Mengapa anda memilih dua orang tersebut?

3. Memandangkan anda tahu bahawa anda akan mati pada 12 tengah malam ini, anda memutuskan untuk menulis sebuah wasiat. Anda mahu barang kepunyaan anda diberikan agar anda akan selalu diingati. Lengkapkan wasiat anda di bawah ini:

Wasiat Saya

Saya, _____, dalam keadaan yang waras, ingin mewasiatkan harta kepunyaan saya kepada orang yang bernama seperti di bawah:

Kepada _____ saya tinggalkan _____ saya

Kepada _____ saya tinggalkan _____ saya

Kepada _____ saya tinggalkan _____ saya

Kepada _____ saya tinggalkan _____ saya



Renungan Firman Tuhan

1. Menurut Alkitab, apa yang terjadi kepada manusia apabila mereka mati? (Lukas 23:43)
2. Ke manakah orang yang percaya kepada Yesus dan yang telah menerima-Nya sebagai Tuhan dan Juruselamat mereka pergi apabila mereka mati? (2 Korintus 5:8)
3. Di Hari Penghakiman, semua yang sudah mati akan dibangkitkan dan dihakimi di depan takhta Allah. Apa yang terjadi kepada mereka yang tidak mengenali Yesus? (Wahyu 20:12-15)
4. Alkitab mengajar bahawa orang yang telah mati tidak ada bahagian dalam kehidupan orang yang hidup. Kepercayaan kepada orang mati dimanipulasikan oleh siapa? (Efesus 6:12)

5. Adakah roh orang yang telah mati memerlukan apa-apa keperluan seperti orang hidup? (Matius 22:23-33)

6. Adakah orang mati memerlukan hal-hal jasmani (seperti makanan, tempat tinggal, wang dsbnya)? (1 Korintus 15:40-44)

7. Jadi penyembahan roh orang mati adalah dilarang Tuhan. Siapa saja yang harus disembah? (Keluaran 20:1-6)

8. Selain roh orang mati, Alkitab juga melarang kita menyembah:
(Kisah Para Rasul 10:25-26) _____
(Wahyu 19:10) _____



Renungan Peribadi

Beberapa Pertimbangan Praktikal

Dalam kumpulan 5-6 orang, fikirkan sama ada sesuatu upacara yang berkaitan dengan kematian dan memperingati orang yang telah mati itu bersifat keagamaan atau kebudayaan/sosial:

Upacara (contoh: meletakkan kalungan bunga pada gambar si mati, membakar wang kertas, meratap dsbnya)	Maksud dan Tujuan (nyatakan adakah itu upacara keagamaan atau kebudayaan/sosial)



Doa

Serahkan diri anda kepada Tuhan, terutamanya jika anda menghadapi masalah seperti itu di rumah. Berdoa agar perlindungan Allah dan anugerah istimewa-Nya menyertai kehidupan anda ketika anda berdepan dengan pergelutan sebegitu di rumah.

Perayaan-Perayaan Bukan Kristian





Ayat Mas Alkitab

“Jagalah tingkah laku kamu agar kamu tidak menyebabkan orang lain berdosa, baik orang Yahudi mahupun orang bukan Yahudi, ataupun jemaah Allah. Ikutlah teladanku. Aku berusaha menyenangkan hati semua orang dalam segala sesuatu yang aku lakukan. Aku tidak mengutamakan kepentingan diri sendiri, tetapi kepentingan orang lain, supaya mereka boleh diselamatkan. Ikutlah teladanku, sebagaimana aku pun mengikut teladan Kristus.”

(1 Korintus 10:32 – 11:1)



Kata-kata Mutiara

Oleh kerana kita hidup dalam masyarakat pelbagai bangsa dan agama, kita perlu tahu bagaimana kita harus respon sebagai orang Kristian terhadap perayaan-perayaan yang disambut oleh orang yang sebudaya dengan kita dan mereka yang berlainan budaya daripada kita.



Aktiviti

Bersama

Perayaan dan Asal-usulnya.

Fikirkan 3 perayaan yang biasa disambut di Malaysia (sebaiknya bukan yang sudah diketahui umum. Anda boleh memilih perayaan suku kaum di Sabah, Sarawak dan Orang Asli; atau perayaan yang hanya popular di kalangan tertentu seperti Ponggal orang Tamil, Perayaan Perahu Naga Cina dsbnya). Tuliskan asal-usul dan kebiasaan sambutan perayaan tersebut.

1

2

3





Renungan Firman Tuhan

1. Apabila kita mengambil bahagian dalam perayaan-perayaan orang bukan Kristian, apakah yang harus kita perhatikan? (1 Korintus 10:14, 20)
2. Kenapa kita harus elakkan perayaan yang berunsur keagamaan? (1 Korintus 10:21-22)
3. Kalau sesuatu perayaan adalah berunsur sosial, apa yang harus kita lakukan? (1 Korintus 10:23-25)
4. Walaupun kita bebas membuat keputusan untuk mengikuti sambutan perayaan, tetapi Paulus juga menasihati kita tentang itu. Apakah nasihatnya? (1 Korintus 8:9-11)
5. Kita harus sentiasa mengingati mereka yang lemah imannya di antara kita. Kenapa? (1 Korintus 8:12-13)
6. Menurut Paulus, apakah matlamat akhir bagi kita dalam sama-sama menyambut perayaan dengan kawan bukan Kristian kita? (1 Korintus 10:31-11:1)
7. Akhirnya, apakah kata Paulus tentang samada kita ikut menyambut atau tidak perayaan orang bukan Kristian? (1 Korintus 8:8)
8. Apakah prinsip yang Paulus mahu kita pegang? (1 Korintus 8:9)



Renungan Peribadi

Dalam kumpulan yang sama, lihat senarai perayaan-perayaan yang anda telah catat sekali lagi. Bagaimanakah anda boleh 'mengkristiankan' atau menebus beberapa aspek dalam suatu perayaan?



Doa

Sebagai umat Allah, kita harus mengaku bahawa Dia adalah Allah dan Pencipta bagi bangsa-bangsa dan budaya-budaya berbeza dalam dunia ini. Doakan supaya mendedikasikan perayaan-perayaan yang ada kepada Allah dan berdoa agar Dia akan membolehkan umat-Nya belajar untuk menebuskan perayaan-perayaan ini dan menyambutnya dalam pengucapan syukur yang penuh sukacita di dalam-Nya. Berdoalah agar anda akan menjadi saksi Kristus yang baik bagi kemuliaan Allah untuk masyarakat di sekeliling mereka.



Panduan Pembimbing

Sesi 1: Antara Tokong Dan Dewa



Objektif-Objektif Sesi

1. Mengetahui bahawa agama dan kepercayaan orang Cina sebenarnya merupakan campuran tiga kepercayaan: Konfusiunisme, Taoisme dan agama Buddha.
2. Mempelajari tentang kepercayaan-kepercayaan popular dan amalan-amalan agama ini.
3. Memikirkan respon kita terhadap beberapa kesalah-fahaman tentang agama Kristian oleh mereka yang menganut agama tersebut.
4. Mendoakan rakan-rakan mereka yang beragama Buddha, Konfusiunisme dan Taoisme serta mengambil langkah untuk berkongsi dengan mereka tentang Yesus.



Pencetus Minat

1. Bahagikan para peserta kepada 3 atau 4 orang sekumpulan.
2. Edarkan sekeping kertas dan sebatang pensel kepada setiap kumpulan.
3. Minta mereka untuk berbincang bersama-sama tentang apa yang rakan-rakan Cina mereka yang bukan Kristian percaya.



Renungan Firman Tuhan

A. Pengenalan

1. Adakah susah bagi anda untuk memikirkan kepercayaan dan amalan rakan-rakan Cina anda? (*Biar mereka memberi respon*)
2. Adakah anda mendapati pertanyaan-pertanyaan daripada orang Cina yang bukan beragama Kristian itu sangat susah untuk dijawab? (*Biar mereka memberi respon*)
3. Itulah yang biasa kita hadapi apabila kita mula berbicara tentang agama dengan teman-teman bukan Kristian kita. Sering kali orang-orang Kristian terdiam dan kelu lidah apabila kita disuruh untuk membandingkan kepercayaan kita dengan agama-agama lain.
4. Semua jawapan ada di kepala kita tetapi oleh kerana kita hanya tahu sedikit tentang agama-agama lain, kita bingung dan tidak tahu bagaimana untuk menjawab dengan tepat.
5. Oleh itu, buku ini akan membantu anda untuk mempelajari dan memahami lebih banyak tentang ajaran dan amalan beberapa agama utama dinegara ini.
6. Sesi pertama ini akan membincangkan amalan-amalan agama dan

kepercayaan orang Cina.

B. Tentang Tokong-tokong dan Dewa-dewa

1. 'Agama' Orang Cina – Sejarah Ringkas

Sebenarnya orang Cina tidak mempunyai satu agama yang tersendiri. Dalam negara ini, apa yang kebanyakan orang Cina percaya dan amalkan sebenarnya merupakan campuran tiga agama atau kepercayaan utama – Konfusiunisme, Taoisme dan Buddha. *(Ringkasan tentang setiap satunya telah diberikan seperti di bawah ini untuk anda berkongsi dengan para peserta)*

- a. Selain mereka yang merupakan orang Buddha 'tulen', iaitu mereka yang tegas dalam mengikuti ajaran Buddha, kebanyakan orang Cina dalam negara ini hanya mempunyai fikiran yang samar-samar tentang apa yang mereka sebenarnya percaya.
- b. Jika anda bertanya kepada rakan-rakan anda tentang apakah agama mereka, ramai antara mereka yang akan berkata dia beragama Buddha atau Taoisme. Kadang-kadang, ada di antara mereka akan mengatakan kedua-duanya. Beberapa daripada mereka akan mengatakan mereka mengamalkan Penyembahan Moyang.
- c. Agama orang Cina memang tidak ada namanya. Apa yang mereka percaya dan amalkan sebenarnya merupakan campuran tiga agama atau kepercayaan utama – Konfusiunisme, Taoisme dan Buddha.
- d. Penyembahan nenek moyang bukan agama. Ia sudahpun menjadi sebahagian daripada kebudayaan orang Cina sebelum Konfusius memperkenalkan amalan ini dengan ajarannya tentang ketaatan kepada ibu bapa.
- e. Ketiga-tiga kepercayaan ini telah menembusi hampir ke semua aspek kehidupan orang Cina sehingga kadang-kadang sukar untuk memisahkan budaya daripada agama.
- f. Sebagai contoh, apabila seorang bayi dilahirkan, tahun kelahirannya akan dirujuk dengan satu daripada dua belas binatang dalam zodiak orang Cina. Dalam perkahwinan, pengantin perempuan dan lelaki akan bersembahyang di hadapan altar keluarga. Semasa pengkebumian, sami-sami Taoisme atau Buddha dijemput untuk memimpin pengkebumian terperinci dengan pelbagai jenis istiadat dan upacara. Apabila memerlukan bantuan, ada di antara mereka yang akan mencari perantara atau bomoh untuk berhubung dengan roh-roh, atau mereka akan pergi ke tokong Taoisme atau Buddha untuk berdoa.

g. Konfusiunisme

- i. Konfusiunisme sangat dikenali dengan ajaran moralnya yang diperkenalkan oleh Konfusius, Mencius dan Hsun Tzu. Daripada ketiga-tiga tokoh ini, Konfusiuslah yang paling dikenali.
- ii. Pusat ajaran Konfusius adalah untuk menjadi manusia sempurna dalam masyarakat dengan menjalani kehidupan yang penuh dengan kerendahan hati dan pimpinan yang baik. Sasarannya adalah untuk menjadi seorang yang bijaksana, abdi bagi masyarakat. Kebanyakan daripada kita tidak sedar tentang ajaran-ajaran ini kecuali ajaran mereka tentang ketaatan pada ibu bapa.
- iii. Konfusius mengajar bahawa ibu bapa dan orang-orang tua harus dihormati semasa mereka masih hidup, dan oleh itu naluri sanjungan ini harus berterusan selepas kematian mereka.
- iv. Hal ini telah membantu untuk memperkenalkan amalan penyembahan nenek moyang yang mana telah wujud sejak sekian lama (sejak permulaan Dinasti Chou dalam abad ke-12 Sebelum Masehi).
- v. Walau bagaimanapun sebelum itu (seawal permulaan Dinasti Shang dalam abad ke-18 SM), orang-orang Cina telah mempercayai bahawa dunia dipenuhi dengan roh-roh dan kuasa-kuasa roh. Kuasa-kuasa ini begitu mempengaruhi kehidupan mereka sehingga diperlukan pengorbanan dan persembahan sebagai tanda perdamaian.
- vi. Ajaran-ajaran moral Konfusius dicampur-adukkan dengan kepercayaan roh yang ada terutamanya roh-roh orang mati, dan inilah yang telah membentuk kepercayaan penyembahan moyang bagi orang Cina pada hari ini.

h. Taoisme

- i. Dua orang pemikir Taoisme yang terkenal ialah Lao Tzu dan Chuang Tzu. Walau bagaimanapun Lao Tzu selalunya dianggap sebagai pengasas agama ini.
- ii. Taoisme mengajar manusia untuk berpaling daripada masyarakat ke arah niat semula jadi untuk mencari pencapaian dalam keharmonian dengan 'Tao' atau Jalan Benar. 'Tao' adalah gabungan semua yang ada dengan yang akan berubah. Ia adalah kenyataan yang wujud dengan tersendiri. Taoisme tidak percaya akan Tuhan yang peribadi. 'Tao' kepada mereka merupakan corak sikap manusia, 'wu-wei', yang diertikan sebagai ketiadaan tindakan atau ketiadaan usaha.
- iii. Matlamat penganut Taoisme adalah untuk menjadi abadi (hsien). Mereka menghidupkan kepercayaan terhadap tuhan-

tuhan atau dewa-dewa dan keghaiban (yang mana melibatkan amalan-amalan seperti astrologi, tilik nasib, menggunakan perantara dan sebagainya).

- iv. Walau bagaimanapun, kebanyakan orang Cina moden sudah tidak mengenali ajaran falsafah Taoisme. Yang dikenali hanya kepercayaan dan penyembahan dewa-dewa dan roh, dan perbuatan ilmu ghaib.

i. Agama Buddha

- i. Agama Buddha diasaskan oleh seorang putera India yang bernama Siddharta Gautama. Dia kemudiannya dikenali sebagai Buddha, yang bermaksud 'orang yang dibangunkan' atau 'orang yang disedarkan'.
- ii. Buddha berasal daripada agama Hindu dan Jain. Sebab itulah sebahagian daripada ajarannya terdiri daripada agama Hindu seperti reinkarnasi atau hukum karma.
- iii. Ajaran asalnya berpusat pada pencarian manusia untuk melepaskan diri daripada hukum karma, hukum yang mengawal pusingan kelahiran yang tidak berkesudahan, kematian dan kelahiran semula. Dia melihat kehidupan sebagai penderitaan berganti-ganti yang tiada kesudahannya (*Dukkha*) dan dia mengajar bahawa satu-satunya jalan keluar adalah dengan mengikut Lapan Jalan Mulia.
- iv. Ajaran Buddha ialah *Dharma*, yang membantu manusia melihat kehidupan sebenar. Matlamat kehidupan adalah 'nirvana', iaitu keadaan fikiran di mana karma akan berhenti. Ia adalah keadaan di mana terdapatnya kedamaian dan rehat yang sempurna, di mana tiada lagi penderitaan kerana tiada lagi kelahiran semula. Kewujudan manusia itu telah tamat. Ada yang memanggil ini sebagai 'kekosongan'.
- v. Apabila agama Buddha datang ke China, Konfusiunisme dan Taoisme banyak meminjam ajaran-ajaran Buddha. Kebanyakan kesusasteraan orang Cina menunjukkan pengaruh Buddha di dalamnya. Contohnya, cerita-cerita tentang Kuan Yin (Dewi Belas Kasihan), Raja Monyet, Manusia Babi dan Sami. Asal usul Kuan Yin adalah dari Avalokitesvara dari Buddhisme. Dia adalah seorang lelaki yang telah bersatu dengan dewi-dewi Cina dan akhirnya menjadi seorang wanita!
- vi. Agama Buddha sendiri juga telah banyak dicampur dengan amalan keagamaan dan kepercayaan orang Cina. Dengan ini, hanya ada segelintir sahaja yang dikenali sebagai penganut Buddha sejati. Mereka mengikut ajaran Buddha dengan betul-betul tanpa menyembah kepada Buddha atau

- yang lain (mereka yang telah mendapat nirvana).
- vii. Rata-rata orang Cina adalah berfikir praktikal dan tidak akan memikirkan nirvana atau hukum karma dengan mendalam. Mereka lebih mementingkan keperluan sendiri dan berharap agar agama dapat memenuhi keperluan mereka.
 - j. Umumnya, orang Cina yang memanggil diri mereka sebagai penganut agama Buddha (kecuali mereka yang merupakan penganut agama Buddha 'tulen') atau penganut Taoisme atau kedua-duanya, mengamalkan campuran ketiga-tiga kepercayaan ini tanpa mengetahui perbezaannya. Mereka mengamalkan apa yang biasanya sebagai kepercayaan agama popular.
 - k. Oleh itu, orang Cina akan membakar colok dan mempersembahkan makanan kepada dewa-dewa Cina yang berlainan, altar keluarga dan kepada patung Buddha.
 - l. Tumpuan agama-agama ini sebenarnya adalah manusia dan bukannya TUHAN. Dua sebab utama yang membuatkan mereka bersembahyang kepada pelbagai dewa adalah agar dewa-dewa tersebut memberikan kekayaan dan perlindungan daripada malapetaka kepada mereka.
 - m. Mereka menganggap semua agama adalah sama kerana mereka berpendapat bahawa semua agama membawa kepada satu penamat yang sama, iaitu manusia yang baik.

2. Respon Orang Kristian: Jawapan Ringkas

(Rujuk kepada 4 soalan di Aktiviti Bersama)

(1) Jawapan kepada Soalan # 1: Hanya Satu Allah

(Yohanes 10:30; Yesaya 45:18)

- a. Rata-rata orang Cina percaya bahawa agama Kristian hanyalah satu agama (ada pula yang menganggap ia agama Orang Putih). Dia tidak mempunyai masalah untuk percaya kepada Yesus kerana mereka percaya Yesus hanyalah salah seorang daripada dewa-dewa atau tuhan-tuhan yang ada.
- b. Kita perlu jelaskan bahawa Yesus bukan hanya seorang manusia yang baik. Dia juga bukan ciptaan lagenda atau ciptaan manusia sebagai tuhan. Pemikiran sebegini berpunca daripada asal usul banyak dewa Cina, seperti Kwan Kong (seorang general Cina yang terkenal), Raja Monyet dan sebagainya.
- c. Alkitab mengatakan bahawa Yesus adalah Anak Allah dan adalah Allah itu sendiri (Yohanes 10:30). Dia bukan manusia yang menjadi tuhan tetapi Tuhan yang menjadi manusia untuk menunjukkan betapa Allah mengasihi kita.
- d. Dia juga bukan salah seorang daripada tuhan-tuhan yang ada.

Dia adalah satu-satunya Tuhan yang benar, Tuhan yang menciptakan segala-galanya termasuk kita (Yesaya 45:18). Kepercayaan Cina tidak mengajar mengenai seorang Tuhan yang peribadi atau Tuhan yang menciptakan manusia.

- e. Sebagai seorang Kristian, kita hanya akan menyembah satu Tuhan dan Dia adalah Yesus.

(2) Jawapan kepada Soalan # 2: Kasih Bapa

(Mazmur 91:14-16; Roma 18:32)

- a. Semua tuhan orang Cina bukan tuhan yang peribadi. Mereka tidak berminat akan kebajikan orang selagi manusia tidak menyembah dan membawa persembahan untuk menyenangkan mereka.
- b. Sebaliknya Alkitab menyatakan bahawa Allah adalah Bapa kita di syurga yang menunjukkan betapa Dia mengasihi kita dengan mengutus Anak-Nya Yesus untuk mati bagi dosa-dosa kita. Dia sendiri mengambil inisiatif untuk menunjukkan betapa Dia mengasihi kita dan mahu menjaga kita (Roma 8:32).
- c. Kita tidak perlu memberikan apa-apa kepada Allah atau melakukan sesuatu untuk meminta-Nya untuk menjaga atau melindungi kita.
- d. Allah memerhatikan kita setiap masa. Dia melindungi dan menjaga kita serta membolehkan kita mendapat kehidupan yang penuh dan puas (Mazmur 91:14-16).
- e. Oleh sebab itulah orang Kristian tidak perlu membawa apa-apa persembahan untuk meminta sesuatu daripada Allah. Satu-satunya persembahan yang Allah mahu daripada kita bukan hal-hal kebendaan tetapi kasih kita untuk-Nya.

3. Jawapan kepada Soalan # 3: Bukan dengan Usaha

(Efesus 2:8-9)

- a. Buddha mengajar bahawa kita perlu berusaha jika kita mahu mengakhiri penderitaan kita dan memperoleh kedamaian dalam diri kita. Salah satu caranya adalah dengan melakukan seberapa banyak kerja baik di dalam hidup kita. Penyelamatan adalah datang daripada manusia dan dengan usahanya sendiri. Ia tidak percaya akan Tuhan yang peribadi.
- b. Alkitab pula mengatakan yang sebaliknya. Ia mengajar bahawa manusia tidak dapat hidup baik dengan usaha sendiri kerana semua adalah orang-orang yang berdosa. Berita baiknya adalah kami telahpun diselamatkan daripada dosa melalui kematian Yesus pada kayu salib.
- c. Buddha hanya dapat menunjukkan jalan untuk mengakhiri penderitaan. Tetapi Yesus membiarkan diri-Nya menderita untuk menghapuskan semua dosa kita.

- d. Sebagai seorang Kristian, kita tidak mengikut satu ajaran tetapi mengikut satu orang iaitu Yesus Kristus. Kita mengikut-Nya kerana kasih dan bukan disebabkan tanggungjawab atau kerana ingin diselamatkan.
- e. Kita membuat kerja baik bukan untuk mendapatkan penyelamatan seperti penganut-penganut Buddha. Kita melakukan kerja yang baik demi kasih untuk Yesus kerana kita telah diselamatkan!

(4) Jawapan kepada Soalan # 4: Di Dalam Tangan Tuhan

(Roma 14:9; Filipi 1:23)

- a. Orang Cina percaya bahawa roh orang mati berada di tiga tempat – di 'syurga' atau 'alam lain', di dalam kubur untuk menerima persembahan dan di dalam nisan kayu di tempat altar.
- b. Disebabkan kepercayaan mereka bahawa roh orang mati masih ada di sekeliling, mereka selalu berwaspada dengan bersembahyang dan memenuhi keperluan roh orang mati. Ini bertujuan untuk menghalang roh-roh daripada mengacau mereka.
- c. Walaupun ramai yang melakukan sebegini sebagai tanda hormat, ramai juga yang melakukan disebabkan ketakutan. Mereka takut roh-roh akan membawa nasib malang dan masalah kepada mereka.
- d. Alkitab mengatakan bahawa Allah kita adalah Tuhan kepada yang hidup dan yang mati (Roma 14:9). Dia menguasai semua hal manusia, sebelum manusia dilahirkan sehingga selepas dia mati.
- e. Sebagai seorang Kristian, kita tidak harus takut akan kematian kerana kita tahu kita akan bersama Allah selepas kita mati (Filipi 1:23). Anggapan roh-roh orang mati masih berkeliaran di dunia ini adalah tidak mengikut ajaran Alkitab kerana yang mati tidak ada apa-apa bahagian dengan yang hidup.
- f. Alkitab dengan jelas mengatakan kita perlu hormat kepada ibu bapa semasa mereka hidup. Tetapi selepas mereka meninggal dunia, mereka ada bersama Tuhan. Kita akan terus menunjukkan tanda hormat dengan mengingati mereka dalam pemikiran kita. Kita tidak perlu menunjukkan tanda hormat dengan menyembah dan bersembahyang kepada mereka.



Doa

Akhiri dengan doa (lihat Bahagian Lembar Kerja Peserta)

Sesi 2 : Tiada Tuhan Selain Allah



Objektif-Objektif Sesi

1. Mengetahui serba sedikit tentang Islam dan ajaran-ajarannya.
2. Mempelajari tentang kepercayaan-kepercayaan popular dan amalan-amalan agama ini.
3. Memikirkan bagaimana kita menjawab beberapa pertanyaan yang sukar daripada orang Islam tentang kepercayaan kita.
4. Memikirkan beberapa cara untuk menyedarkan para belia tentang usaha pengislaman yang giat dijalankan sekarang.



Pencetus Minat

1. Bahagikan para peserta kepada 3 atau 4 orang sekumpulan.
2. Edarkan sekeping kertas dan sebatang pensel kepada setiap kumpulan.
3. Minta mereka untuk berbincang bersama-sama tentang apa yang mereka tahu tentang Islam.



Renungan Firman Tuhan

A. Pengenalan

1. Salah satu agama yang paling cepat berkembang pada masa ini adalah Islam.
2. Kita lebih banyak didedahkan dengan ajaran Islam kerana Kerajaan mengawal semua media-massa (cetak dan elektronik) serta kurikulum sekolah yang banyak diubah untuk tujuan dakwah Islam.
3. Kerana dasar iman kepercayaan kita yang tidak teguhlah menyebabkan kita selalu menjadi tidak terkata apabila keyakinan kita dipersoalkan, bukan? (*Biar mereka memberi respon*)
4. Adakah anda mendapati pertanyaan-pertanyaan daripada orang Islam tadi sangat susah untuk dijawab? (*Biar mereka memberi respon*)
5. Bagaimana kita dapat mempertahankan beberapa hak-hak kita sebagai orang Kristian di negara ini?
6. Inilah yang akan kita bincang pada hari ini.

B. Kebangkitan Islam

1. Asal-Usul dan Sejarah Islam

- a. Islam diasaskan oleh Muhammad pada 610 Masehi. Dia dilahirkan di Mekah pada tahun 570. Agama tempatan pada masa itu adalah animisme Semit kuno yang mempercayai banyak dewa, dan malaikat serta satu dewa tertinggi yang dikenali sebagai Allah.

- b. Kerana sebahagian besar orang Semit adalah nomad, dan ada juga komuniti Yahudi dan Kristian di Arab pada waktu itu, Muhammad membesar dengan dikelilingi oleh campuran banyak keyakinan keagamaan yang pada akhirnya mempengaruhi perkembangan Islam.
- c. Muhammad seorang yang alim, sering berpuasa, bermimpi dan bermeditasi. Dia percaya bahawa hanya ada satu Tuhan yang benar, dan menjadi kecewa dengan agama-agama politeistik tempatan. Ketika berumur 40 tahun, dia mulai mengalami wahyu (mesej dari Allah).
- d. Pada awalnya, Muhammad tidak yakin tentang asal-usul wahyu, apakah mereka ilahi atau dari syaitan. Namun, dia menjadi yakin tentang keilahian mereka dan terus menerima mereka sampailah dia meninggal. Kadang-kadang wahyu itu disampaikan oleh seorang malaikat.
- e. Mereka kemudiannya ditulis untuk membentuk Al-Quran (kitab suci orang Islam). Muhammad memiliki reputasi yang baik dan mempunyai pengikut kecil, tapi ditentang oleh orang musyrik.
- f. Penindasan itu akhirnya membuat Muhammad dan pengikutnya terpaksa pindah ke Madinah pada tahun 622. Dan itu adalah asal-usul sambutan Maal-Hijrah.
- g. Dia disambut sebagai seorang nabi di Madinah. Interaksinya dengan masyarakat Yahudi telah membentuk beberapa ritual/amalan-amalan Yahudi yang kemudiannya menjadi amalan orang Islam seperti solat, puasa, memberi zakat dan kiblat.
- h. Agama baru itu tidak diterima oleh masyarakat Yahudi dan Kristian tempatan. Kaum Yahudi menolak Quran dan menentang Muhammad. Ini menyebabkan penghapusan dua suku Yahudi dan pertumpahan darah, dan Muhammad berpaling dari berkiblat ke Yerusalem (Baitulmuqaddis) kepada Mekah.
- i. Dia kemudiannya menawan Mekah dan banyak orang menjadi pengikutnya. Muhammad kemudiannya menjadi pemimpin agama dan politik.
- j. Ketika Muhammad meninggal dunia pada 632, dia tidak melantik penggantinya. Orang-orang memilih Abu Bakar sebagai pengganti. Abu Bakar memimpin selama dua tahun dan diikuti oleh tiga khalifah yang lain. Tetapi masalah pemilihan inilah yang akhirnya membuat Islam terbahagi kepada dua sehingga hari ini: Sunni dan Shi'ah.

2. Beberapa Mazhab Dalam Islam

- a. **Islam Sunni** - Islam Sunni mengakui khalifah sebagai pengganti Nabi Muhammad. Khalifah itu dipilih oleh masyarakat dari suku Muhammad. Khalifah bukan nabi, kerana Muhammad dikatakan adalah "penutup para nabi," tetapi mereka adalah pelindung

tradisi, pemimpin dan pentadbir. Sunni mengembangkan sebuah sistem undang-undang yang disebut Syaria, yang merupakan pusat untuk amalan-amalan dan kepercayaan Islam. Hari ini 85% daripada Muslim adalah Sunni.

- b. **Islam Shi'ah** – 10% daripada orang Muslim adalah Shi'a. Mereka mengakui imam sebagai tokoh pemimpin penerus Muhammad. Imam diyakini telah diangkat oleh Muhammad dan mempunyai kemampuan sempurna untuk menafsirkan Al-Quran. Imam yang pertama adalah Ali, sepupu Muhammad. Pada masa ini sebahagian besar Shi'ah tinggal di Iran. Mereka percaya bahawa setiap imam dilantik secara ilahi. Pemimpin spiritual tertinggi di Iran dikenali sebagai *Ayatullah*.
- c. **Sufi (Tasawuf)** - Sufi merupakan tradisi ketiga dalam Islam. Ini bukan satu mazhab seperti Sunni dan Shi'ah, tetapi tradisi spiritual yang boleh diikuti oleh setiap Muslim. Sufi adalah ajaran dan amalan mistik yang berdasarkan kasih Allah dan cuba mencari keintiman dengan-Nya. Kerana Islam menganggap Allah menitikberatkan keadilan daripada cinta, Sufi adalah satu disiplin yang signifikan. Orang Sufi menganggap diri mereka sebagai 'pencari', dan sering merujuk dirinya sebagai "orang yang berusaha untuk menjadi seorang sufi." Amalan mereka termasuklah pemurnian spiritual melalui penyiksaan diri, doa, berzikir dan berusaha. Sufi juga mencari rahmat dari Allah, yang diterima tanpa usaha. Tasawuf lebih banyak tertunpu di Asia Timur dan telah memberikan sumbangan bagi perkembangan amalan Islam popular (*Folk Islam*).

3. Beberapa Kepercayaan Asas

- a. Islam mengajarkan bahawa Yesus bukan Anak Allah dan Dia tidak disalibkan. Dia dipercayai sebagai seorang nabi yang pekerjaannya telah digantikan oleh Muhammad, yang dikatakan nabi terakhir dari para nabi. Nabi-nabi yang lain yang mereka percayai termasuklah Adam, Nuh, Abraham, Elia, Daud, Musa dan Yahya (Yohanes Pembaptis).
- b. Al-Quran hanya dianggap sebagai asli dalam Bahasa Arab. Ini adalah kerana kepercayaan mereka bahawa ada satu salinan Al-Quran yang ditulis dalam Bahasa Arab di Syurga. Kebanyakan orang hanya membaca dan menghafal tanpa memahami sepenuhnya.
- c. Selain daripada Al-Quran, mereka juga percaya kepada Hadis, iaitu koleksi tulisan tentang apa yang dikatakan dan dilakukan oleh Nabi Muhamad yang harus mereka contohi.
- d. Ada golongan Muslim yang percaya bahawa awal teks Alkitab adalah sama dengan buku-buku para nabi mereka, tetapi kemudiannya telah diubah oleh orang Yahudi dan Kristian,

sehingga ia tidak boleh dipercayai lagi.

- e. Secara sejarah, pandangan Islam terhadap Tuhan (Allah) mempunyai beberapa persamaan dengan pandangan Kristian, bahkan boleh dikatakan berasal dari pandangan Kristian dan Yahudi. Namun mereka tidak menerima konsep Tritunggal, dan tidak melihat Allah sebagai Bapa.
- f. Mereka memegang kepada 5 rukun:
 - i. **Pengakuan iman (Shahada):** "Aku bersaksi bahawa tidak ada Tuhan selain Allah, Aku bersaksi bahawa Muhammad adalah Rasul Allah."
 - ii. **Doa (Sholat):** lima kali sehari.
 - iii. **Sedekah (Zakat):** sedekah yang diberikan kepada orang miskin, tahanan atau pengembara. Biasanya 2.5% dari pendapatan mereka.
 - iv. **Puasa (Saum):** berpuasa sebulan di bulan Ramadhan. Mereka semua diharapkan untuk berpuasa daripada makanan, minuman, merokok dan hubungan seks di siang hari.
 - v. **Ziarah (Haj):** Menunaikan haji ke Mekah sekurang-kurangnya sekali dalam seumur hidup seseorang.

4. Lima Pegangan Iman

- a. **Allah:** Hanya ada satu Tuhan yang sejati dan namanya adalah Allah. Allah adalah Maha Esa, Maha Tahu dan Maha Kuasa. Namun Allah bukanlah Tuhan yang peribadi, kerana Dia begitu jauh di atas manusia dalam apa jua cara sehingga Dia tidak dapat diketahui secara peribadi. Penekanan konsep Allah dalam Islam ialah pada kuasa-Nya, bukan anugerah dan belas kasihan. Dalam fikiran seorang Muslim, memanggil Allah sebagai Bapa mempunyai konotasi perhubungan seksual.
- b. **Malaikat:** Malaikat dipercayai melayani Allah untuk memenuhi kehendak-Nya, seperti malaikat Jibril yang menyampaikan Al-Quran kepada Muhammad. Mereka tidak melakukan fungsi tubuh (seks, makan, dll.) kerana mereka diciptakan dari cahaya. Para malaikat melayani tujuan yang berbeza: setiap orang memiliki dua malaikat yang merakam perbuatan baik atau buruk.
- c. **Jin:** Adalah makhluk rohani yang diciptakan dari api, yang berada di tingkat antara malaikat dan manusia. Ada jin yang baik dan ada yang jahat. Dalam Islam, Syaitan adalah jin dan bukan malaikat yang jatuh (berdosa).
- d. **Syaitan:** Satu Jin yang menolak untuk bersujud di hadapan Adam setelah Adam diciptakan. Dia adalah pemimpin para iblis di dunia.
- e. **Kitab Suci:** Ada empat kitab suci dalam Islam: Quran, Taurat, Injil

dan Zabur. Taurat, Injil dan Zabur adalah buku-buku yang disebutkan dalam Al-Quran sebagai Firman Tuhan tetapi orang Muslim percaya buku-buku itu sudah diubah. Sebab itulah Allah menurunkan Al-Quran kepada Muhammad. Banyak orang Muslim cuba mencari rujukan tentang Muhammad dalam Alkitab dan merasakan dia ada disebut dalam Ulangan 18:16, Yohanes 14:6.

- f. **Nabi:** Dalam Islam, Allah telah berbicara melalui banyak nabi selama berabad-abad, termasuk Adam, Nuh, Ibrahim, Musa dan Isa. Nabi terbesar dan nabi terakhir adalah Muhammad, dia adalah meterai/penutup para nabi.
- g. **Hari Kiamat:** Hari kebangkitan dan penghakiman. Pada Hari Pengadilan, semua orang akan dibangkitkan untuk berdiri di hadapan Allah untuk dihakimi. Mereka yang mengikuti Allah dan Muhammad akan masuk ke syurga. Semua yang lain akan masuk ke neraka termasuklah orang-orang Islam yang berdosa. Mereka akan berada di sana sehinggalah dosa-dosa mereka habis terbakar. Muhammad akan bersyafaat untuk mereka. Jadi, neraka adalah tempat penghakiman Allah di mana umat Islam akan berada di sana sebelum masuk syurga. Tidak ada jalan keluar untuk orang kafir. Orang Islam percaya bahawa Muhammad akan berdoa untuk mereka dan menyelamatkan mereka dari neraka.

C. Respon Orang Kristian: Mempertahankan Iman Kepercayaan Kita!

(Rujuk kepada 4 soalan di Aktiviti Bersama)

1. Jawapan kepada Soalan # 1: Konsep Tritunggal

(Ulangan 6:4, Matius 3:16-17 dsbnya.)

- a. Sebagai salah satu agama Tauhid di dunia, Tritunggal Kristian berpegang teguh kepada konsep **Allah Yang Satu**. Tetapi dalam **penyatuan** ke-Allahan itu, ada tiga keperibadian atau personifikasi yang dipanggil peribadi.
- b. Sebenarnya tidak ada istilah “Tritunggal” dalam Alkitab. Istilah ini digunakan untuk menjelaskan Tuhan yang bersifat tiga dalam satu; iaitu kenyataan tentang terdapatnya 3 Peribadi yang bersifat sama-wujud, sama-kekal yang adalah Tuhan.
- c. **Tiga dalam Allah Yang Satu** (Tritunggal) ini adalah Bapa (Allah), Anak/Putera (Yesus) dan Roh Kudus. Alkitab mengajar bahawa Bapa itu Tuhan (Allah Bapa), Yesus itu Tuhan (Allah Putera) dan Roh Kudus itu Tuhan (Allah Roh Kudus).
- d. Dalam Islam, mereka mengerti Tritunggal itu sebagai Allah, Yesus dan Maria. Al-Quran (Surah 4:171 & 6:101) mengatakan tiga tuhan yang disembah oleh orang Kristian adalah Allah yang memperisterikan Maryam dan dapatlah anak Yesus.
- e. Sedangkan dalam doktrin Kristian, kita dipercayai hanya ada

- satunya Tuhan. (*Suruh mereka membaca Ulangan 6:4; 1 Korintus 8:4 dan 1 Timotius 2:5*).
- f. Walaupun kita dapat memahami beberapa fakta tentang perhubungan di antara peribadi yang berbeza dalam Tritunggal, kita tetap harus akur fikiran manusia tidak dapat menjangkau Tuhan sepenuhnya.
 - g. Perlu ditegaskan bahawa konsep ini sama sekali tidak mengatakan wujudnya 3 Tuhan. Tritunggal adalah satu Tuhan yang terdiri daripada 3 Peribadi. Ada banyak ayat yang merujuk kepada ini tetapi kita hanya akan melihat beberapa petikan. (*Suruh mereka melihat beberapa ayat: Kejadian 1:1; 11:7; Yesaya 48:16; 61:1; Matius 3:16-17; Matius 28:19; 2 Korintus 13:14.*)
 - h. Pengetahuan bahasa Ibrani sangat membantu untuk mengerti “Tiga dalam Allah Yang Satu” dalam Perjanjian Lama. Sebutan jamak “Elohim” digunakan dalam Kejadian 1:1. Tidak dapat dipertikani kata “Elohim” dan “kita” sebagai merujuk kepada lebih daripada dua.
 - i. Dalam Bahasa Melayu, terdapat hanya dua bentuk sebutan untuk bilangan iaitu tunggal atau jamak.
 - j. Dalam Bahasa Ibrani terdapat tiga bentuk sebutan: tunggal, berganda dan jamak. Berganda hanya untuk dua. Dalam Bahasa Ibrani bentuk berganda digunakan untuk sesuatu yang berpasangan seperti mata, telinga dan tangan.
 - k. Istilah “Elohim” dan “kita” adalah bentuk jamak – lebih daripada dua – dan pasti merujuk kepada tiga (Bapa, Anak dan Roh Kudus).
 - l. Dalam Yesaya 48:16 dan 61:1, Anak sedang bercakap sambil merujuk kepada Bapa dan Roh Kudus.
 - m. Matius 3:16-17 menceritakan peristiwa pembaptisan Yesus. Apa yang dapat dilihat di sini adalah Roh Kudus turun kepada Anak sementara Bapa mengisytiharkan rasa senang-Nya terhadap Anak.
 - n. Matius 28:19 dan 2 Korintus 13:14 adalah contoh-contoh untuk 3 peribadi yang berbeza dalam Tritunggal.
 - o. Setiap anggota Tritunggal adalah Tuhan. Bapa adalah Tuhan (Yohanes 6:27; Roma 1:7; 1 Petrus 1:2), Anak adalah Tuhan (Yohanes 1:1, 14; Roma 9:5; Ibrani 1: 8; 1 Yohanes 5: 20) dan Roh Kudus adalah Tuhan (Kisah 5:3-4; 1 Korintus 3:16; Roma 8:9; Yohanes 14:16-17; Kisah 2:1-4)

2. Jawapan kepada Soalan # 2: Allah tidak mempunyai anak.

(Lukas 1:35; Markus 2:7; Matius 25:32 dsbnya)

- a. Bila orang Kristian mengatakan Yesus adalah Anak Allah—yang bermaksud ‘Dia adalah Firman Allah (Kalimah Allah) yang abadi dan tidak diciptakan, sederajat dalam semua segi dan mempunyai sifat ketuhanan yang penuh’ -- orang Islam mendengarnya sebagai ‘Allah mempunyai hubungan seks dengan Maryam, dan hasil dari

penyatuan itu Maryam kemudiannya melahirkan Yesus'.

- b. Ayat yang biasanya mereka ambil ialah dari Al-Quran Surah 6:101 dan Surah 4:171.
- c. Bila Alkitab mengatakan bahawa Yesus adalah "Anak Allah", ia tidak berkata dalam harfiah biologi (hasil hubungan seksual).
- d. Istilah "Anak Allah" itu merujuk kepada satu hubungan istimewa dengan Allah yang dimiliki oleh Yesus. Ini TIDAK bererti Yesus datang dari satu hubungan seksual, tetapi hubungan istimewa ini bermula dengan kelahiran Yesus yang ajaib. (*Suruh mereka baca Lukas 1:35*)
- e. Al-Quran sendiri menggambarkan Yesus sebagai mempunyai sifat-sifat yang tidak dimiliki oleh manusia biasa: Dia dilahirkan daripada seorang perawan (Sura 21:91 – siapakah bapa kepada Yesus menurut Al Quran?) dan tidak berdosa (Sura 19:19). Dia mencelekkkan mata orang yang buta sejak lahir, menyembuhkan penyakit kusta dan membangkitkan orang mati; Dia juga mempunyai pengetahuan apa yang tersembunyi di dalam rumah orang (Sura 3:49). Dia mempunyai kuasa untuk menjadi pengantara (Sura 3:45) sedangkan hanya Tuhan saja yang boleh bersyafaat (Sura 39:44); Dia boleh mengampuni dosa (Sura 61:12) dan Dia sahaja yang tahu tentang hari kiamat (Sura 43:61)!
- f. Alkitab mengajar kita bahawa Yesus mempunyai kuasa bukan sahaja untuk menyembuhkan, tetapi juga untuk mengampuni dosa. Siapa yang dapat mengampuni dosa selain daripada Allah sendiri (Markus 2:7)?
- g. Selain daripada Tuhan, siapa lagi yang menuntut kasih kita terhadap-Nya harus melebihi daripada segala hubungan yang lain (Lukas 14:26)?
- h. Yesus yang akan mengadili untuk menentukan kehidupan akhirat kita (Matius 25:32, Yohanes 5:22) dan akan bersama dengan kita untuk selama-lamanya (Matius 28:20).
- i. Dia mengatakan Dia adalah seorang gembala yang baik (Yohanes 10:11) sedangkan hanya Tuhan sahaja yang dipanggil gembala (Mazmur 23:1).
- j. Dia adalah terang bagi dunia (Yohanes 8:12) sedangkan Tuhan sahaja yang menjadi terang dan keselamatan kita (Mazmur 27:1)
- k. Maka, Dia adalah lebih daripada hanya seorang nabi. Dia adalah Anak Allah yang sedarjat dengan Allah dalam doktrin Tritunggal.

3. Jawapan kepada Soalan # 3: Yesus tidak mati disalib

(Matius 26:2, Markus 10:33, 14:8 dan Yohanes 2:19)

- a. Inti daripada penyangkalan kematian, penguburan dan kebangkitan Yesus Kristus dalam Islam adalah kerana mereka percaya Allah tidak akan membenarkan rasul besar-Nya mati

dalam keadaan yang begitu memalukan. Mereka memegang Sura 4:157-159 untuk menyokong pendapat mereka.

- b. Mereka percaya Yesus tidak mati di kayu salib tetapi diangkat langsung oleh Allah ke syurga. Pernyataan dalam Sura tersebut "Allah telah mengangkat Nabi Isa kepada-Nya" dimengerti oleh mereka sebagai Allah mengangkat Yesus ke syurga dalam keadaan hidup, tanpa mengalami kematian.
- c. Mereka percaya Allah telah menyerupakan seseorang (Yudaas Iskariot) sebagai pengganti Yesus untuk disalibkan!
- d. Apa kata Alkitab tentang kematian dan kebangkitan Yesus? (*Biar mereka beri respon*)
- e. Dengan jelas Alkitab menyebut Yesus sendiri meramalkan kematian dan kebangkitan-Nya (*Suruh mereka membaca Matius 26:2, Markus 10:33, 14:8 dan Yohanes 2:19*).
- f. Alkitab mencatat peristiwa penyaliban, pemakaman dan kebangkitan Kristus, yang menjadi inti kepada khutbah-khutbah ajaran para rasul dan kepercayaan orang Kristian.
- g. Kematian Yesus juga telah dibuktikan oleh sejarah. Ini termasuklah tulisan-tulisan oleh Tacitus, Thallus, Lucian, Josephus dan Jewish Talmud.
- h. Dan yang paling penting adalah, ajaran tentang kematian dan kebangkitan Kristus bermula beberapa hari sejeurus kematian-Nya di kayu salib dan itu telah berlangsung hingga ke hari ini selepas lebih daripada dua ribu tahun peristiwa itu berlaku!
- i. Ada banyak teori yang dikemukakan oleh orang Islam tentang Yesus tidak mati disalib. Ini termasuklah teori pengsan (Yesus hanya pengsan dan dia bangkit dari pengsan bila berada di dalam kubur), teori penggantian (Yudas dijadikan sama rupa dengan Yesus sehingga dia yang disalib) dan sebagainya.
- j. Semua yang dikemukakan adalah teori, bukan fakta!

4. Jawapan kepada Soalan # 4: Alkitab telah dipalsukan

(2 Timotius 3:16; 2 Petrus 3:16; Yohanes 10:35; Yohanes 6:68)

- a. Pertanyaan ini membingungkan kerana Nabi Muhammad sendiri menggalakkan orang membaca semua kitab – Taurat Musa, Zabur Daud dan Injil Isa.
- b. Persoalannya adalah: bila, bagaimana dan siapa yang mengubah Alkitab?
- c. Jika Alkitab itu telah diubah, adakah itu berlaku sebelum atau selepas Muhammad?
- d. Jika ianya berlaku sebelum Muhammad, kenapa Allah menyuruh Muhammad merujuk kepada kitab yang telah diubah sebagai petunjuk hidayah?
- e. Dan kenapa Allah mengatakan Taurat dan Injil sebagai 'petunjuk

hidayah dan cahaya yang menerangi' (Sura 5:44) dan bukannya 'yang sebelumnya adalah petunjuk dan cahaya sebelum mereka diubah'?

- f. Kalau ianya berlaku selepas Muhammad, kenapa orang Muslim tidak menerima Injil, sebab semua penterjemahan yang ada sekarang adalah berdasarkan kepada manuskrip sebelum kedatangan Muhammad?
- g. Kalau Alkitab sudah diubah, adakah ia dilakukan oleh orang Yahudi atau orang Kristian sedangkan mereka tidak berbaik-baik antara satu sama lain? Bagaimana mereka dapat mencapai kata sepakat sehingga setiap ayat itu serupa? Kenapa tidak ada catatan tentang peristiwa ini dalam sejarah? Dan kenapa tidak ada seorompokpun yang menentang atau cuba menyimpan naskah Alkitab yang asli?
- h. Apakah kesaksian Alkitab terhadap dirinya sendiri? "Segala tulisan yang diilhamkan Allah..." (*Suruh mereka baca 2 Timotius 3:16*).
- i. Petrus mengatakan tulisan-tulisan Paulus sebagai Firman Tuhan kerana "ada orang yang cuba memutarbalikkan ajarannya, sama seperti yang mereka lakukan dengan tulisan-tulisan suci yang lain." (*Suruh mereka baca 2 Petrus 3:16*)
- j. Yesus berkata "Kitab Suci tidak dapat dibatalkan" (Yohanes 10:35). Perkataan-perkataan-Nya adalah 'roh dan hidup' (Yohanes 6:63) dan perkataan-Nya adalah 'perkataan hidup yang kekal' (Yohanes 6:68).
- k. Adakah orang yang berani menambah atau mengurangkan sebahagian daripada Firman Tuhan bila sudah diberi amaran keras dalam Wahyu 22:18-19? (*Baca ayat tersebut: "Jika seorang menambahkan sesuatu kepada perkataan-perkataan ini, maka Allah akan menambahkan kepadanya malapetaka-malapetaka yang tertulis di dalam kitab ini. Dan jikalau seorang mengurangkan sesuatu dari perkataan-perkataan dari kitab nubuat ini, maka Allah akan mengambil bagiannya dari pohon kehidupan dan dari kota kudus..."*)
- l. Sebenarnya, mitos bahawa orang Kristian memutar-belitkan Nas Alkitab mereka hanya bermula dengan Ibn-Khazen yang meninggal dunia di Cordoba pada tahun 1064! Semasa berpolemik dengan orang Kristian, beliau mempercayai bahawa "sekiranya kita dapat membuktikan kepalsuan buku-buku mereka, hal itu akan melemahkan hujah-hujah mereka yang diambil daripadanya."
- m. Beliau menemui percanggahan antara Sura 4:157 yang mengatakan orang Yahudi tidak menyalib Yesus. "Disebabkan Al-Quran semestinya benar, Injil yang bertentangan itulah yang palsu. Tetapi Muhammad memberitahu kita supaya menghormati Injil. Oleh sebab itu, teks yang ada pada masa itu sudah tentu dipalsukan oleh orang-orang Kristian." Ini kemudiannya

dikembangkan oleh Salikh Ibn-al-Khusain (meninggal dunia 1200) dan Ahmed al-Qarafi (meninggal dunia 1285), dan sejak itu perkara Alkitab telah dipalsukan menjadi ciri yang kekal untuk pembela-pembela Islam.



Doa

Suruh mereka berdoa supaya gereja lebih sedia menghadapi ancaman pengislaman ke atas jemaatnya. Berdoa agar Bumiputera Kristian Sabah dan Sarawak akan teguh dalam iman mereka.

Sesi 3 : Tuhan Satu Atau Banyak?



Objektif-Objektif Sesi

1. Memikirkan apa yang mereka tahu tentang agama Hindu.
2. Mempelajari beberapa ajaran utama agama Hindu.
3. Membandingkan ajaran-ajaran kepercayaan Kristian dengan kepercayaan agama Hindu.



Pencetus Minat

Siapa Namamu!!

(Diperlukan: Selimut)

1. Tujuan sesi ini adalah untuk melihat ahli mana dalam dua kumpulan lawan yang cepat dalam menjeritkan nama lawan apabila selimut yang menutup pandangan mereka dijatuhkan.
2. Bahagikan para peserta kepada dua kumpulan. Pastikan semua orang saling mengenali nama antara satu sama lain.
3. Alihkan semua kerusi ke tepi.
4. Pastikan setiap kumpulan berhimpit di hujung berlainan dalam bilik itu.
5. Minta dua orang untuk memegang selimut besar secara sukarela dalam posisi menegak di tengah-tengah bilik. Pastikan selimut itu menyentuh lantai dan juga cukup tinggi agar tiada kepala yang kelihatan di atasnya.
6. Setiap kumpulan menghantar seorang ahli pada satu-satu masa untuk berdiri kira-kira sekaki (atau kira-kira 30 cm) dari selimut.
7. Apabila mereka telah bersedia, beri isyarat kepada dua sukarelawan itu untuk menjatuhkan selimut.
8. Orang pertama yang menjeritkan nama orang lain adalah pemenang dan dia akan menangkap orang tersebut untuk kumpulannya.
9. Permainan diteruskan sehingga tiada lagi yang tinggal dalam salah satu kumpulan. Jika persaingan terlalu sengit, tetapkan masa permainan.
10. Kumpulan yang menang adalah kumpulan yang mempunyai jumlah ahli teramai setelah masa tamat.



Renungan Firman Tuhan

A. Pengenalan

1. Dalam permainan tadi, anda perlu cepat bertindak, bukan? (*Biar mereka memberi respon*). Saat selimut itu dijatuhkan, anda perlu

- mendaftarkan dalam fikiran anda siapa nama pihak lawan dan dengan segera menjeritkan namanya.
2. Sudah tentu dalam situasi begini, ada orang yang begitu cepat dalam tindak balas mereka. Ada juga yang sangat cemas sehingga menyebut nama yang salah. Kemudian, ada yang menjerit walaupun belum dapat melihat dengan teliti siapa di hadapannya!
 3. Ideanya adalah untuk mengenali rakan anda dan memberikan respon secepat dan setepat yang boleh. Tiada maknanya anda memberikan tindak balas dengan cepat jika nama yang disebut adalah salah!
 4. Dalam cara yang sama, siri tentang perbandingan agama ini adalah untuk membantu anda belajar untuk memberikan tindak balas dengan tepat apabila anda berhadapan dengan soalan-soalan mengenai kepercayaan anda dengan kepercayaan lain.
 5. Seringkali kita tidak begitu mengetahui apa yang rakan-rakan kita percaya. Sebab itulah apabila kita berhadapan dengan soalan-soalan tentang perbandingan agama dan kita, kita tidak tahu bagaimana untuk memberikan respon dengan bijak.
 6. Dalam sesi-sesi lepas, anda telah belajar tentang agama orang Cina dan orang Islam. Dalam sesi hari ini, kita akan membincangkan agama yang diamalkan oleh orang India.

B. Satu Tuhan atau Banyak?

1. Agama Hindu – Pemahaman Ringkas

- a. Agama Hindu tidak mempunyai pengasas atau nabi. Penekanannya lebih kepada cara kehidupan daripada cara pemikiran.
- b. Asal-usul agama Hindu bermula beribu-ribu tahun yang lalu di India. Walau bagaimanapun, nama 'Hindu' hanya muncul dari tahun 1200 Masehi apabila orang-orang Muslim Parsi yang telah menakluki India mahu mengasingkan kepercayaan mereka daripada orang-orang India. 'Hindu' adalah perkataan Parsi untuk 'India'.
- c. Agama Hindu lebih bersifat satu agama mengikut kaum. Ia dikatakan bahawa seseorang yang dilahirkan itu merupakan orang Hindu, walaupun tidak semua orang yang lahir sebagai orang Hindu mengamalkan agama Hindu.
- d. Ia telah berkembang daripada banyak sumber – kebudayaan India, mitos dan lagenda, kepercayaan kepada roh-roh dan pelbagai sistem pemikiran – semuanya bercampur bersama-sama untuk membentuk apa yang kita ketahui sebagai agama Hindu.
- e. Terdapat kepelbagaian yang luas dalam amalan keagamaan

dalam agama Hindu. Walau bagaimanapun, boleh dikatakan ada tiga unsur yang dipegang oleh mereka yang mengamalkan agama Hindu:

- i. **Sistem Kasta** – setiap individu yang mempunyai nama Hindu merupakan ahli daripada salah satu daripada sejumlah kasta yang membahagikan masyarakat India. Terdapat empat kasta utama, di mana setiap kasta itu terbahagi lagi kepada kasta-kasta kecil yang lebih banyak. Setiap kasta mempunyai tradisi dan cara hidup yang tersendiri dan semua ini mengawal setiap aspek kehidupan mereka. Walaupun sistem kasta ini tidak lagi sah di sisi undang-undang termasuk di India, namun masih ramai yang berpegang kepada tradisi ini.
- ii. **Perpindahan Roh (atau Reinkarnasi) dan Karma** – Orang Hindu percaya bahawa hidup seseorang terperangkap dalam roda kewujudan dan perubahan, atau kelahiran dan dilahirkan semula yang tiada kesudahannya, yang dipanggil *samsara*. Jenis kehidupan seseorang yang bakal dilahirkan semula bergantung dengan bagaimana kehidupan sebelumnya. Kehidupan manusia terdiri daripada tindakannya, sama ada baik atau jahat. Hukum *karma* (*karma* bermaksud ‘tindakan’ atau ‘usaha’) menentukan sifat kelahiran semula seseorang: tindakan yang baik akan membawa kepada kelahiran semula yang baik, tindakan yang tidak baik membawa kelahiran semula yang tidak baik. Oleh itu, bergantung kepada *karma*, seseorang boleh dilahirkan semula sebagai dewa, orang buangan, wanita, binatang dan sebagainya.
- iii. **Hal-hal Ghaib (Supernatural)** – dalam dunia orang Hindu adalah pengaruh hal-hal yang tidak dapat dilihat dan yang ghaib. Orang Hindu percaya bahawa dia dikelilingi dengan kuasa-kuasa yang tidak kelihatan, dan kuasa itu biasanya kejam dan berdendam. Untuk sesetengah orang, mereka percaya adanya Dewa yang agung, tetapi dia dianggap jauh dan tidak berminat dengan urusan manusia biasa. Mereka menyembah pelbagai jenis dewa. Kebanyakannya bukan merupakan dewa yang murah hati dan baik, contohnya Siva (dewa pemusnah), Kali (dewi kematian), dan sebagainya.
- f. Sama seperti orang Cina, kebanyakan orang Hindu mengamalkan kepercayaan dan amalan popular (*folk religion*). Bagi mereka agama Hindu berputar sekitar penyembahan pelbagai dewa dan dewi. Kebanyakan mereka tidak begitu memikirkan ajaran falsafah

di sebalik agama Hindu.

2. Agama Hindu – Satu Perbandingan

a. *Samsara* atau Kehidupan Kekal?

- i. Orang Hindu percaya dengan penjelmaan semula (reinkarnasi) atau perpindahan roh.
- ii. Dia percaya bahawa kehidupan mengalir daripada kelahiran kepada kematian dan kemudiannya, kepada kelahiran semula dan seterusnya – satu roda kewujudan yang tidak berkesudahan yang dikenali sebagai *samsara*.
- iii. Bagaimana seseorang menjalani kehidupannya, perbuatan baik atau jahat, akan menentukan *karmanya*. Dan *karmanya* akan menentukan status kehidupannya yang akan datang – sama ada dewa, orang buangan, binatang, dan sebagainya.
- iv. Matlamat orang Hindu adalah *moksha*, iaitu untuk dilepaskan daripada putaran kelahiran semula yang tiada kesudahan. Terdapat beberapa cara untuk mencapai *moksha*:
 - dengan memperoleh *merit* dalam kehidupannya agar dia dapat mencapai tahap tertinggi dalam kelahiran semulanya yang akhirnya akan dibebaskan.
 - dengan memperoleh pengetahuan istimewa melalui meditasi, yoga dan pengulangan mantra atau nyanyian (*chant*).
 - melalui *bhakti*, atau ketaatan yang dipersembahkan kepada dewa-dewa tertentu, terutamanya Vishnu dalam salah satu daripada jelmaannya.
- v. Agama Hindu tidak mempunyai konsep mengenai Tuhan Pencipta yang mencipta kita dan yang mengasihi kita.
- vi. Mereka percaya asal-usul dan punca kewujudan semuanya datang daripada Brahman yang tidak dikenali, neutral dan tidak peribadi.
- vii. Alkitab pula mengajar kita hal yang berbeza. Ia menyatakan kepada kita bahawa Allah mengasihi kita, iaitu manusia ciptaan-Nya dan Dialah yang membuka jalan keselamatan bagi kita, tetapi bukannya supaya kita keluar dari putaran kelahiran semula! Penyelamatan-Nya adalah daripada kematian kekal kepada kehidupan kekal. (*Pastikan mereka membuka Yohanes 5:24. Minta seseorang untuk membaca ayat tersebut*)
- viii. Agama Hindu tidak mempunyai konsep tentang dosa. Tetapi Alkitab mengajar kita bahawa kita akan dihakimi kerana dosa pemberontakan kita terhadap Allah kecuali jika kita menerima hadiah keselamatan daripada Allah. Ia diberikan kepada kita secara percuma dan bukannya berdasarkan usaha-usaha baik

kita. *(Pastikan mereka membuka Titus 3:4-7. Minta seseorang untuk membaca ayat tersebut)*

- ix. Pemikiran tentang Allah yang menjadi manusia yang mati untuk kita adalah terlalu asing bagi orang Hindu. Dewa-dewa mereka datang dalam pelbagai bentuk, sama ada sebagai binatang-binatang dan sebagai manusia, tetapi dewa-dewa ini tidak terlibat langsung dalam membantu manusia mencapai penyelamatan.
- x. Maka terdapat perbezaan yang sangat besar antara agama Hindu dengan agama Kristian. Kita mempunyai Allah yang mengasihi kita dan mengambil berat tentang kita. Dia tidak mencipta kita untuk diletakkan dalam satu putaran penderitaan yang tiada kesudahan. Sebaliknya, Dia menderita untuk kita agar kita mempunyai kehidupan yang kekal walaupun kita tidak layak untuk mendapatnya.

b. Banyak Tuhan atau Satu Tuhan?

- i. Seperti yang telah disebutkan awal-awal lagi, penganut Hindu tidak menyembah satu tuhan tetapi sejumlah besar dewa dan dewi.
- ii. Tuhan-tuhan mereka tidak dapat dilihat sepenuhnya dalam istilah manusia tetapi merupakan manifestasi alam dan kuasa-kuasa kosmik. Walaupun mereka mempunyai banyak bentuk dan banyak nama, mereka semua dimengertikan sebagai ekspresi Brahman, iaitu dia yang tidak diketahui.
- iii. Di atas semua bentuk tuhan adalah tiga serangkai tuhan yang terdiri daripada Brahma (iaitu satu-satunya yang mempunyai kuasa mencipta), Vishnu (yang Memelihara), dan Siva (Pemusnah dan Pencipta Semula kehidupan)
- iv. Penganut agama Hindu akan mendirikan kuil-kuil dan tempat keramat untuk dihuni oleh tuhan-tuhan mereka. Oleh itu, kuil tidak seperti gereja yang menjadi tempat untuk penyembahan para jemaah. Ia lebih kepada tempat tinggal dewa-dewa. Imej dan gambar dewa tertentu akan diletakkan di tempat yang dianggap suci baginya, contohnya tikus untuk Ganesh.
- v. Apabila patung berhala dibangunkan, suatu upacara akan diadakan untuk meminta dewa datang dan menghuni di dalam patung tersebut. Selepas itu, dia akan dilayan dengan setia oleh sami yang membawa persembahan kemenyan, makanan dan bunga-bunga kepada dewa-dewa ini. Penganut-penganut yang datang untuk bersembahyang juga akan membawa persembahan untuk dewa-dewa ini.
- vi. Setiap patung berbeza adalah dewa dan mempunyai kuasa yang tersendiri. Oleh itu, penganut akan pergi kepada dewa

yang berbeza-beza bergantung kepada keperluannya.

- vii. Alkitab sekali lagi mengajar kita hal yang berbeza. Ia menyatakan kepada kita bahawa hanya ada satu Allah yang memerintah dan berkuasa ke atas semua yang wujud.
- viii. Oleh kerana Dia adalah Allah yang agung, tiada satu pun di bumi yang boleh memegang-Nya. Sebab itulah kita diberitahu untuk tidak membuat sebarang imej atau patung untuk-Nya (*Pastikan mereka membuka Ulangan 5:6-10. Minta seseorang untuk membaca ayat tersebut*).
- ix. Alkitab memberitahu kita bahawa Allah mendengarkan kita apabila kita berdoa kepada-Nya. Dia mendengar doa-doa kita dan menjawabnya kerana belas kasihan-Nya yang besar untuk kita. Dia tidak memerlukan persembahan fizikal kita untuk membuatkan Dia mendengarkan kita dan menjaga kita. (*Pastikan mereka membuka Mazmur 116:1-6. Minta seseorang untuk membaca ayat tersebut*)
- x. Kita bukan penganut atau penyembah seperti orang Hindu di hadapan dewa dan dewi mereka. Kita adalah anak-anak Allah dan dengan itu, hubungan kita dengan Allah sama seperti Bapa di syurga dengan anak-anak-Nya yang dikasihi-Nya.

c. Satu Peringatan

- i. Sama seperti agama orang Cina, agama Hindu telah berbelit dengan budaya, yang mana kadang-kadang sangat sukar untuk mengasingkan amalan keagamaan daripada amalan kebudayaan. Setiap peringkat kehidupan penganut Hindu ditandakan dengan upacara keagamaan yang sesuai.
- ii. Lebih teruk lagi, orang India dianggap sebagai penganut Hindu sejak lahir; dia dilahirkan sebagai seorang Hindu. Oleh itu, ikatan keluarga dan masyarakat sangat kuat dalam penganut Hindu.
- iii. Bagi penganut Hindu, penolakan agamanya untuk kepercayaan yang lain sama seperti mengkhianati keluarga, masyarakat dan budayanya.
- iv. Oleh itu, kita dapat menjangka untuk berhadapan dengan tentangan yang kuat. Begitu juga dengan halangan untuk berkongsi ajaran Yesus Kristus dengan rakan-rakan Hindu kita.
- v. Walau bagaimanapun, kita perlu diingatkan bahawa Berita Baik Injil merupakan kuasa penyelamatan Allah untuk semua orang. Berita Baik Injil mempunyai kuasa untuk menyelamatkan. Tanggungjawab kita adalah untuk mengongsikannya dan membiarkan Roh Kudus melakukan yang selebihnya.



Doa

Akhiri dengan doa.

Sesi 4 : Pemutarbelit Kebenaran



Objektif-Objektif Sesi

1. Mengenali ajaran-ajaran dan doktrin utama kepercayaan mereka.
2. Memahami bahawa kultus memegang kepercayaan yang memutar-belitkan kebenaran.
3. Membezakan apa yang benar dan yang salah di antara beberapa doktrin iman mereka.



Pencetus Minat

Ketahui Kultus-Kultus (pengikut ajaran yang menyimpang daripada ajaran Kristian):

1. Terangkan bahawa anda akan membacakan senarai kepercayaan yang diambil sama ada dari beberapa kultus atau pun dari agama Kristian sendiri.
2. Semasa setiap ayat dibacakan, mereka harus mengangkat tangan kanan sekiranya mereka berfikir ia adalah ajaran ortodoks (maksudnya ajaran Kristian) atau tangan kiri mereka sekiranya mereka berfikir ia datang dari kultus (ajaran yang menyimpang daripada ajaran Kristian)
3. Nama kultus telah dituliskan di hujung ayat (nama kultus dalam Bahasa Inggeris kerana kebanyakan kutus berasal daripada negara Barat). Anda kemudiannya boleh memberitahu mereka nama kultus dari mana ajaran tersebut diambil.
 - Yesus adalah satu-satunya Anak Allah kerana Dialah yang pertama sekali dicipta oleh Allah sebelum Dia turun ke bumi sebagai manusia (**Jehovah's Witnesses** atau **Saksi Yehovah**)
 - Yesus Kristus bukan Tuhan dan Dia telah gagal dalam misi-Nya untuk menjadi penyelamat dengan mati di kayu salib (**The Unification Church** atau **Moonies**. Berasal dari Korea Selatan)
 - Roh Kudus adalah peribadi ketiga dalam Tritunggal. Dia juga adalah Allah.
 - Selepas kedatangan Kristus yang kedua kali, semua makhluk termasuk Iblis, akan diperbaharui untuk hidup di bawah pemerintahan Allah dan orang-orang kudus-Nya (**Children of God**)
 - Tiada jalan lain untuk diselamatkan kecuali melalui karya penebusan Yesus yang telah selesai di kayu salib.
 - Yesus tidak mungkin menjadi kedua-dua Allah dan Anak Allah

pada masa yang sama. Oleh itu, Dia hanya Anak Allah, bukan Allah (**The Way, International**)

- Alkitab adalah inti pati Allah kerana semua Tulisan adalah dilihamkan Allah. Oleh itu, apabila anda berdoa dan membaca Alkitab, anda akan dipenuhi dengan Firman iaitu Tuhan Yesus sendiri (**The Local Church**)
- Yahweh/Yehovah adalah satu-satunya Allah yang mencipta semuanya; Yesus bukan Allah, tetapi Anak Allah dan Roh Kudus adalah kuasa bukan peribadi yang datang daripada Allah (**Jehovah's wTnesses** atau **Saksi Yehovah**)
- Bahan/zat, dosa dan penyakit tidak benar tetapi hanyalah satu ilusi (**Christian Science**)
- Yesus adalah manusia sepenuhnya dan Allah sepenuhnya.
- Apabila Yesus menjadi manusia, sifat kemanusiaan dan keilahian-Nya bercampur bersama (**The Local Church**)
- Allah Bapa mempunyai seorang isteri dan melaluiNya Dia mendapat anak-anak; dan anak rohani-Nya yang pertama adalah Yesus Kristus (**Mormon**)



Renungan Firman Tuhan

A. Pengenalan

1. Ramai di antara kita yang tidak tahu secara pasti ajaran apa yang terkandung dalam doktrin Kristian, bukan? (*Biar mereka respon*)
2. Berapa banyak kenyataan yang saya baca tadi kedengaran benar di fikiran kita? Contohnya kenyataan Yesus hanyalah Anak Allah, bukan Allah.
3. Jika kita sendiri tidak tahu perbezaan antara apa yang benar dan apa yang salah, kita juga akan senang disesatkan, bukan?
4. Ada yang agak mudah untuk mengetahui kesalahannya seperti: Allah Bapa mempunyai isteri dan mempunyai banyak anak; serta Yesus bukan Tuhan dan Dia telah gagal dalam misi-Nya menyelamatkan manusia.
5. Tetapi ada yang begitu meyakinkan sekali sehingga kita fikir itu adalah benar. Contohnya Alkitab adalah inti pati Allah kerana semua Tulisan adalah dilihamkan Allah. Oleh itu, apabila anda berdoa dan membaca Alkitab, anda akan dipenuhi dengan Firman iaitu Tuhan Yesus sendiri.
6. Beginilah apabila kita berdepan dengan hal agama. Terdapat banyak agama atau ajaran yang mirip yang muncul daripada penubuhan agama yang sama seperti agama Kristian, Islam dan sebagainya. Sekali pandang, anda mungkin tidak terfikir bahawa

terdapat sebarang perbezaan kerana ia begitu sama dengan agama-agama ini.

7. Walau bagaimanapun, jika anda melihat dengan lebih dekat, anda akan mendapati bahawa mereka telah memutarbelitkan beberapa ajaran daripada agama-agama ini.
8. Inilah yang orang katakan sebagai kultus, yang menyimpang daripada ajaran sebenar. Kultus sangat merbahaya kerana mereka telah memutarbelitkan kebenaran tentang agama-agama dan mereka mengajar kepercayaan yang salah.
9. Satu ciri kultus adalah mereka percaya bahawa hanya mereka sahaja yang memiliki kebenaran yang sempurna. Yang lain semuanya sudah mengikuti ajaran yang salah.
10. Dalam sesi hari ini, kita akan berbincang tentang pelbagai kultus yang telah memutarbelitkan kebenaran ajaran Kristian dan membantu anda untuk mengenali mereka.

B. Pemutarbelit Kebenaran

1. Kayu Pengukur Kebenaran

- a. Untuk mengetahui apa yang salah atau tidak benar, anda perlu tahu terlebih dahulu apa yang benar. Jika tidak, anda tidak akan mempunyai asas untuk membuat perbandingan.
- b. Dalam agama Kristian, kayu pengukur atau piawai perbandingan yang kita gunakan untuk mengukur atau menghakimi apa yang benar adalah apa yang kita sebut 'teologi ortodoks'.
- c. 'Teologi' berasal dari dua perkataan Yunani, iaitu *theos* dan *logos*. *Theos* bermaksud 'Allah' dan *logos* bermaksud 'perkataan'. Jadi apabila kita berbicara tentang teologi, pada dasarnya kita berbicara tentang siapakah TUHAN Allah itu.
- d. 'Ortodoks' juga berasal dari dua perkataan Yunani, iaitu *orthos* dan *doxa*. *Orthos* bermaksud 'lurus, selamat, betul, benar atau tepat' dan *doxa* bermaksud 'kepercayaan'. Oleh itu, apabila kita berbicara tentang sesuatu yang ortodoks, kita bermaksud bahawa ia adalah kepercayaan yang tepat dan benar.
- e. Apabila kita berbicara tentang teologi ortodoks, kita berbicara tentang kepercayaan mengenai Allah yang betul dan benar. Ini adalah kepercayaan yang telah diterima oleh Gereja Kristian dalam waktu yang amat lama sebagai ajaran yang benar tentang Allah.
- f. Apakah ajaran atau kepercayaan tentang Allah yang anda tahu adalah benar dan tepat?

2. Ajaran-ajaran/Doktrin Utama

- a. Alkitab Diilhamkan oleh Allah (2 Timotius 3:16; 2 Petrus 1:20-21)

- i. Sebagai orang Kristian, kita percaya bahwa semua Tulisan (Alkitab) diilhamkan oleh Allah. Oleh itu, kita menerima kesemua enam puluh enam buku dalam Alkitab sebagai wahyu Allah tentang diri-Nya untuk kita.
- ii. Sebarang ajaran yang memberitahu kita bahawa ada sebahagian daripada Alkitab adalah salah ialah ajaran yang sesat, satu kepercayaan yang bertentangan dengan ajaran yang telah diterima atau ajaran ortodoks.
- iii. Sekiranya Alkitab adalah kebenaran Allah, kita perlu menggunakannya sebagai kayu pengukur kita untuk menghakimi ajaran lain yang kita terima. Selalunya, kultus akan menumpukan terhadap wahyu baru dan cara mentafsir Alkitab yang baru dan berlainan. Pemimpin-pemimpin akan mendakwa telah mendapat wahyu istimewa daripada Allah. (*Baca 2 Petrus 2:1*)
- iv. 2 Petrus 2:1 mengatakan bahawa nabi-nabi dan guru-guru palsu akan muncul dan memperkenalkan ajaran mengikut pendapat sendiri yang menyesatkan, ajaran yang akan jauh berbeza daripada apa yang telah Alkitab ajarkan kepada anda. Oleh yang demikian, kita harus berjaga-jaga. Sebarang ajaran yang mengatakan bahawa kuasa mereka bukan berlandaskan ajaran Alkitab adalah sesat.
- v. Ada yang akan menggunakan Alkitab (tetapi dengan tafsiran mereka sendiri) dan 'ayat-ayat Alkitab' tambahan sebagai kuasa mereka. Contohnya, Mormon (The Church of Jesus Christ of Latter-day Saints), Saksi Yehovah dan Christian Science.

b. Yesus Adalah Manusia Sepenuhnya dan Tuhan Sepenuhnya

(Yohanes 1:14; Filipi 2:6-8)

- i. Teologi ortodoks memegang bahawa Yesus adalah manusia sepenuhnya dan Tuhan sepenuhnya dalam masa yang sama.
- ii. Sejak berabad-abad lamanya, sering ada ajaran yang memutarbelitkan kebenaran ini.
- iii. Ada yang hanya menekankan sifat ketuhanan-Nya dan menjadikan sifat kemanusiaan-Nya kurang lengkap. Yang lain pula menekankan bahawa Yesus adalah manusia dan bukannya Tuhan. Contohnya, Saksi Yehovah, Christian Science, Unification Church dsbnya.
- iv. Jika Yesus bukan Tuhan sepenuhnya, Dia tidak akan menjadi korban yang sempurna untuk dosa-dosa kita. Dan sekiranya Dia bukan manusia sepenuhnya, Dia tidak akan mati di kayu salib untuk dosa-dosa manusia.
- v. Oleh itu, ajaran tentang Yesus adalah manusia Tuhan sepenuhnya membentuk teras utama kepercayaan kita sebagai

orang Kristian.

- vi. Ramai kultus menganggap pemimpin-pemimpin mereka lebih penting daripada Yesus. Sesetengah pemimpin mendakwa mereka merupakan jelmaan tuhan, malaikat atau pun Yesus Kristus; Ada pula yang mendakwa telah dipilih dan diutus oleh Allah untuk satu misi istimewa. Dalam kesemua kultus ini, pemimpin-pemimpin selalunya tidak boleh ditegur dan apa yang mereka katakan tidak boleh disangkal.

c. Ajaran Tentang Tritunggal (Ul. 6:4; 1 Kor. 2:10-11; Flp 2:5-6, 11b)

- i. Alkitab mengajar kita bahawa Allah adalah satu tetapi Dia wujud dalam tiga peribadi – Allah Bapa, Allah Putera dan Allah Roh Kudus.
- ii. Setiap peribadi dalam Allah atau Tritunggal seperti disebutkan adalah nyata dan sama, iaitu sepenuhnya adalah Allah.
- iii. Terdapat ramai kultus yang percaya bahawa Yesus adalah manusia yang baik tetapi bukan Allah. Ada pula kultus yang mengajar bahawa Yesus adalah makhluk ciptaan. Tetapi oleh kerana Dia patuh kepada Allah, mereka mengatakan bahawa Dia adalah ilahi walaupun Dia tidak memiliki sifat yang sama seperti Allah.
- iv. Ada juga yang percaya bahawa Roh Kudus adalah makhluk ciptaan dan mempunyai tahap yang sama dengan para malaikat.

d. Keselamatan Adalah Melalui Karya Yesus Yang Telah Selesai di Kayu Salib (Roma 5:8; Efesus 2:8-9)

- i. Seawal selepas kematian Kristus lagi, ajaran-ajaran palsu tentang berita baik keselamatan telah mula menyusup masuk ke dalam gereja.
- ii. Ada beberapa ajaran palsu yang mengatakan bahawa untuk diselamatkan, anda harus mematuhi hukum Yahudi atau melakukan perbuatan yang baik.
- iii. Ada kultus yang mengajar bahawa Yesus tidak mati sepenuhnya; ada pula yang mengajar bahawa pengorbanan-Nya tidak cukup untuk menghapuskan dosa-dosa kita.
- iv. Alkitab sangat jelas tentang Berita Baik Allah mengenai keselamatan. Kematian Yesus di kayu salib telah membayar hukuman penuh untuk dosa-dosa kita. Manusia hanya boleh diselamatkan jika mereka mengakui dosa-dosa dan percaya apa yang Yesus telah lakukan untuk mereka.
- v. Allah tidak meletakkan sebarang syarat lain untuk keselamatan kita – iman melalui anugerahlah yang membolehkan kita diselamatkan. Sebarang ajaran yang mengajar hal yang

sebaliknya, atau dikatakan datang dari injil yang lain, adalah bersifat kultus dan menyimpang dari ajaran sebenar (bida'ah).

e. Kedatangan Kristus Yang Kedua Kali (Matius 24:36; KisahPR 1:7)

- i. Banyak kultus yang menekan kedatangan Kristus yang kedua. Bahkan mereka dapat meramal tarikh dan masa sebenar kedatangan Kristus ke bumi.
- ii. Alkitab sangat jelas tentang kedatangan Kristus yang kedua kali. Yesus sendiri mengatakan bahawa tiada seorang pun termasuk Diri-Nya sendiri tahu tarikh sebenarnya kecuali Allah Bapa.
- iii. Oleh itu, apabila seseorang memberitahu anda bahawa dia tahu bila Kristus akan kembali, anda harus segera menyedari bahawa sumber ajaran itu bukan berdasarkan Alkitab.
- iv. Akan terdapat tanda-tanda yang menunjukkan dan menandakan bahawa peristiwa itu akan datang. Tetapi tiada seorang pun yang tahu dengan pasti kerana hanya Allah yang memegang kunci pengetahuan tersebut.
- v. Alkitab mengingatkan kita bahawa terdapat banyak guru-guru dan nabi-nabi palsu yang akan muncul dan menyesatkan kita. Mereka akan memberitahu kita pelbagai kebenaran yang tidak berdasarkan Alkitab kerana mereka mendakwa mereka mempunyai wahyu secara langsung daripada Allah.

f. Kesimpulan

- i. Kita telah berbincang beberapa ajaran (doktrin) utama tentang kepercayaan Kristian. Walaupun banyak ajaran kultus yang mengajar kebenaran yang telah diputarbelitkan, terdapat juga ajaran yang melencong jauh daripada apa yang sepatutnya.
- ii. Selalunya ajaran mereka mempunyai persamaan dengan apa yang kita percaya. Oleh itu, anda mungkin tidak tahu bahawa ia adalah kultus. Apa lagi ada yang turut mendakwa bahawa Alkitab adalah sumber kewibawaan mereka.
- iii. Anda harus berhati-hati apabila anda bertemu dengan orang-orang daripada kumpulan Kristian yang lain yang cuba meyakinkan anda dengan ajaran mereka. Anda harus selalu kembali kepada Alkitab untuk memeriksa ajaran mereka. Jangan biarkan diri anda dengan mudah digoyahkan dengan apa yang orang lain katakan.
- iv. Anda perlu menjadi seperti orang Berea apabila anda berdepan dengan ajaran yang berlainan. (*Suruh mereka buka Kisah Para Rasul 17:11. Minta seseorang untuk membacanya*)
- v. Mereka tidak menerima apa yang diajarkan kepada mereka secara membabi buta. Mereka memeriksa Alkitab sendiri untuk melihat jika ajaran yang mereka terima selaras dengan apa yang

diajarkan Alkitab.

- vi. Oleh itu, satu-satunya cara untuk mengelakkan diri daripada ditipu oleh kultus adalah dengan mengetahui Alkitab anda dengan sebaik-baiknya.



Doa

Berdoalah untuk mereka supaya mereka bertekun untuk mengetahui Firman Tuhan dan menjadikan pembacaan dan pembelajarannya sebagai tabiat tetap dalam kehidupan mereka. Suruh juga mereka berdoa supaya saat mereka bertumbuh dalam pengetahuan dan kebijaksanaan tentang Firman dan tujuan-Nya, mereka akan boleh menilai antara yang benar dan yang salah serta akan berdiri teguh dalam kepercayaan mereka.



Idea Bonus

Bagaimana dengan mendapatkan beberapa orang sukarelawan daripada mereka yang sering menggunakan masa lapang mereka untuk melayari Internet untuk melakukan Projek Cyber Mini? Minta mereka mencari topik 'Cults' di Internet dan kemudian membuat ringkasan tentang jenis-jenis kultus yang berada di sekitar mereka.

Anda mungkin mahu melakukan sedikit penelitian dan memberikan mereka kultus berlainan untuk dikerjakan agar mereka tidak akan membuat kerja dua kali.

Selepas itu, pinkan temuan mereka pada papan tulis anda atau mana-mana ruang yang boleh digunakan agar orang lain dapat membacanya.

Sesi 5 : Tahyul Dan Amalan Ghaib



Objektif-Objektif Sesi

1. Memahami bahawa Allah melarang umat-Nya daripada terlibat dalam amalan-amalan ilmu ghaib kerana ia sangat dibenci TUHAN.
2. Mengetahui pelbagai bentuk amalan ilmu ghaib.
3. Memikirkan sedalam-dalamnya tentang penglibatan mereka dalam amalan-amalan ini dan membuat komitmen baru untuk menjalani kehidupan yang kudus dan menyenangkan-Nya.



Pencetus Minat

Gelinya!!

(Diperlukan: Baldi, pelbagai benda yang ‘menggelikan’, duit syiling, surat khabar, tuala, bekas kosong, kain buruk)

1. Tujuan aktiviti adalah untuk membuatkan para peserta memasukkan tangan mereka ke dalam baldi yang berisi benda-benda ‘menjijikkan’ dan mengutip duit syiling yang berada di bawah.
2. Bahagikan para peserta kepada dua kumpulan.
3. Alihkan semua kerusi ke tepi.
4. Pastikan dua kumpulan itu berbaris di satu hujung bilik.
5. Letakkan sebuah baldi besar di hujung lain bilik. Anda mungkin mahu meletakkan beberapa helai surat khabar di bawah baldi tersebut untuk mengelak daripada lantai menjadi kotor.
6. Isikan baldi dengan air kira-kira hampir penuh dan masukkan apa-apa sahaja yang anda fikir akan menjadikan cecair di dalam baldi benda yang paling menjijikkan mereka pernah lihat! Beberapa cadangan – agar-agar yang dihancurkan, warna air, tanah/lumpur, sisa makanan (!), hampas kisaran kopi, dan sebagainya. Masukkan kesemuanya di dalam dan gaulkan sehingga sebat. Lebih baik jika ada bau busuk!
7. Selepas itu, masukkan seberapa banyak duit syiling ke dalamnya; dari 5 sen sehingga 50 sen, tetapi pastikan jumlah duit syiling bernilai terbesar hanya sedikit.
8. Terangkan kepada mereka bahawa di dalam bancuhan istimewa yang anda telah sediakan terdapat banyak duit syiling. Dengan perkataan *Mula*, orang pertama dalam setiap kumpulan akan berlari ke arah baldi dan memasukkan tangannya ke dalam untuk mengutip mana-mana satu syiling yang dia mahu. Mereka tidak dibenarkan untuk mengutip lebih daripada satu duit syiling dalam satu-satu masa.

9. Mereka kemudiannya harus berlari semula ke belakang dan menyuruh orang yang seterusnya untuk menyambung permainan itu. Ini akan berterusan sehingga anda mengarahkan permainan untuk dihentikan selepas suatu tempoh masa tertentu.
10. Sediakan bekas kosong di setiap kumpulan untuk mereka menjatuhkan duit syiling mereka. Anda juga mungkin mahu menyediakan beberapa helai tuala berdekatan mereka untuk membersihkan tangan mereka!
11. Suruh mereka kira jumlah yang telah mereka kumpulkan. Kumpulan yang mengumpul jumlah duit syiling terbanyak adalah pemenang.
12. Anda mungkin memerlukan beberapa helai kain buruk untuk membersihkan kekotoran di sekeliling baldi pada akhir permainan.



Renungan Firman Tuhan

A. Pengenalan

1. Adakah anda semua seronok dengan permainan ini? *(Biar mereka memberi respon)*
2. Ada di antara kamu mungkin tidak kisah terhadap benda yang menggelikan dan menjijikkan bila harus memasukkan tangan anda ke dalamnya, tetapi bukan semua orang berfikir begitu!
3. Mungkin ada di antara anda berfikir adakah berbaloi untuk mengotorkan tangan anda hanya untuk memenangi suatu permainan, bukan? *(Biar mereka memberi respon)*
4. Ada pula yang mungkin tidak kisah asalkan anda seronok melakukannya kerana itu hanya sebuah permainan.
5. Tidak apa kita mengotorkan tangan kerana ia hanya satu permainan. Walau bagaimanapun, apabila ia benar-benar terjadi dalam kehidupan kita, ia bukanlah sesuatu yang menyeronokkan.
6. Ada masanya dalam kehidupan di mana kita menjerumuskan diri kita ke dalam kekotoran sama ada kerana kita tidak berhati-hati, degil, mahu mengkaji perkara baru atau kita fikir ianya sesuatu yang menyeronokkan. *(Minta mereka untuk memikirkan beberapa masalah yang selalu orang muda terlibat)*
7. Salah satu masalah yang boleh kita terjerumus ke dalamnya adalah apabila kita terlibat dalam hal-hal ghaib.
8. Apakah yang dimaksudkan dengan 'amalan dan ilmu ghaib'? *(Biar mereka memberi respon)*
9. 'Ghaib' merujuk kepada hal-hal yang berkait dengan kuasa-kuasa ghaib yang berada di luar pengetahuan manusia biasa.
10. Ia berkaitan dengan kuasa-kuasa dalam alam rohaniah yang tiada kena-mengena dengan Allah. Oleh itu, anda perlu berjaga-jaga agar anda tahu bagaimana untuk mengelakkannya.
11. Sesi hari ini adalah tentang hal-hal amalan dan ilmu ghaib.

B. Peringatan Alkitab

1. Banyak orang yang berfikir bahawa hal-hal seperti horoskop, menilik tapak tangan, tilik nasib hanyalah aktiviti-aktiviti yang tidak berbahaya. Ada orang yang tidak begitu mengambil serius hal tersebut kerana rasa ingin tahu atau hanya untuk berseronok.
2. Soalan yang kita perlu tanya adalah: adakah benar hal-hal ini tidak membahayakan? Atau ada hal lain di sebaliknya yang bukan satu kebetulan atau bergantung kepada nasib?
3. Adakah Alkitab memberitahu kita apa-apa tentang amalan-amalan seperti itu yang cuba melihat masa depan seseorang, atau cuba melihat sesuatu di luar pengalaman normal manusia?
4. Alkitab begitu jelas tentang reaksi Allah mengenai apa yang dilabelkan sebagai 'amalan-amalan ghaib'. Perkataan 'ghaib' atau 'occult' datang daripada perkataan Latin, iaitu *occultus* yang bermaksud tersembunyi, rahsia, menyeramkan atau misteri.
5. Allah membenci amalan-amalan seperti itu. Ini adalah hal-hal yang akan mengotori umat-Nya, iaitu menjadikan mereka tidak kudus di hadapan-Nya. Ini adalah amalan-amalan yang Dia mahu orang-orang Israel hapuskan sepenuhnya. Sesiapa yang mengamalkannya diperintahkan untuk dihukum bunuh (Keluaran 22:18; Imamat 20:27).

C. Amalan-amalan Ghaib

Secara umumnya, amalan-amalan ini boleh dibahagikan kepada empat kategori utama:

1. Tahyul (Yesaya 2:6)

- a. Setiap budaya dan bangsa mempunyai ketakutan tahyul yang tersendiri. Ia adalah kepercayaan yang tidak berasaskan kepada fakta atau alasan tetapi kepada pemikiran lama tentang nasib, magis dan sebagainya.
- b. Sebagai contoh, orang Cina percaya bahawa sekiranya anda menyapu lantai pada hari pertama Tahun Baru Cina, anda akan menyapu keluar semua nasib yang baik di dalam rumah. Oleh itu, kebanyakan rumah orang Cina tidak disapu pada hari pertama.
- c. *(Suruh mereka menamakan beberapa perkara tahyul dan karut yang mereka tahu)*
- d. Tahyul adalah kepercayaan tidak beriman yang meletakkan kita di bawah belenggu ketakutan. Orang mempercayainya kerana mereka takut perkara itu benar-benar akan berlaku.
- e. Sebagai orang Kristian, kita tidak seharusnya membenarkan kehidupan kita dikawal oleh ketakutan seperti itu. Kita tahu bahawa Allah adalah Raja Agung di atas segalanya dan Dialah yang bertanggungjawab ke atas semua keadaan di sekeliling kita.

- f. Bukan sahaja hal ini tidak benar, malah kadang-kadang dengan mempercayainya, kita sebenarnya membenarkan Iblis menggunakan tahyul seperti itu untuk membuatkan kita tidak efektif dan penakut.
- 2. Ramalan** (Imamat 19:26b; Ulangan 18:9-14; Yesaya 47:12-13)
- a. Ramalan boleh diertikan sebagai tilik nasib. Terdapat banyak jenis amalan dalam kategori tilik nasib.
 - b. Horoskop, menilik tapak tangan, membaca alamat dan petanda, astrologi, membaca kad, membaca daun teh, dan sebagainya adalah antara kategori tilik nasib yang biasa kita temui.
 - c. Ada orang yang berfikir bahawa ini amalan yang tidak berbahaya. Mereka terlibat dengannya kerana mereka ingin tahu tentang masa depan mereka.
 - d. *(Suruh mereka buka Kisah Para Rasul 16:16-18. Minta seorang untuk membaca petikan tersebut. Tanya mereka apa sebenarnya sumber tukang tilik nasib sehingga mereka dapat meramal masa depan seseorang)*
 - e. Kejadian-kejadian di masa depan bukanlah hal-hal yang boleh diketahui oleh manusia. Oleh itu, sekiranya amalan-amalan ini dapat meramal hal-hal masa depan, dan sumbernya bukan Allah, siapa lagi yang terlibat? *(Biar mereka memberikan respon)*
 - f. Dalam kebanyakan hal, penilik nasib dapat memberitahu dengan tepat tentang apa yang akan terjadi. Sumber mereka sesungguhnya adalah dari iblis.
 - g. Walaupun ada amalan ghaib yang kelihatan tidak berbahaya, jangan lupa bahawa Allah sendiri melarang pengamalannya. Allah memegang masa depan kita. Masa depan dunia ini terletak di dalam tangan-Nya. Kita tidak seharusnya cuba untuk mengambil tahu tentang hal-hal di sebalik apa yang Allah ingin kita tahu.
 - h. Sekiranya kita bermain dengan amalan-amalan seperti itu, kita akan menjerumuskan diri kita ke dalam gangguan emosional dan rohaniiah.
- 3. Sihir** (Imamat 19:26b; Ulangan 18:9-14)
- a. Apakah yang dimaksudkan dengan sihir? *(Biar mereka memberikan respon)*
 - b. Sihir adalah kebolehan dan amalan tentang ilmu sihir yang menggunakan kuasa roh-roh jahat.
 - c. Ini termasuklah ilmu hitam, semua jenis silap mata, jampi, tangkal dan sebagainya.
 - d. Sumber amalan-amalan ini adalah dari kuasa-kuasa gelap. Mereka yang terlibat akan menyeru kuasa-kuasa kegelapan untuk membantu mereka dalam apa jua yang mereka ingin

lakukan.

- e. Sihir bukanlah sesuatu yang biasa-biasa. Kuasa-kuasa kegelapan di sebalik semua ini adalah jahat dan sangat berkuasa. Mereka yang mengamalkannya selalunya menyerahkan kehidupan mereka kepada kuasa kegelapan agar mereka memiliki kuasa untuk melakukan kepintaran sihir mereka.

4. Roh-roh (Imamat 19:31)

- a. Kategori ini meliputi penyembahan roh dan kultus syaitan. Ia berlaku dalam pelbagai bentuk: menggerakkan gelas, roh duit (*spirit of the coin*), papan ouija, bomoh, memanggil roh orang mati, psikokinesis (menggerakkan objek dengan hanya menggunakan fikiran) dan sebagainya.
- b. Ini adalah amalan-amalan yang berhubung terus dengan roh jahat.
- c. Ada yang menganggap hal-hal seperti roh duit atau papan ouija adalah sejenis permainan yang tidak berbahaya. Anda harus tahu bagaimana mereka tidak berbahaya kalau benda-benda ini boleh bergerak sendiri dan menjawab soalan-soalan? Pasti ada kuasa di sebalik semua ini!
- d. Jangan lupa bahawa ini adalah amalan-amalan yang sememangnya dikutuk oleh Allah. Dalam Perjanjian Lama, hukuman-Nya untuk mereka yang terlibat adalah mati.

D. Respon Kita

1. Hidup dalam Kebebasan bukan Ketakutan

- a. Sebagai orang-orang Kristian, kita tidak perlu takut dengan Iblis atau apa yang boleh dilakukannya terhadap kita kecuali jika kita terlibat dengan amalan-amalan ghaib. (*Pastikan mereka membuka Kolose 2:13-15. Minta seorang untuk membacanya.*)
- b. Yesus Kristus telah memenangi peperangan melawan Iblis dan semua kuasa jahatnya di kayu salib. Oleh itu, tiada apa yang mereka dapat lakukan untuk membahayakan atau mencederakan kita kecuali jika Allah membenarkannya untuk tujuan-tujuan tertentu. Walaupun sekiranya tangkal atau jampi dikenakan kepada kita, ia tidak akan membahayakan kita.
- c. Oleh yang demikian, kita tidak perlu hidup menurut amalan-amalan tahyul atau ghaib yang diamalkan oleh orang-orang di sekitar kita, dan membenarkan ketakutan yang tidak bersebab serta kuasa kegelapan untuk mengawal kehidupan kita.

2. Hidup dalam Kekudusan

- a. Allah memanggil kita untuk menjauhi semua amalan ghaib ini kerana Allah membencinya. Apabila kita mengambil bahagian dalam hal ini, kita sebenarnya telah berpadu kuasa dengan Iblis dan roh-rohnya. Oleh sebab itulah Allah berfirman bahawa kita

tidak seharusnya mengotori diri kita dengan melakukan semua ini.

- b. Oleh itu, kita harus menjauhi amalan-amalan seperti itu terutamanya amalan-amalan seperti astrologi atau membaca horoskop, menilik nasib, menilik tapak tangan, bermain dengan roh duit (*spirit of the coin*) dan sebagainya.
- c. Jangan fikir bahawa semua ini adalah amalan-amalan yang tidak berbahaya. Terdapat unsur syaitan yang kuat di sebalik semua hal yang kelihatan tidak berbahaya ini. Jangan biarkan rasa ingin tahu atau kedegilan anda membawa anda ke arah kesesatan.
- d. Sekiranya anda pernah terlibat dengannya pada masa lalu, anda perlu berhenti dari melakukannya mulai hari ini. Anda perlu berdoa dan meminta pengampunan daripada Allah kerana anda pernah mencuba-cuba untuk melibatkan diri dalam hal-hal ini pada masa lalu.

3. Hidup dalam Kebijaksanaan

- a. Pada masa sekarang, terdapat banyak minat yang tidak sihat dalam hal-hal ghaib. Anda dapat melihatnya dalam wayang, buku, majalah, video games dan permainan komputer.
- b. Anda terdedah dengan hal-hal ghaib lebih daripada apa yang anda ketahui. Apakah respon anda yang sepatutnya terhadap hal-hal sedemikian? (*Biar mereka memberi respon*)
- c. Anda harus bijak dalam memilih apa yang anda baca, tonton atau main. Walaupun sebenarnya anda tidak mencuba-cuba untuk melibatkan diri dalam hal-hal ghaib, anda telah membenarkannya untuk meresap ke dalam fikiran anda. Oleh itu, anda telah melibatkan diri anda secara tidak langsung sama ada anda sedar ataupun tidak.
- d. Mengapakah sebagai anak Allah, anda mahu membenarkan fikiran anda dipenuhi dengan pengaruh yang datang dari si jahat?
- e. Terdapat wayang atau buku yang lebih sihat dan menyegarkan yang dapat anda tonton atau baca. Mungkin permainan komputer tidaklah sebegitu mudah tetapi anda sebenarnya boleh mencari permainan komputer lain yang tidak mengandungi unsur sihir dan ghaib di dalamnya.



Doa

Tutup dengan mendoakan supaya Allah akan membersihkan mereka daripada penglibatan masa lalu. Minta Dia memenuhi mereka semula dengan Roh Kudus-Nya dan menguasai mereka untuk menjalani kehidupan yang kudus dan menyenangkan-Nya.

Sesi 6: Makanan Persembahan Berhala

Isu berkaitan memakan makanan yang telah dipersembahkan bukanlah sesuatu yang mudah untuk dihadapi. Banyak orang Kristian berbelah-bahagi dalam pendapat dan pentafsiran mereka tentang masalah ini. Hasilnya, tidak ada satu persetujuan sebulat suara daripada komuniti Kristian tentang isu ini yang mempunyai banyak implikasi penting dalam konteks orang Asia.

Sebuah buku yang berbincang secara menyeluruh tentang isu ini adalah *"Freedom and Consideration"* (Kebebasan dan Pertimbangan) oleh Wong Fong Yang (Pustaka SUFES: 1994). Anda mungkin mahu merujuknya untuk mendapatkan pembelajaran yang lebih meluas tentang masalah ini dan aplikasinya dalam konteks orang Asia. Pendirian yang kita akan ambil di sini adalah sama dengan pendirian dalam buku tersebut.



Objektif-Objektif Sesi

1. Memahami latar belakang dan masalah-masalah di sebalik isu memakan makanan yang telah dipersembahkan kepada berhala di kalangan orang-orang Kristian di Korintus.
2. Mengetahui prinsip-prinsip di sebalik penjelasan Paulus tentang apa yang diperbolehkan dan apa yang dilarang.
3. Mencari penyelesaian beberapa situasi dalam kehidupan sebenar yang mungkin dihadapi oleh mereka.



Pencetus Minat

Dapatkan Anda Menolak?

(Diperlukan: Pinggan, makanan yang banyak, kerusi)

1. Tujuan permainan ini adalah untuk melihat seberapa pantas setiap kumpulan dapat menghabiskan makanan di pinggan.
2. Bahagikan para peserta kepada kumpulan yang terdiri daripada lima atau enam orang.
3. Alihkan semua kerusi ke tepi.
4. Pastikan mereka berbaris di suatu hujung bilik.
5. Letakkan pinggan yang ditimbunkan dengan pelbagai jenis makanan (daripada yang sedap hingga ke makanan yang tidak sedap!) di atas kerusi di hujung bilik yang satu lagi. Setiap pinggan harus diisi dengan kuantiti makanan yang sama bagi setiap kumpulan.
6. Terangkan bahawa tujuan permainan ini adalah untuk melihat kumpulan mana yang menghabiskan makanan terlebih dahulu.
7. Bila dikatakan "Mula", ahli kumpulan yang pertama harus berlari ke

depan ke arah kerusi. Orang tersebut boleh makan seberapa banyak makanan tetapi dia harus menelannya sehingga selesai sebelum berlari semula ke belakang.

8. Orang itu kemudiannya akan menyuruh orang yang seterusnya untuk berlari dan melakukan perkara yang sama.
9. Kumpulan yang menghabiskan makanan terlebih dahulu adalah pemenang.



Renungan Firman Tuhan

A. Pengenalan

1. Bagaimanakah anda mengambil keputusan makanan yang mana harus diambil dan dimakan? Adakah anda memilih atau mencapai apa sahaja yang ada di depan? *(Biar mereka respon)*
2. Memandangkan tujuan permainan ini adalah untuk menghabiskan makanan secepat yang boleh, tidak kisahlah makanan apa yang anda makan asalkan kumpulan anda yang menghabiskan makanan di pinggan terlebih dahulu, bukan?
3. Adakah anda selalu memakan apa yang diletakkan di depan anda atau adakah anda memilih jenis-jenis makanan yang anda makan? *(Biar mereka respon)*
4. *(Pastikan mereka berbincang dalam kumpulan kecil tentang makanan yang mereka utamakan dan sebab untuknya)*
5. Selalunya, kita tidak mahu makanan sesuatu jenis makanan disebabkan citarasa dan kehendak kita. *(Rujuk kepada sebab-sebab yang mereka berikan tadi)*
6. Ada juga orang yang tidak mahu makan atas alasan kesihatan. Banyak orang yang begitu mengambil berat tentang kesihatan pada masa kini dan mereka lebih suka menjauhi makanan yang berlemak dan berkolestrol.
7. Ada juga orang yang tidak mahu makan sesetengah makanan disebabkan faktor agama. *(Pastikan mereka memberi beberapa contoh)* Daging babi adalah haram bagi orang Muslim; orang Hindu tidak memakan daging lembu; Dan banyak penganut Buddha merupakan vegetarian yang tegas.
8. Bagaimana dengan orang-orang Kristian? Adakah jenis-jenis makanan yang kita tidak dibenarkan makan? *(Biar mereka respon)*
9. Semua larangan makanan dalam kitab Imamat tidak lagi kita amalkan pada hari ini. Itu adalah sebahagian daripada hukum ritual yang memastikan orang-orang 'bersih' dalam upacara di hadapan TUHAN. Hukum ini merupakan sebahagian daripada perjanjian lama yang telah digantikan dengan perjanjian baru yang dibawa oleh Yesus Kristus. Darah-Nya telah menjadikan kita 'bersih'

daripada dosa-dosa kita. Kita tidak perlu lagi melihat hukum ritual dalam kitab Imam untuk menjadi bersih.

10. Terdapat suatu situasi di dalam Perjanjian Baru di mana masalah timbul tentang isu makanan khususnya dengan makanan yang telah dipersembahkan kepada berhala. *(Ada satu lagi peristiwa dalam Kisah Para Rasul 15 tentang isu darah dan daging daripada binatang yang dicekik, tetapi kita tidak akan membincangkan isu itu di sini).*
11. Dalam konteks orang Asia, ini sangat penting kerana banyak orang Kristian yang seringkali menghadapi dilema sama ada memakan makanan yang telah dipersembahkan atau tidak ketika sesuatu perayaan diadakan. Sebagai umat Tuhan, kita perlu tahu bagaimana kita harus memberikan respon terhadap isu ini.

B. Permasalahan & Dilema

1. Ada dua cara kita boleh mengelaskan secara ringkas waktu dan upacara orang mengambil makanan yang telah dipersembahkan:

a. Keagamaan

- Sambutan hari lahir dewa-dewi tertentu.
- Sambutan pelbagai perayaan keagamaan seperti: Perayaan Hantu Lapar (bulan ke-7 dalam kalendar Cina), Perayaan Ching Ming, Thaipusam, dan sebagainya.
- Upacara pengebumian.

b. Bukan Keagamaan

- Sambutan hari perkahwinan dan hari lahir.
 - Sambutan perayaan bukan keagamaan seperti Tahun Baru Cina, perayaan Kuih Bulan, dan sebagainya.
2. Mereka yang datang dari keluarga bukan Kristian yang ketat, akan menghadapi masalah dilema untuk memakan makanan yang telah dipersembahkan kepada nenek moyang atau dewa-dewa, contohnya semasa Hari Deepavali, Tahun Baru Cina, Gawai Antu, dan sebagainya.
 3. Kadang-kadang kita dijemput ke majlis perkahwinan atau jamuan hari lahir yang diadakan di halaman tokong di mana makanan yang telah disediakan mungkin telah dipersembahkan kepada dewa-dewa.
 4. Ada juga yang dijemput ke rumah seseorang semasa musim perayaan seperti Tahun Baru Cina, di mana makanan tersebut mungkin telah dipersembahkan kepada dewa-dewa di dalam rumah.
 5. Sebagai orang Kristian, apakah yang harus kita lakukan? Untuk memimbing kita, mari lihat beberapa prinsip berdasarkan Firman Tuhan.

C. Prinsip Alkitabiah

1. Latar Belakang Orang-orang Korintus

- a. Masalah memakan makanan yang telah dipersembahkan kepada berhala adalah masalah utama di kalangan orang-orang Kristian di Korintus. Oleh itu Paulus menulis surat untuk membantu mereka memahami sifat masalah tersebut dan bagaimana mereka sebagai umat Tuhan harus memberi respon terhadap masalah ini.
- b. Kita harus memahami latar belakang budaya mereka untuk memahami masalah yang dihadapi oleh orang Kristian Korintus.
- c. Korintus adalah sebuah bandar yang dipenuhi dengan kuil-kuil berhala dan tempat-tempat keramat.
- d. Setiap hari terutamanya ketika perayaan umum, korban-korban yang telah dipersembahkan di dalam kuil berhala akan dijual di pasar-pasar. Oleh itu, suri rumah Kristian yang membeli daging dari pasar berkemungkinan besar mendapat bahagian yang telah dipersembahkan kepada berhala.
- e. Jemputan untuk makan malam bersama sahabat dan rakan-rakan sekerja adalah ciri-ciri kehidupan orang Hellenistik atau Yunani. Perkahwinan, hari lahir dan perayaan seringkali diadakan di kuil-kuil. Biasanya ia dimulakan dengan memberikan persembahan kepada dewa-dewa dengan tujuan untuk mendapat berkat daripada dewa-dewa ketika saat yang menggembirakan itu.
- f. Oleh itu, orang-orang Kristian Korintus kadang-kadang akan cenderung atau terpaksa untuk makan di dalam kuil berhala (walaupun tempat untuk makan bukan sebahagian daripada tempat suci), kerana untuk menolak adalah suatu perbuatan kurang sopan terhadap tuan rumah atau masyarakat.
- g. Walaupun apabila sambutan diadakan di rumah, makanan selalunya terlebih dahulu sudah dipersembahkan sebagai pengucapan syukur kepada dewa-dewa.
- h. Kedua-dua fungsi sosial dan keagamaan diadakan di perkarangan kuil berhala. Semasa musim perayaan ataupun bukan, orang pagan Korintus akan pergi ke kuil berhala untuk mengucapkan syukur pada dewa-dewa bagi mendapatkan berkat, dan kemudiannya memakan hidangan kultus dan keagamaan di dalam kuil berhala.
- i. Ada banyak kelab dan persatuan di setiap bandar Yunani.
- j. Kelab-kelab ini ditubuhkan untuk menggalakkan hubungan sosial.
- k. Semua persatuan keagamaan, profesional (contohnya, pedagang, tukang, dan lain-lain) dan lain-lain seperti gimnasium bertujuan untuk memajukan pendidikan Yunani.
- l. Untuk kelab-kelab dan persatuan-persatuan yang mempunyai ciri-ciri keagamaan dan yang didedikasikan untuk dewa-dewa

tertentu, makanan yang dihidangkan ketika perjumpaan atau perkumpulan mereka pasti sudah dipersembahkan kepada berhala.

- m. Manakala makanan yang dihidangkan oleh kelab atau persatuan lain yang bertujuan sosial mempunyai dua kemungkinan samada sudah ataupun tidak dipersembahkan kepada berhala.
- n. Oleh itu, dalam hubungan harian dengan rakan-rakan, keluarga atau rakan sekerja pagan mereka, orang-orang Kristian Korintus menghadapi tekanan besar untuk turut serta paling tidak dalam jamuan makanan yang telah dipersembahkan, walaupun mereka tidak terlibat dalam upacara penyembahan berhala.

2. Masalah-masalah Orang-orang Korintus

a. Hati Nurani Orang Lain (1 Korintus 8:1-13)

- i. Nampaknya ada orang dalam gereja Korintus yang tidak mempunyai masalah dengan memakan makanan yang telah dipersembahkan kepada berhala. Apakah alasan mereka yang dinyatakan oleh Paulus? (*Suruh mereka merujuk 1 Korintus 8:1, 4-6*)
- ii. Mereka mendakwa bahawa pengetahuan yang mereka miliki telah memberikan mereka hak untuk memakan makanan sebegitu.
- iii. Pertama, mereka memberikan alasan bahawa mereka tahu berhala itu bukan apa-apa. Kerana mereka hanya percaya kepada TUHAN yang Esa.
- iv. Kedua, mereka memberikan alasan bahawa tiada salahnya memakan makanan yang telah dipersembahkan kerana mereka mengakui kebergantungan mereka terhadap Allah Bapa dan terhadap satu Tuhan, Yesus Kristus.
- v. Bagaimana Paulus menjawab mereka? (*Suruh mereka merujuk ayat-ayat 1-3, 7-13*)
- vi. Paulus menjawab bahawa pengetahuan mereka, walaupun benar, hanya menghasilkan kesombongan dan tidak meneguhkan kepercayaan orang lain (ayat 1b). Kasih, dan bukannya pengetahuan (ayat 3), harus menjadi prinsip kebebasan orang Kristian.
- vii. Tidak semua orang tahu tentang kebenaran berhala (ayat 7). Ada yang dahulunya pernah menyertai persatuan yang menyembah berhala, tidak mahu memakan kerana hati nurani mereka (ayat 7).
- viii. Oleh itu, memakan makanan yang telah dipersembahkan akan menyebabkan orang-orang Kristian yang lemah tersandung (ayat 9-11). Dengan itu, mereka akan berdosa terhadap saudara Kristian mereka dan juga Kristus (ayat 12).

- ix. Menurut Paulus, faktor penting dalam mengetahui sama ada untuk memakan atau tidak makanan yang telah dipersembahkan bukan melalui pengetahuan tetapi kesan tindakan seseorang terhadap yang lain.

b. Makan dalam Persekitaran Keagamaan (1 Korintus 10:14-22)

- i. Apakah yang diajar oleh Paulus mengenai mengambil bahagian dalam jamuan keagamaan walaupun jika ia bertujuan sosial? (*Rujuk pada 1 Korintus 10:14-22*)
- ii. Paulus melarang orang-orang Kristian Korintus daripada mengambil bahagian dalam jamuan keagamaan.
- iii. Apakah alasan-alasannya? (*Biar mereka memberikan respon*)
- iv. Paulus mengajar bahawa perjamuan kudus (wain dan roti) membawa orang Kristian secara rohaniah terlibat dalam darah dan tubuh Yesus Kristus dan bersatu dengan-Nya (ayat 16).
- v. Dalam cara yang sama, apabila orang Yahudi meletakkan korban di atas mazbah dan memakan korban tersebut, mereka melibatkan diri dalam penyembahan Allah (ayat 18).
- vi. Oleh yang demikian, Paulus mengatakan sebarang bentuk penyertaan dalam jamuan berhala biarpun hanya untuk makan, adalah menyembah berhala kerana ia sama seperti bersatu dengan roh-roh di sebalik berhala tersebut (18-20).
- vii. Paulus tidak berkata bahawa daging korban telah dicemari dengan kehadiran roh-roh, dan dengan itu memakan makanan tersebut akan mendatangkan kemudaratan kepada tubuh.
- viii. Dia berkata bahawa dengan melibatkan diri dalam jamuan kultus atau keagamaan sebenarnya akan membangkitkan perasaan cemburu Allah dan seterusnya akan menyebabkan kemarahan Allah (ayat 22).
- ix. Larangannya diaplikasikan bukan sahaja terhadap makan di dalam kuil berhala, tetapi juga melibatkan rumah-rumah dan persatuan-persatuan keagamaan lain di mana jamuan kultus diadakan. Hal ini kerana tumpuannya bukan terhadap tempat di mana makanan dimakan tetapi terhadap sifat jamuan tersebut.

c. Makan dalam Persekitaran Bukan Keagamaan (1 Kor. 10:23-11:1)

- i. Dalam keadaan apakah Paulus membenarkan kita memakan makanan yang telah dipersembahkan kepada berhala? (*Suruh mereka merujuk pada 1 Korintus 10:23-11:1*)
- ii. Situasi pertama adalah berkaitan dengan makanan yang dijual di pasar. Paulus berkata bahawa orang-orang Korintus boleh makan apa sahaja yang dijual di pasar daging tetapi dengan syarat mereka melakukannya tanpa bertanya soalan yang akan menimbulkan kesangsian kepada hati nurani mereka.
- iii. Alasannya adalah ia merupakan keadaan yang berkecuali.

Memandangkan tidak semua daging telah dipersembahkan, orang percaya mempunyai kebebasan untuk memakannya tanpa dibatasi oleh orang lain, dengan syarat dia tidak menyiasat terlebih dahulu. Alasan Paulus ialah asalkan penyembahan berhala tidak terlibat dan yang lemah tidak tersandung, orang percaya boleh makan makanan yang telah dipersembahkan memandangkan segala sesuatu termasuk makanan merupakan milik Tuhan (ayat 26).

- iv. Hukum yang sama diaplikasikan dalam situasi kedua di mana orang tidak percaya menjemput orang percaya untuk makan. Makanan yang dimaksudkan di sini berkemungkinan besar merujuk kepada jamuan bukan keagamaan yang diadakan dalam rumah, kelab-kelab atau persatuan-persatuan sosial.
- v. Paulus berkata bahawa orang percaya boleh memakan apa sahaja yang dihidangkan di hadapannya tanpa mempersoalkan tentang sifat atau asal makanan untuk kebaikan hati nurani mereka (ayat 27).
- vi. Walau bagaimanapun, jika seseorang mengatakan bahawa makanan tersebut telah dipersembahkan, dia tidak boleh memakannya (ayat 28). Apakah alasan untuk hal itu? (*Biar mereka memberikan respon.*)
- vii. Ia bertujuan supaya tidak membuatkan orang Kristian yang lemah tersandung (ayat 29) dan menimbulkan kekeliruan kepada orang yang telah mengatakannya (ayat 28).
- viii. Paulus menambah bahawa jika memakannya boleh menyinggung perasaan orang Yahudi atau Yunani atau jemaah Allah, orang percaya tidak boleh memakannya kerana tujuannya adalah untuk memenangkan mereka bagi Allah.

3. Ringkasan

- a. Reaksi Paulus terhadap masalah orang Korintus mengenai makanan yang telah dipersembahkan boleh diringkaskan kepada tiga cara:
 - i. Dia melarang memakan dalam jamuan keagamaan, walaupun yang mempunyai unsur sosial yang kuat. Ini termasuklah makanan di dalam kuil-kuil berhala, tempat-tempat keramat, rumah-rumah dan persatuan-persatuan di mana korban keagamaan telah dipersembahkan kepada dewa-dewa. Makan dalam keadaan seperti itu akan dianggap sebagai menyembah berhala.
 - ii. Dia membenarkan memakan makanan yang dibeli di pasar daging, yang mungkin sudah atau tidak dipersembahkan.

Makanan yang dihidangkan dalam jamuan bukan keagamaan di rumah-rumah, kelab-kelab atau persatuan-persatuan bukan keagamaan boleh dimakan dengan syarat tiada perhatian diberikan terhadap sumber makanan itu. Jika perhatian diberikan terhadap hakikat bahawa makanan tersebut telah dipersembahkan, memakannya adalah dilarang. Bukan kerana ia berhala, tetapi kerana ia akan menyebabkan orang bukan percaya keliru dan akan membuatkan orang percaya yang lemah tersandung.

- iii. Dia berkata bahawa orang-orang Kristian harus peka terhadap hati nurani orang lain dan harus berhati-hati agar tidak membuatkan orang percaya yang lemah tersandung ketika mereka mempraktikkan kebebasan yang mereka ada sebagai orang-orang Kristian.
- b. Ini adalah tiga prinsip yang kita boleh gunakan sebagai panduan untuk diaplikasikan dalam konteks Asia kita.
- c. Keputusan untuk memakan atau tidak memakan makanan yang telah dipersembahkan dalam sesuatu situasi tidak mudah untuk dilakukan. Ini adalah kerana Paulus tidak meletakkan peraturan mutlak untuk mengawal semua situasi. Dia tidak memberi jawapan mudah ya atau *tidak* secara terus terang.



Doa

Tanya mereka jika mereka sering menghadapi masalah yang seperti ini. Berdoa agar Tuhan mengurniakan mereka kebijaksanaan-Nya untuk membuat pilihan yang tepat agar mereka akan memuliakan-Nya dan tidak menjadi batu sandungan kepada orang-orang di sekeliling mereka. Berdoa agar belas kasihan dan damai sejahtera-Nya menyertai mereka sepanjang mereka menjalani kehidupan sebagai bukti realiti dan kasih-Nya kepada keluarga mereka.

Sesi 7: Penyembahan Nenek Moyang

Penyembahan nenek moyang merupakan amalan yang mempunyai sejarah panjang dalam kebanyakan budaya, terutamanya di Timur. Walau bagaimanapun, ia bukan dalam lingkungan sesi ini untuk dibincangkan semua tentangnya. Tumpuan dalam sesi ini adalah tentang apa yang diamalkan dalam masyarakat Cina dan beberapa suku Bumiputera di Sabah & Sarawak. Prinsip-prinsip Alkitabiah yang diketengahkan di sini adalah tetap relevan tanpa menghiraukan perbezaan dalam amalan-amalan dalam masyarakat yang berlainan. Penyesuaian mungkin diperlukan untuk para peserta yang datang dari budaya yang berlainan, tetapi Firman Tuhan tetap sama dari dulu hinggalah sekarang.

Amalan penyembahan nenek moyang adalah inti kepercayaan dan budaya orang Cina. Ia bukan sebuah topik yang mudah untuk dibincangkan kerana dilipisi dengan pelbagai teori dan ritual yang berbeza-beza mengikut kawasan dan tempat. Walaupun dalam satu kawasan yang sama, masih terdapat banyak kepelbagaian kerana sifat agama yang diamalkan oleh orang Cina.

Masalah tambahan adalah kerana sifat kepercayaan keagamaan orang Cina itu sendiri, di mana bentuk atau simbol yang sama boleh ditafsirkan secara berbeza-beza oleh orang berbeza di tempat yang berbeza. Ketiadaan pentafsiran yang konsisten terutama di kalangan orang-orang bukan Kristian itu sendiri, telah menyebabkan ketiadaan persetujuan sebulat suara di kalangan pemimpin-pemimpin Kristian dalam menilai dan memberi respon kepada amalan-amalan tersebut. Ini adalah sesuatu yang anda harus fikirkan semasa memimpin perbincangan dalam sesi ini.

Oleh kerana isu ini sangat kompleks dan contoh-contoh upacara yang terlibat adalah sangat luas, sesi ini tidak mampu membincangkan kesemua maklumat dan butiran yang anda perlukan. Ada dua buah buku yang boleh anda rujuk untuk mendapatkan liputan yang meluas mengenai topik ini:

- *Feeding on Ashes A Biblical Evaluation of Chinese Ancestral Worship* oleh Rev. Daniel Chua Meng Wah (Penerbitan Kairos : 1998)
- *The Christian Answer to Ancestral Worship* oleh Lucy Tan (Asian Beacon: 1978)



Objektif-Objektif Sesi

1. Memahami kepercayaan di sebalik pemahaman orang Cina tentang orang mati.

2. Menilai kepercayaan dan amalan penyembahan nenek moyang orang Cina melalui kaca mata Alkitab.
3. Mengetahui sama ada amalan tersebut bersifat keagamaan, sosial atau kebudayaan.
4. Membincangkan dan memikirkan respon mereka terhadap amalan penyembahan nenek moyang.



Pencetus Minat

Apa Yang Anda Tahu?

1. Tanya mereka apa yang mereka tahu tentang kepercayaan-kepercayaan tentang orang mati, apa yang terjadi kepada roh mereka yang mati, ke mana mereka pergi, dan sebagainya.
2. Kemudian, pastikan mereka berbicara mengenai apa yang mereka tahu tentang apa yang terlibat dalam upacara penyembahan apabila seseorang meninggal dunia.



Renungan Firman Tuhan

A. Pengenalan

1. Kematian dan nazak bukanlah sesuatu yang suka diperkata orang, terutamanya orang-orang Asia.
2. Walau bagaimanapun, sebagai orang-orang Kristian, kita tidak perlu memikirkan hal-hal tahyul seperti kematian kerana Tuhanlah yang memegang kehidupan kita di dalam tangan-Nya.
3. Apabila orang meninggal dunia, mereka biasanya akan meninggalkan kepunyaan mereka kepada mereka yang paling rapat di hati mereka, bukan? (*Rujuk pada apa yang telah mereka catat*)
4. Apabila ibu bapa yang tua meninggal dunia, biasanya mereka akan meninggalkan harta dan kepunyaan mereka kepada anak-anak yang masih hidup. Itu adalah tanggungjawab mereka sebagai ibu bapa.
5. Dalam keluarga tradisional Cina, anak-anak yang ditinggalkan oleh ibu bapa mereka juga mempunyai tanggungjawab. Apa yang tertanam jauh dalam budaya orang Cina adalah konsep ketaatan atau hormat dan kepatuhan kepada ibu bapa mereka.
6. Konsep taat dan hormat kepada ibu bapa inilah, terutamanya kepada ketua keluarga yang dikatakan harus diteruskan walaupun selepas ibu bapa meninggal dunia.
7. Ini adalah landasan kepercayaan utama di sebalik amalan penyembahan nenek moyang dalam keluarga-keluarga Cina. Apakah yang dimaksudkan dengan 'penyembahan nenek moyang'? (*Biar mereka memberikan respon*)

8. Penyembahan nenek moyang adalah kepercayaan dan amalan keagamaan yang ditujukan untuk ibu bapa atau nenek moyang yang telah mati. Ia adalah amalan yang mempunyai sejarah panjang dalam pelbagai budaya walaupun kita hanya akan membincangkan amalan yang dijalankan di kalangan orang Cina.
9. *(Tanya mereka sama ada mereka tahu atau tidak asal-usul amalan ini di kalangan orang Cina)*
10. Terdapat beberapa bukti tentang penyembahan nenek moyang seawal abad ke-23 Sebelum Masehi di China! Pada masa itu, dipercayai bahawa nenek moyang disembah untuk kerana kebaikan dan sumbangan mereka. Kebanyakan orang ini adalah penganut animisme, iaitu mereka yang menyembah objek alam, yang percaya bahawa terdapat roh di dalamnya.
11. Semasa Dinasti Chou (abad ke-18 hingga abad ke-12 Sebelum Masehi), amalan penyembahan nenek moyang disamakan dengan penyembahan Syurga. Berabad-abad kemudian, Konfucius mentafsirkan semula amalan ini dengan mengaitkannya dari segi tanggungjawab sosial dan moral terhadap keluarga.
12. Tetapi kepada kebanyakan orang Cina, penyembahan nenek moyang menjadi pusat kehidupan keagamaan mereka. Dipercayai bahawa pembakaran colok, lilin-lilin dan wang kertas telah diperkenalkan selepas agama Buddha masuk ke Negeri China.
13. Pada umumnya, penyembahan nenek moyang yang masih popular diamalkan sekarang, adalah campuran kepercayaan dan amalan penganut animism-Konfusius-Taoisme-Buddha.
14. Oleh kerana ia meliputi amalan keagamaan, sosial dan kebudayaan, adalah penting bagi kita untuk mengetahui dan memahami kepercayaan-kepercayaan di sebaliknya supaya kita tahu bagaimana kita harus memberikan respon sebagai orang-orang Kristian.

B. Kepercayaan-kepercayaan Orang Cina

Di bawah adalah ringkasan kepercayaan-kepercayaan orang Cina tentang orang:

1. Pertama, mereka percaya dengan kewujudan yang berterusan si mati. Dalam pemahaman orang Cina, kematian membawa ke arah kewujudan dalam bentuk yang lain. Pada waktu kematian, jiwa atau roh dipisahkan daripada tubuh dan pergi ke 'syurga' atau ke 'alam yang lain'. Mereka percaya bahawa si mati harus menempuh perjalanan ke sana pada waktu kematiannya. Oleh kerana dia menghadapi banyak halangan di sepanjang perjalanan, adalah menjadi tugas orang yang hidup untuk membantunya sampai ke destinasi. Sebab itulah mengapa dalam beberapa keluarga tradisional Cina, objek-objek tertentu diletakkan di dalam keranda

bersama-sama si mati untuk membantunya sepanjang perjalanannya. Sebagai contoh, mutiara diletakkan di dalam mulut untuk menandakan perjalanan yang terang atau untuk mengelakkannya daripada datang semula (pentafsiran kadang-kadang berbeza mengikut kawasan di China); kayu di tangan kanannya untuk memukul anjing-anjing yang menjaga jalan; sedikit duit syiling dalam tangan kirinya untuk membayar pelbagai dewa-dewa atau roh-roh yang berjaga di tempat-tempat berlainan tertentu di sepanjang perjalanannya.

2. Kedua, mereka percaya bahawa sekiranya langkah-langkah ini tidak diambil untuk membantu si mati, jiwa atau rohnya tidak dapat berangkat dan dia akan tinggal di dunia dan membawa banyak malapetaka kepada orang hidup. Setiap usaha untuk mengelakkan hal ini dilakukan oleh orang yang masih hidup dalam tempoh 49 hari selepas kematian. Sebagai contoh, mayat diletakkan dalam posisi agar ia menghadap pintu hadapan untuk membolehkan roh berangkat; setiap cermin dan kaca yang memantulkan cahaya di dalam rumah harus diliputi dengan kertas atau kain untuk mengelakkan roh daripada tinggal di dalam kaca atau untuk menghalang roh-roh jahat; dan sebagainya. Selepas 49 hari, dipercayai bahawa roh si mati tidak akan kembali untuk mengganggu orang yang masih hidup.
3. Ketiga, dipercayai bahawa kehidupan di dunia lain sama dengan kehidupan di bumi, iaitu mereka masih hidup dalam cara yang sama dan mempunyai keperluan yang sama. Oleh itu, mereka harus diingati. Orang yang masih hidup harus membekalkan si mati dengan semua yang dia perlukan seperti rumah, kereta, makanan, dan lain-lain. Hal ini turut menerangkan mengapa ada orang yang mempunyai keinginan untuk berhubung dengan roh-roh si mati (ini dipanggil sebagai *necromancy*), biasanya dengan bantuan seorang perantara, untuk mendapat tahu keadaan dan apa yang mereka perlukan. Bersama-sama dengannya adalah kepercayaan tentang kebergantungan antara yang hidup dan yang mati -- yang hidup untuk keberkatan dan yang mati untuk korban. Mereka percaya bahawa si mati tetap mempunyai keinginan yang sama dalam hal kehidupan dan boleh melindungi serta memberkati mereka. Oleh itu, mereka perlu memberi penyembahan, sanjungan dan korban yang berterusan. Jika tidak, si mati akan membawa penyakit, malapetaka dan nasib malang kepada mereka. Hal ini menerangkan mengapa ketakutan adalah sebab utama banyak orang yang meneruskan penyembahan nenek moyang. Sekiranya tindakan roh-roh tersebut terus memberi kesan kepada yang masih hidup, maka sebaiknya mereka terus memberikan korban. Sebagai balasan, roh-roh ini dapat membalas dengan memberikan keberkatan.

C. Pandangan Alkitab

1. Tempat untuk Orang Mati (Luk. 23:43; 2 Kor. 5:8; Wahyu 20:12-13)

- a. Pertama, kepercayaan bahawa roh si mati dapat dibantu dengan usaha-usaha orang yang masih hidup dalam perjalanan mereka untuk ke alam lain.
- b. Menurut Alkitab, apa yang terjadi kepada manusia apabila mereka mati? (*Biar mereka memberikan respon*)
- c. Walaupun Alkitab tidak menyatakan banyak tentang keadaan orang mati, apa yang dikatakannya sudah mencukupi untuk dibandingkan dengan kepercayaan orang Cina.
- d. Dalam Perjanjian Lama, jiwa atau roh orang mati turun ke sebuah tempat yang dipanggil *Sheol*. Terdapat banyak pendapat tentang maksud dan implikasi sebenar perkataan '*sheol*'. (*Contohnya adalah kuburan, alam barzakh, keadaan kematian, dan sebagainya. Rujuk pada The New Bible Dictionary atau Feeding on Ashes untuk maklumat lanjut*).
- e. Apa pun maksudnya, ia agak jelas bahawa orang mati tidak perlu dibantu untuk pergi ke sana dan mereka tidak tinggal untuk merayau di dunia dan mengganggu yang hidup sekiranya korban tidak diberikan kepada mereka.
- f. Dalam Perjanjian Baru, konsep kehidupan selepas kematian telah diperkembangkan.
- g. (*Suruh mereka membuka Lukas 23:43 dan 2 Korintus 5:8*)
- h. Yesus berkata kepada orang yang disalibkan bersama-Nya itu akan bersama-sama-Nya sejurus selepas kematiannya. Paulus turut menekankan hal yang sama apabila dia berkata dia lebih rela bersama-sama dengan Tuhan daripada hidup di dunia dalam tubuhnya yang fana.
- i. Oleh kerana Yesus telah menghapuskan kematian dengan kematian-Nya, ia dapat difahami bahawa orang yang benar, atau mereka yang telah diselamatkan, akan tinggal bersama-sama -Nya.
- j. Tiada penjelasan lanjut diberikan tentang roh-roh yang tidak mengenali-Nya. Oleh itu, pandangan majoriti mengatakan bahawa mereka akan pergi ke *Sheol* atau *Hades* (sebutan dalam Perjanjian Baru untuk *Sheol*. lihat Wahyu 20:12-13). Ini umumnya difahami sebagai neraka.
- k. Oleh yang demikian, pandangan Alkitab adalah hubungan seseorang dengan Yesuslah yang akan menentukan apa yang terjadi kepada rohnya apabila dia meninggal dunia. Selepas kematian, roh orang mati tidak boleh lagi dibantu oleh orang hidup.

2. Roh Orang Mati (Efesus 6:12)

- a. Kedua, kepercayaan bahawa sekiranya si mati tidak dibantu, roh-roh mereka akan kekal di dunia dan membawa kesusahan kepada yang hidup.
- b. Pada pendapat anda, apakah yang Alkitab katakan tentang hal ini? (*Biar mereka memberikan respon*)
- c. Alkitab sangat jelas menyatakan bahawa orang mati tiada lagi bahagian dalam kehidupan orang yang hidup. Pada waktu kematian, mereka akan berada dalam hadirat Allah atau, menurut sesetengah pandangan, di Sheol atau Hades (neraka) bagi sesiapa yang tidak mengenal Yesus.
- d. Oleh itu, kita tidak perlu takut bahawa roh-roh orang mati akan menimbulkan masalah bagi kita sekiranya kita tidak menyembah mereka.
- e. Alkitab mengingatkan kita bahawa Iblis dan tentera syaitanlah yang menimbulkan masalah untuk kita di bumi ini. (*Rujuk Efesus 6:12*) Ini adalah roh-roh yang menyamar sebagai orang yang telah mati untuk menipu kita sehingga kita memikirkan bahawa mereka adalah roh-roh orang yang telah mati.

3. Keperluan Orang Mati (Matius 22:23-33; 1 Korintus 15:40-44)

- a. Ketiga, kepercayaan bahawa kehidupan di dunia orang mati adalah sama dengan yang di bumi.
- b. Pada pendapat anda, apakah pandangan Alkitab mengenainya? (*Biar mereka memberikan respon*)
- c. Tiada pandangan Alkitab yang menyokong kepercayaan sebegini. (*Suruh mereka membuka Matius 22:23-33 dan 1 Korintus 15:40-44*)
- d. Dalam Matius, Yesus menyifatkan keadaan di syurga tidak akan sama dengan yang di bumi. Paulus berkata bahawa tubuh kita yang dibangkitkan berbeza sepenuhnya daripada tubuh jasmani kita. Ia adalah tubuh rohani.
- e. Oleh itu, Alkitab mengatakan bahawa keadaan orang mati bukan sambungan kehidupan di bumi atau bersamaan dengannya. Orang mati tidak mempunyai keperluan jasmani yang sama untuk makanan, tempat tinggal, wang, dan sebagainya seperti yang kita perlukan.
- f. Oeh kerana pemahaman berdasarkan Alkitab bahawa orang mati tiada kena-mengena lagi dengan yang hidup, kepercayaan bahawa terdapat kebergantungan bersama antara yang hidup dan yang mati bukanlah Alkitabiah. Orang mati tidak dapat mengawal atau mempengaruhi kehidupan orang hidup. Mereka tidak dapat memberkati mahupun menyumpah ahli keluarga mereka jika mereka tidak disembah.

4. Penyembahan Orang Mati (Kel. 20:1-6; KPR 10:25-26; Wah. 19:10)

- a. Orang Cina percaya bahawa roh-roh nenek moyang mereka

tinggal di dalam batu nisan kayu yang dibuat selepas selepas kematian mereka. (*Mereka percaya bahawa roh akan tinggal di tiga tempat – sebahagian akan naik ke 'dunia lain', sebahagian akan kekal di kuburan untuk menerima korban, dan yang ketiga akan tinggal dalam batu nisan kayu*). Oleh yang demikian, mereka akan menyembah dan mempersembahkan korban di hadapan batu nisan kayu ini, dengan berharap roh-roh nenek moyang mereka untuk memberkati dan melindungi mereka.

- b. Adakah Alkitab membenarkan kita menyembah nenek moyang kita? (*Biar mereka respon dan memberikan alasan-alasan mereka*)
- c. Alkitab mengajar bahawa hanya Allah sahaja yang patut disembah. (*Suruh mereka buka Keluaran 20:1-6*)
- d. Allah dengan jelas melarang umat-Nya daripada menyembah sebarang allah atas dasar siapakah Dia dan apa yang telah Dia lakukan (ayat 2). Hanya Yahweh yang layak disembah.
- e. Alkitab melarang penyembahan manusia fana (Kisah Para Rasul 10:25-26) dan malaikat-malaikat atau roh-roh (Wahyu 19:10).
- f. Kita tidak akan menjangka roh-roh manusia fana disembah kalau makhluk-makhluk rohani juga tidak sepatutnya tidak disembah, kan?
- g. Oleh kerana penyembahan nenek moyang menjadikan mereka seperti berhala yang menduakan Allah, ia adalah satu amalan yang bertentangan dengan ajaran Alkitab.

D. Respon Kita

- 1. Walaupun asas kepercayaan keagamaan tentang penyembahan nenek moyang tidak sesuai dengan teologi Alkitab, amalan ini telah mengakar dalam budaya orang Cina.
- 2. Di samping mempunyai fungsi keagamaan, amalan penyembahan nenek moyang juga menunjukkan fungsi sosial yang penting bagi orang Cina. Salah satu fungsi penting adalah ia digunakan di zaman China kuno untuk mengeratkan hubungan dalam suku-suku keluarga.
- 3. Oleh kerana faktor sosial dan keagamaan telah menjadi semakin sebat, kita perlu menentukan apa kebudayaan dan sosial yang tulen, dan apa yang bersifat keagamaan agar kita boleh menjadi orang-orang Cina Kristian yang dituduh menolak budaya dan warisan orang Cina.
- 4. Bagi membantu memutuskan sama ada upacara tersebut bersifat keagamaan atau tidak, anda boleh memeriksa sama ada tujuan atau maksudnya ada kena-mengena dengan:
 - a. Menjaga kebajikan orang mati (*contohnya, membakar wang kertas*)
 - b. Perlindungan daripada balasan orang mati (*contohnya, meletakkan mutiara di dalam mulut*)
 - c. Berhubungan dengan orang mati (*contohnya, menggunakan*

- perantara untuk bercakap dengan 'roh' orang mati)
- d. Menyembah orang mati (*contohnya, sembahyang dengan colok, sujud sembah (kow-tow) di hadapan keranda*)
 - e. Mempersembahkan korban untuk orang mati
5. Bagi membantu menentukan sama ada upacara adalah bersifat kebudayaan atau sosial, anda boleh memeriksa adakah tujuan atau maksudnya ada kena-mengena dengan:
- a. Menunjukkan hormat (*contohnya, membuang tanah ke atas keranda*)
 - b. Menunjukkan kesedihan dan perkabungan (*contohnya, meratap, memakai baju perkabungan*)
 - c. Mengingati orang mati (*contohnya, mengadakan upacara sembahyang tanda peringatan*)



Renungan Peribadi

Beberapa Pertimbangan Praktikal

1. Minta mereka kekal dalam kumpulan yang sama.
2. Minta mereka fikirkan sama ada satu itu upacara bersifat keagamaan atau kebudayaan atau sosial:
3. Di bawah ruang pertama, suruh mereka menyenaraikan semua upacara yang berkaitan dengan penyembahan nenek moyang. Di ruang kedua, suruh mereka menulis maksud dan tujuan di sebalik amalan sama ada mereka menganggapnya kebudayaan/sosial atau keagamaan.
4. Untuk memberikan mereka idea tentang apa yang terlibat dalam penyembahan nenek moyang, anda boleh menerangkan kepada mereka tentang upacara penyembahan nenek moyang yang bermula sewaktu pengebumian, yang akan berlanjutan ke tujuh hari selepas pengebumian, diikuti dengan upacara pada hari ke-49 dan pada hari ke-100. Selepas itu, keluarga tersebut akan memperingatinya pada setiap tahun pada hari ulang tahun tarikh kematian si mati, semasa perayaan Ching Ming, Perayaan Hantu Lapar (bulan ketujuh kalendar Cina) dan Perayaan Sembilan Berganda di mana orang mati akan disembah. Juga terdapat waktu istimewa seperti Tahun Baru Cina di mana mereka akan bersembahyang kepada nenek moyang, atau semasa pertunangan dan perkahwinan di mana pasangan harus berdiri dan sujud di hadapan altar nenek moyang.
5. Minta seorang ahli daripada setiap kumpulan untuk berkongsi tentang hasil mereka.
6. Kemudian, anda boleh ringkaskan dan mengingatkan mereka bahawa ritual nenek moyang hanya bersifat kebudayaan dan sosial,

mereka harus menerimanya sebanyak yang mungkin. Tetapi, apabila upacara tersebut menjadi bersifat keagamaan, mereka harus menahan diri daripada menyertainya. Galakkan mereka untuk terus bertekun dan setia terhadap Allah dan menghormati-Nya agar Dia akan membantu dan melindungi mereka.

7. Walau bagaimanapun, jika para peserta merupakan mereka yang belum mencapai usia dewasa dalam keluarga mereka, anda perlukan kepekaan untuk tahu bagaimana untuk memberikan nasihat yang bijak untuk mereka (dengan langkah alternatif yang mungkin mereka boleh ambil) terutamanya jika mereka berdepan dengan kemarahan ibu bapa mereka dan mungkin paling teruk, dihalau keluar dari rumah. Ajar mereka untuk menjadi peka terhadap kepercayaan ibu bapa mereka walaupun mereka tidak terlibat.



Doa

Suruh mereka berdoa untuk diri mereka, terutamanya jika mereka menghadapi masalah seperti itu di rumah. Berdoa agar perlindungan Allah dan anugerah istimewa-Nya menyertai kehidupan mereka apabila mereka berdepan dengan pergelutan seperti itu di rumah. Berdoa juga agar Dia menganugerahi mereka dengan kebijaksanaan untuk mengetahui apa yang harus dilakukan dan mendapat kekuatan untuk melakukan apa yang benar di mata-Nya.



Persediaan Minggu Hadapan

1. Terangkan bahawa sesi seterusnya akan berkisar tentang bagaimana orang Kristian mempertimbangkan untuk menziarahi rakan-rakan bukan Kristian mereka semasa mereka menyambut pelbagai perayaan.
2. Minta setiap kumpulan untuk membuat sedikit kajian tentang pelbagai perayaan orang bukan Kristian, sama ada dari Internet ataupun dari perbualan dengan rakan-rakan mereka.
3. Mereka harus mencari asal-usul perayaan itu dan memikirkan adakah ia bersifat keagamaan atau hanya merupakan kebudayaan ataupun campuran antara keagamaan dan kebudayaan.

Sesi 8: Perayaan-Perayaan Bukan Kristian



Objektif-Objektif Sesi

1. Menyedari sifat pelbagai perayaan yang disambut oleh suku bangsa yang lain di negara ini.
2. Memikirkan prinsip-prinsip yang boleh membimbing mereka dalam respon mereka terhadap perayaan-perayaan ini.
3. Mencari alternatif lain yang boleh menebus dan mengkristiankan sesetengah perayaan orang bukan Kristian.



Pencetus Minat

Tolong Paskan!

(Diperlukan: Penyedut minuman, mentega kacang)

1. Tujuan aktiviti ini adalah untuk melihat kumpulan mana yang berakhir dengan gumpalan mentega kacang yang paling besar.
2. Bahagikan para peserta kepada dua kumpulan.
3. Alihkan semua kerusi ke tepi. Anda mungkin mahu mengadakan permainan ini di luar sekiranya tidak mahu lantai kotor di akhir permainan.
4. Pastikan dua kumpulan itu berbaris berjauhan antara mereka.
5. Edarkan sebatang penyedut minuman kepada setiap orang dalam kumpulan. Mereka harus memegang penyedut di mulut mereka.
6. Letakkan gumpalan mentega kacang di hujung penyedut minuman orang paling hadapan dalam kumpulan.
7. Terangkan tujuan permainan adalah utk menghantar mentega kacang dari satu penyedut minuman ke penyedut minuman yang lain dalam barisan dan kemudiannya, kembali lagi kepada orang yang pertama.
8. Mereka tidak dibenarkan menyentuh penyedut minuman dengan tangan mereka. Setiap kali mentega kacang jatuh, mereka harus meletakkannya semula pada penyedut minuman mereka dan melakukan penghantaran sekali lagi.
9. Beritahu mereka bahawa kumpulan yang mempunyai gumpalan mentega kacang yang paling besar adalah pemenang!



Renungan Firman Tuhan

A. Pengenalan

1. Berapa ramai di antara anda yang tidak tahan dengan mentega kacang? (*Biar mereka memberikan respon*)
2. Tetapi tidak kira sama ada anda sukakannya atau tidak, anda tetap boleh menyertai permainan, bukan? Anda hanya perlu

- bermain, tidak perlu memakan mentega kacang tersebut.
3. Tujuan permainan tadi hanya untuk berseronok bersama-sama, tidak kira sama ada anda sukakan mentega kacang atau tidak, sama ada anda suka permainan yang mengotorkan atau tidak.
 4. Salah satu masalah yang kita hadapi sebagai orang Kristian dalam masyarakat yang berbilang kaum dan agama adalah cuba untuk menjadi sebahagian daripada komuniti dan tidak mengkompromi prinsip-prinsip dan nilai-nilai orang Kristian.
 5. Salah satu dilema yang bangkit adalah apabila bangsa-bangsa lain menyambut beberapa perayaan mereka. Ramai orang Kristian yang tidak pasti tentang bagaimana untuk memberikan respon apabila dijemput untuk merayakannya bersama rakan-rakan mereka kerana kebanyakan perayaan bukan sahaja bersifat sosial malah turut bersifat keagamaan.
 6. Bolehkah kita berseronok dengan rakan-rakan kita tanpa mengira apa jenis perayaan yang terlibat?
 7. Ini adalah apa yang akan kita bincangkan dalam sesi pada hari ini.

B. Perayaan-perayaan

- i. *(Rujuk kepada apa yang mereka tuliskan dalam Aktiviti Bersama)*
- ii. Berikut adalah beberapa perayaan utama yang di Malaysia (Anda mungkin mahu menambah apa sahaja yang berkaitan dengan situasi anda jika ia tidak termasuk dalam senarai ini. Anda mungkin mahu mereka mengumpulkan senarai yang lebih terperinci selepas ini dan menjadikannya boleh diguna oleh semua orang).

Perayaan	Ciri-ciri Perayaan
Hari Raya Puasa	Ini menandakan akhir bulan Ramadan, iaitu bulan berpuasa dan penahanan diri orang Muslim. Perayaan bermula pada keesokan pagi selepas bulan pertama pada bulan berikutnya, iaitu Syawal. Ia dimulakan dengan bersembahyang di masjid pada waktu pagi dan menziarah kubur untuk mendoakan roh-roh orang yang disayangi. Selepas itu, jamuan akan dimulakan.
Hari Deepavali	Ia adalah hari pentahbisan kepada dewa Hindu, iaitu Dewa Murugan atau kadang-kadang dikenali sebagai Dewa Subramaniam. Para penganut dan orang-orang yang berniat yang telah membuat nazar tertentu kepada dewa-dewa, akan membawa <i>kavadis</i> , suatu bingkai yang dihiasi dengan kertas berwarna-warni, logam atau kertas yang berkilat, buah-buahan dan bunga-bunga segar sebagai suatu bentuk penebusan dosa dan ditebuk ke dalam tubuh di pelbagai bahagian. Orang-orang lain akan mempersembahkan madu atau susu.

Perayaan	Ciri-ciri Perayaan
Tahun Baru Cina	Ini adalah perayaan terpenting orang Cina. Ia menandakan bermulanya Tahun Baru mengikut kalendar Cina. Ramai orang Cina bersembahyang kepada dewa-dewa rumah (terutamanya Dewa Dapur, menyambut Dewa Kekayaan) dan nenek moyang mereka, berterima kasih untuk berkat dan perlindungan mereka. Mereka mengakui kehadiran nenek moyang mereka pada malam Tahun Baru dan menyediakan makan malam buat mereka dalam jamuan keluarga. Roh-roh nenek moyang bersama-sama mereka yang hidup, akan merayakan tahun baru dalam suatu komuniti yang besar. Hari pertama adalah untuk “mengalu-alukan dewa-dewa syurga dan bumi”. Pada hari kelapan, orang-orang Hokkien mengadakan makan besar dan pada waktu tengah malam, mereka berdoa kepada Tian Gong, iaitu Dewa Syurga. Terdapat banyak tahyul yang turut dikaitkan dengan Tahun Baru Cina, seperti tidak boleh menyapu dan membuang debu rumah pada Hari Tahun Baru, dan sebagainya.
Perayaan Kuih Bulan	Sejarahnya bermula dengan meraih kejatuhan orang-orang Mongol pada akhir Dinasti Yuan di China. Ia jatuh pada hari ke-15 bulan kelapan dalam kalendar Cina. Perayaan ini dirayakan dengan perarakan tanglung berwarna-warni dan memakan kuih bulan. Menurut lagenda, mesej rahsia diletakkan dalam kuih-kuih bulan yang membawa ke arah pemberontakan yang akhirnya menggulingkan Dinasti Mongol. Pada zaman sekarang, dengan tercampur-aduknya agama Taoisme, ada keluarga yang mengadakan upacara sembahyang kepada Dewi Bulan.
Hari Wesak	Ini adalah hari terpenting dalam kalendar Buddha. Ia menandakan kelahiran, kesedaran dan kematian Buddha. Penganut-penganut Buddha akan berkumpul di tokong-tokong untuk melepaskan burung-burung merpati dan bersembahyang. Ia juga merupakan waktu untuk mereka memberikan sedekah kepada sami-sami dan makanan kepada yang memerlukan.
Hari Gawai	Ini adalah sambutan hari terakhir musim penuaian padi oleh orang Iban dan Bidayuh di Sarawak. Orang Iban juga menyambutnya pada permulaan tahun baru mereka. Terdapat banyak pesta-ria, tarian dan meminum <i>tuak</i> , iaitu wain beras yang kuat. Persembahan juga akan dibuat bagi penyembahan nenek moyang dan tuhan-tuhan mereka.
Pesta Kaamatan	Pesta menuai yang disambut oleh suku Kadazandusun dan Murut. Selain daripada berunsur sosial, ada juga unsur penyembahan animistik yang dilakukan oleh <i>Bobohizan</i> , bomoh perempuan kaum Kadazandusun. Pemilihan ratu cantik, <i>Unduk Ngadau</i> juga mempunyai lagenda tentang Kinorohingan yang mengorbankan anaknya Huminudon. Tapai dan tuak adalah satu kemestian.

- iii. Minta mereka untuk berbincang sebagai kumpulan tentang prinsip yang mereka harus gunakan sebagai panduan untuk membantu

mereka membuat keputusan sama ada mereka patut menghadiri sambutan dan menyertai temasya itu atau tidak. Suruh mereka kongsi hasil dapatan dan alasan mereka.

C. Apa Respon Kita?

1. Adakah Penyembahan Berhala Terlibat? (1 Korintus 10:18-22)

- a. Paulus menyatakan dengan jelas bahawa apabila kita menyertai suatu perayaan untuk dewa-dewa lain, kita sedang menyembah roh-roh di sebalik dewa-dewa tersebut.
- b. Oleh itu, sekiranya kita menyertai meraikan perayaan keagamaan lain yang diadakan terutamanya di tempat-tempat penyembahan dewa-dewa mereka, pada dasarnya kita akan turut mengambil bahagian dalam penyembahan dewa-dewa tersebut.
- c. Tidak ada bezanya sama ada kita mengambil bahagian secara aktif atau hanya berada di situ untuk melihat upacara perayaan. Kita adalah sebahagian daripada upacara yang akan dipersembahkan kepada dewa-dewa ini.
- d. Oleh itu, jika kita dijemput untuk ke suatu perayaan yang diadakan di tempat penyembahan dewa-dewa ini, kita sebenarnya akan mengambil bahagian dalam penyembahan berhala (ayat 14).
- e. *(Pastikan mereka merujuk pada sebarang perayaan yang telah mereka sebutkan dan lihat sekiranya perayaan itu diadakan di tempat penyembahan. Ada perayaan tertentu seperti Hari Thai Pusam, yang ramai orang termasuk orang-orang Kristian, suka untuk mengambil bahagian. Mereka seronok melihat bukan sahaja perarakan yang diadakan, tetapi juga persediaan di kuil-kuil. Seluruh perarakan dari awal hingga akhir, pada dasarnya adalah perayaan keagamaan)*
- f. *(Tanya mereka apa yang akan mereka lakukan sekiranya mereka adalah ahli politik, contohnya, dan dijemput untuk menyerahkan suatu majlis di kuil kawasan pengundian mereka)*

2. Adakah Ia Berkonteks Sosial? (1 Korintus 10:23-11:1)

- a. Sekiranya perayaan diadakan di rumah tanpa melibatkan unsur penyembahan, kita boleh mengaplikasi prinsip yang Paulus gunakan untuk memakan daging yang telah dipersembahkan yang dijual di pasar.
- b. Pada dasarnya, kebanyakan perayaan yang kita dijemput oleh rakan-rakan atau rakan-rakan sekerja untuk ke rumah mereka adalah sebahagian daripada perkumpulan sosial.
- c. Dalam kes sebegini, adakah kita bebas untuk datang ke rumah mereka? *(Biar mereka memberikan respon)*
- d. Prinsip yang sama diaplikasikan lagi. Sekiranya dinyatakan bahawa perayaan itu adalah bersifat keagamaan, kita harus menahan diri bagi kebaikan hati nurani rakan-rakan kita atau orang-orang Kristian yang lemah imannya yang kita kenal.

- e. Perayaan-perayaan manakah yang jatuh dalam kategori ini? Yang manakah pada dasarnya, bersifat kebudayaan? (*Biar mereka merujuk pada senarai mereka*)
- f. Sebagai orang Kristian, adakah kita dibenarkan untuk menyambut perayaan-perayaan yang berasaskan keagamaan? (*Biar mereka memberikan respon*).
- g. Bagi membolehkan kita tidak terputus daripada budaya kita dan membenarkan orang-orang bukan percaya berfikir bahawa agama Kristian adalah kepercayaan berbeza yang mengasingkan kita daripada asal-usul kita, kita harus berfikir cara-cara untuk merayakan perayaan kebudayaan kita tanpa melibatkan simbol keagamaan di dalamnya.
- h. Kita harus menyelamatkan budaya kita sebagai orang-orang Kristian, iaitu dengan menghapuskannya daripada asal-usul keagamaan, dan mengkristiankannya supaya kita tetap boleh merayakannya sebagai orang-orang Kristian.
- i. Kita perlu mengekalkan sebanyak amalan yang mungkin yang bersesuaian dengan ajaran Alkitab. Yang mana bersifat neutral kita boleh kekalkan. Bagi yang mempunyai makna keagamaan, kita boleh cuba untuk menebuskannya.
- j. Kita lihat contoh-contoh dalam Perjanjian Lama. Orang-orang Israel berkongsi kebanyakan adat perkabungan mereka dengan orang-orang Kanaan dan orang-orang lain dari kawasan Timur Kuno, contohnya, memakai pakaian daripada kain guni, abu bakaran, meraung dengan kuat, dan sebagainya. Mereka menolak upacara yang tidak bersesuaian dengan ajaran-ajaran Allah seperti mencederakan diri sendiri yang dilakukan oleh penyembah-penyembah Baal kerana konsep pemberian darah seseorang adalah untuk memberikan tenaga kepada dewa Baal.
- k. Orang-orang Kanaan menggunakan korban binatang untuk memujuk allah-allah mereka; Allah menebuskan beberapa amalan kultus ini dan menjadikannya konsep penebusan dosa.
- l. Ia telah dicadangkan bahawa orang-orang Kristian terdahulu telah menyambut perayaan kelahiran 'Matahari Kebenaran' sebagai menggantikan perayaan orang pagan, iaitu perayaan Matahari yang Tidak Dapat Ditawan di solstis musim sejuk (waktu siang paling pendek dalam setahun). Itu merupakan bagaimana Hari Krismas dipercayai telah muncul.
- m. Contoh lain adalah Perayaan Ching Ming yang secara jelas bersifat keagamaan. Walau bagaimanapun, sebagai orang-orang Kristian kita masih boleh menebuskannya. Kita masih boleh pergi ke tempat perkuburan tetapi kita boleh membawa bunga-bunga sebagai menggantikan persembahan makanan dan batang colok. Melalui cara ini, kita masih boleh mengekalkannya sebagai sebahagian daripada budaya kita di mana kita mengingati orang-

orang yang kita sayangi yang telah meninggal dunia.

- n. Tahun Baru Cina merupakan satu contoh lain. Walaupun ia tidak berasal daripada perayaan keagamaan, ia mengandungi banyak unsur keagamaan yang kuat kerana sesetengah ahli keluarga menyembah dewa-dewa dan nenek moyang mereka sebelum makan malam bersama. Sebagai orang Kristian, kita masih boleh menyambutnya dengan menumpukan pada hubungan sosial dan kekeluargaan. Kita boleh menggunakannya sebagai masa untuk mengucap syukur kepada Allah untuk tahun yang baik begitu juga dengan kesihatan keluarga dan mungkin juga untuk menghormati ahli keluarga yang lebih tua.
- o. Pada akhirnya, kita perlu ingat bahawa tujuan kita adalah untuk hidup seperti Kristus agar orang lain dapat datang untuk mengenali-Nya dan diselamatkan. (*Rujuk pada 1 Korintus 10:31-11:1*) Itu adalah apa yang telah membentuk kehidupan Paulus dan ia harus membentuk kehidupan kita juga.
- p. Apa pun reaksi kita kepada rakan-rakan bukan Kristian atau jiran-jiran kita, ia harus selalu beserta dengan tujuan untuk cuba mencari kebaikan buat mereka dan membawa mereka dekat kepada kerajaan Allah.

3. Adakah Hati Nurani Orang Lain Terlibat? (1 Korintus 8:1-13)

- a. Prinsip ketiga untuk dipertimbangkan adalah hati nurani orang Kristian yang lemah (ayat 9).
- b. Oleh itu, sekiranya anda dijemput ke suatu sambutan perayaan di rumah salah seorang rakan dan anda tahu bahawa ada saudara seiman yang mempunyai masalah dengan orang-orang Kristian menyambut perayaan sebegini, anda harus menahan diri daripada pergi bagi mengelakkan mereka tersandung.
- c. (*Pastikan mereka merujuk pada ayat-ayat 7-8, 13*) Paulus sangat jelas mengatakan sama ada memakan atau tidak memakan tidak akan membawanya dekat kepada Allah. Oleh itu, dia lebih memilih untuk mengelakkan orang Kristian lain tersandung.
- d. Prinsipnya juga sama di sini. Sama ada kita menyambut atau tidak sesuatu perayaan itu, ia tidak akan membawa kita lebih dekat kepada Allah. Oleh itu, kita harus berfikir tentang hati nurani dan kehidupan rohani saudara-saudara Kristian kita terlebih dahulu.
- e. Jadi sama ada anda berfikir bahawa ia boleh atau tidak harus menjadi pertimbangan anda bagi kebaikan rohani orang Kristian yang lain. Kita tidak boleh menggunakan kebebasan kita sebagai orang Kristian untuk saling menyakiti dalam Kristus.



Doa

Akhiri sesi dengan doa.

Siri buku OBOR Belia yang diterbitkan oleh Wawasan Penabur Sdn.Bhd. ini mengandungi tema-tema utama Iman Kristian dan isu-isu praktikal yang dihadapi oleh pemuda-pemudi zaman sekarang. Sebanyak 25 buku dalam Siri OBOR Belia yang merangkumi kurikulum 5 tahun telah dirancang untuk kegunaan pemundat dan persekutuan belia.

Ada empat kategori utama untuk siri OBOR ini: *Asas-asas Iman, Kehidupan dalam Kristus, Isu-Isu Praktikal* dan *Cara Menghadapi Kepercayaan-Kepercayaan Lain*. Semua pelajaran telah ditulis dengan lengkap dan sistematik, mengandungi ajaran Alkitab yang kukuh, bersifat interaktif dan sedia digunakan oleh para pembimbing dan belia.

Buku yang kedua puluh empat, "**Jalan Yang Mana Satu?**" merupakan satu langkah kecil untuk membantu para belia Kristian memahami agama dan kepercayaan lain yang ada di sekeliling mereka. Ada dua alasan untuk itu: agar kita dapat berkongsi tentang kepercayaan kita dengan orang lain; dan kita dapat mempertahankan iman kepercayaan kita apabila dipertikaikan. Sesi 1-5 bertujuan untuk membantu para belia Kristian memahami asas kepercayaan utama dan amalan agama yang popular di negara ini, ia juga meliputi kultus (*cults*) dan amalan ilmu ghaib (*occults*). Sesi 6-8 pula akan membantu para belia Kristian belajar untuk menjalani satu kehidupan yang menyenangkan TUHAN tanpa kompromi, dan pada masa yang sama tidak menolak unsur-unsur baik dalam budaya suku bangsa mereka, ataupun budaya-budaya lain yang terdapat di sekeliling mereka.

"Didiklah orang muda menurut jalan yang patut baginya, maka pada masa tuanya pun ia tidak akan menyimpang dari pada jalan itu" (Amsal 22:6).

"Pendekatan buku ini sungguh segar. Aktivitinya yang kreatif dapat menawan minat belia. Kurikulum OBOR Belia yang ditulis menurut konteks kebudayaan Malaysia serta memberi penekanan praktikal sungguh berguna bagi pertumbuhan belia. Saya yakin bahawa kurikulum ini akan menolong mereka untuk berdiri teguh dalam iman, dan membimbing mereka untuk menyumbang terhadap pembangunan masyarakat yang bermoral, bersifat penyayang dan berperhatian."

Pr. Danil Raut, Presiden Sidang Injil Borneo (SIB) Semenanjung

"Masa depan gereja di Malaysia sangat bergantung kepada bagaimana kita mempersiapkan dan memuridkan generasi muda kita hari ini. Mereka adalah aset gereja yang sangat berharga dan merupakan calon pemimpin dalam pelayanan gereja pada masa akan datang. Kita memerlukan bahan pemuridan yang sistematik, menyeluruh dan menekankan pengajaran Firman Tuhan untuk melahirkan satu generasi yang kuat dan berdaya saing dalam dunia yang sangat mencabar ini. Saya ingin mendorong gereja-gereja berbahasa Malaysia dan Orang Asli (OA) menggunakan OBOR Belia ini untuk tujuan memperdalamkan pemahaman Alkitab dan pembentukan supaya mereka boleh bertumbuh sebagai pengikut Kristus. Siri buku ini akan membantu melahirkan generasi muda orang Kristian yang mantap di Malaysia."

Alfred R. Tals, Setiausaha Eksekutif Komisi Bahasa Malaysia,
National Evangelical Christian Fellowship (NECF)